

Jilid I
Bil. 58



Hari Jumaat
29hb Julai, 1983

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8297]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 8368]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 8368]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pengundi-pengundi yang sama bagi Kawasan-kawasan Pilihanraya
[Ruangan 8432]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK-LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S, P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
,, TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
,, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.,
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 29hb Julai, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SEKIM KESELAMATAN SOSIAL
PEKERJA (SOCSO)

1. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh menyatakan mengapa faedah-faedah SOCSO belum lagi ditambah dan diperluaskan sebelum bulan Jun sepertimana di janjikan oleh Timbalan Menteri Buruh dan sama ada akan terdapat faedah-faedah SOCSO yang lebih tinggi dan luas, dan jika ya, beri butir-butir lanjut.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya telah pun mengkaji laporan Aktuari dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai syor-syor bagaimana Sekim-sekim Keselamatan Sosial Pekerja (SOCSO) dapat diperbaiki lagi untuk menjadikannya lebih bermakna kepada semua yang diliputinya. Kementerian saya adalah dalam peringkat-peringkat akhir persediaan untuk melaksanakannya. Syor-syor yang dicadangkan itu adalah kenaikan kepada faedah-faedah yang sedang dibayar, perluasan faedah, faedah baru dan juga perluasan perlindungan. Kementerian saya telah

tidak dapat melaksanakan syor-syor ini dengan lebih awal lagi oleh kerana pihak Aktuari itu agak lewat sedikit mengemukakan laporannya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kepada setengah-setengah pihak pekerja-pekerja SOCSO dianggap sebagai Employers Defence Fund atau Tabung Untuk Melindungi Majikan oleh kerana faedah-faedah yang begitu sedikit yang dibayar oleh SOCSO kepada pekerja-pekerja dan yang pun ditunjuk daripada angka-angka dalam sepuluh tahun yang pertama SOCSO, sungguhpun kutipan \$250 juta hanya baru membayar tidak sampai \$24 juta dan dalam kajian selain daripada meningkat jumlah faedah-faedah yang akan dibayar kepada pekerja-pekerja, adakah pihak Kementerian berkenaan pun menimbang, yang pertama, meluaskan jenis faedah-faedah yang lain selain daripada faedah-faedah yang ada sekarang, dan kedua, untuk memulihkan kepada pekerja-pekerja hak untuk menuntut di bawah Common Law apabila ada berlaku kecuaiian dan bukan sahaja terhad kepada SOCSO oleh kerana kalau mengikut Common Law, pekerja-pekerja boleh dapat \$100,000 tetapi di bawah SOCSO \$100, \$200 satu bulan sahaja.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, pertama, saya rasa tuduhan Yang Berhormat itu tidak benar oleh kerana

SOCOSO ini adalah ditubuh oleh Kerajaan melalui satu cadangan dan perakuan dari ILO dan pebayaran adalah mengikut kadar-kadar yang tertentu mengikut satu taraf antarabangsa. Ini bukan dibuatkan sia-sia sahaja oleh negara kita atau Kementerian saya. Ini adalah mengikut satu praktik dan perakuan dari ILO dan taraf semua ini adalah mengikut antarabangsa.

Soalan Yang Berhormat yang kedua itu ialah tambahan faedah, baru-baru ini saya ada jawab dalam kajian Kementerian saya memang ada meliputi faedah-faedah baru yang belum ada dahulu, ini akan dicadangkan untuk dibayar pada masa akan datang.

Soalan ketiga oleh Yang Berhormat itu, membayar compensation di bawah Common Law, inipun telah ada dibincang oleh Kementerian saya dan Kerajaan Malaysia sebelum SOCOSO ditubuh dan didapati kedudukan dalam Common Law ini tidak dapat dijalankan di bawah Undang-undang SOCOSO ini oleh kerana pekerja itu mesti memilih satu bayaran di bawah Common Law atau bayaran pampasan di bawah SOCOSO dan mengikut apa yang Kerajaan terima recommendation dari pakar ILO ini, Kerajaan sudah memutuskan Malaysia cuma boleh ambil SOCOSO—undang-undang sekarang iaitu tidak dapat diterima pampasan di bawah Common Law.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sukacita saya bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar tentang satu cadangan yang ada dibuat pada satu masa dahulu untuk menjadikan SOCOSO ini sebagai satu badan berkanun supaya ia dapat bergerak dengan lebih berkesan dan lancar dan saya suka mendapat tahu tentang apa yang telah dibuat ataupun yang telah dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan tentang cadangan ini.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, memang saya sedar ada cadangan begitu dan sebenarnya pada tahun 1979 pun Dewan ini telah meluluskan satu undang-undang untuk menubuhkan SOCOSO ini menjadi satu badan berkanun tetapi masa itu belum lagi sampai dan perkara ini sedang dibincangkan di dalam Kementerian saya dan juga di antara lain-lain agensi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa semakin SOCOSO tidak dibetulkan, semakin lama pekerja akan menderita dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa lamakah Kementerian yang berkenaan akan mengambil masa sebelum satu keputusan muktamad dibuat, oleh kerana baru-baru ini ada satu pengumuman bahawa Kerajaan mengkaji mengenai “merger” atau percantuman antara SOCOSO dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan adakah Kerajaan akan menunggu keputusan dibuat atas perkara percantuman ini sama ada mahu teruskan dengan cadangan percantuman KWSP dengan SOCOSO barulah membetulkan kenaikan faedah-faedah pampasan dan kalau begitu mungkin mahu tunggu 5-10 tahun atau adakah ini perkara yang berasingan?

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, soalan merger SOCOSO dengan KWSP, sebenarnya Kementerian saya belum ada menerima lagi apa-apa perhubungan rasmi dan berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu, bilakah cadangan baru ini dapat dijalankan, baru tadi ada saya jawab dalam jawapan asal saya mengenai SOCOSO, cadangan itu sekarang adalah di peringkat terakhir dan apabila laporan rasmi dapat diterima dari

International Labour Organisation (ILO), Kementerian saya boleh terus sampaikan cadangan-cadangan dan syor-syor ini kepada Kabinet untuk diluluskan di Parlimen ini.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri Buruh mengenai masalah faedah-faedah SOCSO, adakah beliau sedar bahawa ada setengah (bukan semua) pegawai SOCSO yang melakukan penyelewengan yang mana di tempat saya di Taiping, di kawasan Industri Kemunting, ada 3 orang pekerja iaitu pekerja kilang membuat kain, Taiping Textiles dan kemunting Textiles yang mana 3 orang itu telah mendapat kecederaan yang parah, tangan mereka menjadi kudung iaitu sejak awal Januari, 1982 dan pihak pekerja-pekerja itu telahpun membuat permohonan kepada pihak SOCSO meminta faedah pampasan itu tetapi sehingga hari ini masih belum lagi mereka itu menerima apa-apa faedah pampasan daripada pihak SOCSO. Jadi apakah langkah-langkah ataupun tindakan daripada pihak Timbalan Menteri Buruh bagi mengatasi masalah pekerja yang mendapat kecederaan dalam sesuatu kilang.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya tidak sedar perkara ini tetapi saya berharap Yang Berhormat itu seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dan Wakil Rakyat yang lain boleh sampaikan butir-butir itu kepada Kementerian saya.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar, apakah jenis bantuan yang diberi setakat ini oleh Australia kepada Vietnam, dan

apakah bantuan ini digunakan untuk kepentingan keamanan ataupun kepentingan Vietnam itu sendiri?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan, Australia belum lagi membuat sebarang keputusan untuk memberikan bantuan kepada Vietnam.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, Menteri Luar Australia Mr. Bill Hayden dalam satu kenyataannya pernah menyatakan bahawa Australia akan mengkaji semula sokongan terhadap Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang akan datang dan pada masa yang sama beliau telah membayangkan bahawa Kerajaan Australia ingin memainkan peranan sebagai orang tengah kepada ASEAN dan Vietnam berhubung dengan masalah konflik di Kampuchea ini. Jadi pada hemat yang terhormat Timbalan Menteri adakah ini satu taktik ataupun satu pendekatan baru yang diambil oleh pihak Kerajaan Australia dengan isu ini ataupun ianya merupakan satu manifestasi perubahan dasar luar negeri pimpinan baru Kerajaan Australia ini dan dalam satu *Joint Communiqué* yang dibuat oleh Menteri-menteri Luar ASEAN di Bangkok baru-baru ini telah menggugurkan desakan supaya masalah Kampuchea ini dibincangkan dalam framework International Conference on Kampuchea (ICK) dan bersedia bertolak ansur dengan Vietnam. Jadi adakah ini disebabkan oleh campurtangan Australia ataupun ASEAN berpendapat bahawa ICK itu tidak berkesan lagi pada hari ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang kita sedia maklum soal sokongan ataupun dasar baru

Australia mengenai soal Kampuchea ini timbul oleh sesuatu perkara yang telahpun dimasukkan dalam Manifesto parti yang berkenaan semasa pilihanraya Australia yang baru berlaku tetapi apabila mereka telah menang dan apabila pula sampai ke peringkat untuk memperaktikkan dasar baru itu mereka telahpun mendapati bahawa mereka perlu juga mengambil pertimbangan mengenai perasaan negara-negara jiran Australia iaitu negara-negara ASEAN dan sebagainya dan itulah sebabnya kita telahpun terdapat berbagai-bagai langkah yang sedang diambil oleh Australia dalam konteks perbincangan ini.

Kita penuh yakin bahawa Australia penuh sedar bahawa masa depan keselamatannya banyak bergantung, banyak berkait dengan kestabilan dan keselamatan negara-negara jirannya di rantau ASEAN dan oleh sebab itu kita yakin juga Australia tidak akan membuat sesuatu yang akan menjejaskan kedudukan kita.

Keduanya mengenai soal sama ada sesuatu pembaharuan yang telah dibuat mengenai persidangan antarabangsa oleh Menteri-menteri Luar ASEAN di Bangkok baru-baru ini, oleh sebab merupakan hasil dari tekanan Australia, ingin saya menyatakan ini bukanlah suatu tekanan, cuma satu kelonggaran oleh pihak negara-negara ASEAN untuk memberi peluang kepada Vietnam untuk membuktikan keikhlasannya bahawa ia benar-benar mahu menyelesaikan isu Kampuchea itu secara perundingan.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Kerajaan Australia masih belum menerima bantahan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain. Perbuatan Kerajaan Australia terang-terang menentang

pendirian dan mengancam keselamatan ASEAN sekurang-kurangnya buat sementara ini.

Saya ingin tahu adakah negara-negara ASEAN khasnya Malaysia sedia mengambil tindakan balas terhadap Kerajaan Australia sekiranya ia masih degil lagi?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi Australia belum lagi sampai ke peringkat untuk melaksanakan dasar barunya itu, ia masih lagi dalam perbincangan dengan kita sebelum memberi sesuatu bantuan terhadap Vietnam. Oleh sebab itu saya rasa soal tindakan balas dan sebagainya tidak timbul.

Tuan Yang Dipertua: Soal penghabisan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa bantahan negara-negara ASEAN terhadap Australia kerana niatnya hendak membantu Vietnam ini menambahkan lagi jurang perselisihan antara negara-negara ASEAN dengan pihak Vietnam sedangkan negara-negara ASEAN sedang meminta kerjasama Vietnam untuk menyelesaikan masalah Kampuchea?

Keduanya, sama ada boleh dianggap atau tidak boleh dianggap bahawa desakan negara-negara ASEAN terhadap Australia supaya tidak meneruskan rancangannya untuk membantu Vietnam ini sebagai suatu campurtangan di dalam urusan dalam negara Australia itu sendiri?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan yang pertama tadi saya minta maaf, kalau boleh ulang balik, soalan yang pertama tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan saya, Tuan Yang Dipertua, ialah sama ada beliau sedar bahawa desakan negara-negara ASEAN supaya Australia tidak meneruskan rancangannya untuk membantu Vietnam itu tidak akan menambahkan jurang perbezaan atau pendapat antara negara-negara ASEAN dengan Vietnam dan ini akan menyebabkan bertambah sukar untuk diselesaikan masalah Kampuchea, sedangkan negara-negara ASEAN ingin mendapat persefahaman daripada Kerajaan Vietnam untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Mengenai soalan pertama itu adalah dirasakan bahawa dasar baru Kerajaan Australia yang mereka masih hanya bercadang untuk membuatnya adalah mengikut taksiran mereka adalah merupakan satu langkah ke arah mencari satu penyelesaian mengenai isu Kampuchea, iaitu mengikut takrif mereka adalah bertujuan untuk mempercepatkan suatu penyelesaian politik mengenai soal Kampuchea, bukanlah satu langkah yang agak hostile, tetapi satu langkah yang mereka rasakan adalah satu langkah untuk menolong. Sungguhpun ini saya rasa dari segi pendapat bercanggah dengan pendapat-pendapat kita dan setakat ini syukur alhamdulillah pihak Australia masih menghormati perasaan kita dan masih sedang dalam peringkat perbincangan dengan kita.

Keduanya, mengenai soal sama ada ini akan merumitkan lagi pencapaian suatu penyelesaian politik, soal Kampuchea itu memang inilah perasaan kita dan ini kita telahpun sampaikan kepada pihak Australia.

KEBUDAYAAN NASIONAL— MEMORANDUM DARI PERTUBUHAN CINA

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementeriannya telah menerima satu memorandum mengenai Kebudayaan Nasional yang dikemukakan oleh 15 buah Pertubuhan Cina, jika ada, apakah tindakan yang telah diambil ke atas berbagai cadangan yang terkandung dalam memorandum itu.

(2-8-83)

43. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menerima perakuan-perakuan yang termuat dalam Memorandum yang dikemukakan oleh Kongres Kebudayaan Cina Malaysia yang diadakan di Pulau Pinang pada Mac 1983 yang menyeru supaya kebudayaan Cina dan India diintergrasikan ke dalam arus Kebudayaan Malaysia demi faedah perpaduan negara dan sebuah Malaysia yang berbilang bangsa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang Dipertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 2hb Ogos nanti. Oleh itu kedua-dua jawapan ini akan dijawab sekali gus.

Memorandum yang dimaksudkan itu sudah diterima oleh Kementerian dan telahpun diteliti. Dalam hubungan ini sukalah dijelaskan bahawa meskipun Kementerian sentiasa mengalu-alu cadangan dan pandangan dari semua pihak, namun Kementerian tidak mungkinlah melayan pendapat-pendapat yang mempersoalkan dasar yang sudah ditetapkan, yang tidak seharusnya dijadikan isu yang boleh menimbul

ketegangan antara kaum. Apa yang perlu diperkemas sekarang ialah langkah-langkah yang lebih berkesan ke arah pelaksanaan dan pencapaian matlamat dasar itu. Keseluruhan memorandum-memorandum yang dimaksudkan itu menyarankan konsep budaya beraneka ragam yang menyerap unsur-unsur unggul budaya semua kaum. Sebenarnya ini bukanlah satu perkara yang baru.

Prinsip kedua dasar kebudayaan kebangsaan telah dengan jelasnya memperuntukkan ruang yang luas bagi maksud itu, ia bukan sahaja membolehkan integrasi dan asimilasi unsur-unsur budaya sukuan dari semua kaum di negara ini malah juga memberi tempat kepada unsur-unsur budaya asing asalkan ianya sesuai dan wajar dengan sistem nilai dan norma yang sedia wujud berasaskan ciri-ciri budaya rakyat asal. Sebab itu kita menerima kemajuan sains dan teknologi dari barat dan sekarang dari timur serta penghasilan-penghasilan daripadanya.

Kementerian sememangnya menerima konsep penyerapan atau asimilasi nilai-nilai umum, dengan izin, common denominators yang wujud di kalangan pelbagai budaya dalam pembentukan budaya kebangsaan. Bahkan tradisi kehidupan sederhana, kejiranan, keadilan, berbudi bahasa, disiplin, bersopan-santun, berperasaan malu serta menghormati orang tua yang terdapat di dalam cara hidup semua kaum di Malaysia sudahlah bersebuti melalui progres evolusi budaya sejak beberapa abad yang lalu. Dengan demikian tidak ada lagi persoalan-persoalan pokok yang harus dibesar-besarkan. Yang penting ialah bagaimana rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini dengan penuh rasa tanggungjawab serta ikhlas sama-sama mempercepatkan lagi proses yang sedang berlaku itu.

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan memandangkan pembentukan kebudayaan negara adalah satu perkara yang penting, sama ada satu public hearing akan diadakan ke atas memorandum-memorandum tersebut dan juga atas memorandum-memorandum yang lain termasuk memorandum-memorandum yang diterima dari badan-badan agama bukan Islam, jika tidak, mengapa?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, Kementerian ini memikirkan tidaklah pada public hearing memadailah dengan memberi jaminan bahawa memorandum yang dimaksudkan itu dipertimbangkan dan diteliti, bahkan Kementerian sentiasa mengalu-alukan bukan sekadar memorandum bahkan pertemuan-pertemuan dengan semua kumpulan budaya dan juga kumpulan agama. Jaminan yang boleh kita berikan ialah sekadar melihat performance atau prestasi dan perjalanan dasar sekarang supaya dasar sekarang ini bercanggah dengan maksud kita untuk membina satu masyarakat yang bersatupada.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa 15 buah pertubuhan Cina ini adalah mewakili sebilangan besar penduduk ataupun rakyat di Malaysia dan memorandum yang disampaikan oleh mereka ada mengandungi banyak hujah-hujah yang penting mengenai rupabentuk kebudayaan kebangsaan dan juga mengenai intergrasi kebudayaan di negara ini. Dan sekiranya Yang Berhormat Menteri sedar tentang hal ini maka saya suka mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan dapat mengambil satu sikap yang positif, satu sikap yang betul tentang rayuan-rayuan yang dibuat oleh mereka? Sekiranya mereka hendak membuat

satu permintaan diadakan satu dailog dengan Yang Berhormat Menteri, saya suka mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Menteri dapat menerima rombongan mereka untuk membincang perkara ini dengan lebih mendalam?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, pendapat-pendapat yang terkandung di dalam memorandum itu sepertimana saya jelaskan, ada yang difikirkan menasabah tetapi banyak juga yang difikirkan melambangkan sikap atau pendapat satu kaum yang tertentu untuk dijadikan panduan dan dasar Kebudayaan Kebangsaan kita. keduanya, pendapat-pendapat itu juga membuat andaian bahawa dasar Kerajaan dan Kementerian itu menekan kepentingan satu kaum dan seolah-olah menindakkan dan mahu menghapuskan perkembangan kebudayaan kaum-kaum yang lain. Perkara ini sebenarnya tidak timbul dan sudah berkali-kali dijelaskan. Jadi oleh yang demikian, kita fikir penerangan yang telah diberikan setakat ini sudahlah memadai. Mengenai dialog yang dicadangkan itu pihak Kementerian sentiasa mengambil sikap yang terbuka atau mengadakan pintu terbuka setiap ketika yang difikirkan munasabah.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa Kementerian dan Kerajaan tidak akan menerima apa-apa cadangan yang bercanggah dengan dasar kebudayaan yang ada ditetapkan dan oleh kerana memorandum yang dimaksudkan dalam soalan ini dalam pokoknya ada menentang keputusan yang diluluskan di Kongres Kebudayaan dalam tahun 1971 mengenai ketiga-tiga prinsip mengenai membina kebudayaan negara dan telah pun menjadi satu dasar Kerajaan Barisan Nasional, adakah ini bererti bahawa Kementerian dan Kerajaan

sekarang sudah menolak falsafah dan prinsip yang terkandung dalam memorandum ini oleh kerana mengikut memorandum ini falsafah-falsafah dasar kebudayaan yang berasaskan Kongres Kebudayaan tahun 1971 berupa satu falsafah asimilasi dan bukan integrasi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini siapa sudah buat keputusan mengenai menolak saranan-saranan dalam memorandum ini, adakah Kementerian atau Kabinet dan adakah ini terhad kepada pemimpin-pemimpin UMNO atau termasuk semua pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, dasar yang disebut pada tahun 1971 itu sudah diterima sebagai dasar. Oleh yang demikian, tidak mungkinlah bagi mana-mana Kementerian atau bagi pihak Kerajaan untuk menimbang mana-mana memorandum yang mempersoalkan dasar yang ditetapkan. Kalau tidak, kita tidak mungkin membuat kerja lain, melainkan membahas soal-soal yang telah kita putus. Sebab itu, saya jelaskan bahawa pihak Kementerian boleh menimbangkan banyak perkara yang terkandung dalam memorandum asalkan yang melibatkan dasar kerana dalam soal dasar tidak mungkin pihak Kementerian dan pihak Kerajaan bertolak ansur.

Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ialah soal tafsiran tentang beberapa perkara dan setelah meneliti memorandum yang dimaksudkan itu, banyak tafsiran itu yang timbul dari perasaan atau sikap yang buruk sangka atau salah faham tentang apa yang hendak dilakukan. Jadi, saya hendak jelaskan bahawa tentang tafsiran dan salah faham itu boleh kita betulkan. Tentang kesediaan menerima pandangan-pandangan, boleh kita lakukan. Oleh

yang demikian, tidak timbul sama ada menolak terus atau menerima semua memorandum yang dimaksudkan itu. Ada sebahagian yang menyentuh dasar tidak boleh kita terima, ada sebahagian yang difikirkan menasabah boleh dipertimbangkan dan boleh dilaksanakan.

Tuan Dasuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sesuatu kebudayaan bagi sesuatu bangsa itu tidak dapat lari dari unsur-unsur yang tertumpu kepada nilai-nilai ataupun norma-norma peribumi asli bagi bangsa itu termasuk kepercayaan, keyakinan agama dan sebagainya. Sekiranya sedar, apakah langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang akan dilaksanakan untuk hendak menepati kehendak yang dimaksudkan?

Tuan Yang Dipertua: Saya dukacita soalan itu tidak berbangkit.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerangkan bahawa Dasar Kebudayaan Nasional atau Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita memang telahpun diterima. Salah satu daripada sumber penerimaan ini ialah menerusi keputusan atau rumusan yang dibuat oleh Kongres Kebudayaan dalam tahun 1971. Saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, di dalam Kongres ini adakah dihadiri ataupun mereka yang mengambil bahagian hanya satu kaum sahaja atau meliputi semua kaum-kaum yang ada di negara kita ini dan asas-asas pengkajian bagi perbahasan untuk merumuskan beberapa cadangan-cadangan yang bersendikan perkara yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu unsur-unsur yang boleh diterima oleh semua

masyarakat dengan berdasarkan unsur-unsur kebudayaan pribumi negara ini.

Tuan Yang Dipertua: Saya dukacita kerana soalan itupun terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Menteri Kebudayaan ada menyebut bahawa.....

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang berbangkit kenalah berbangkit daripada soalan asal, soalan pokok; bukan di atas jawapan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, saya hendak merujuk kepada soalan asal iaitu memorandum yang dibangkitkan oleh 15 buah persatuan-persatuan Cina yang menurut Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebut bahawa ada di antara kandungan memorandum tersebut yang menasabah dan boleh dipertimbangkan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa perkara kebudayaan ini adalah satu perkara yang amat sensitif oleh kerana ia menyentuh bukan satu kaum, tetapi semua kaum. Oleh yang demikian, adakah pihak Menteri bercadang hendak merundingkan atau mengadakan satu musyawarah dengan lain-lain badan kebudayaan yang ada di negeri ini, selain daripada yang 15 buah ini, sekiranya ada di antara kandungan-kandungan memorandum tersebut yang hendak dilaksanakan kemudian nanti.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, di dalam Kementerian terdapat Majlis Penasihat Kebudayaan Kebangsaan yang diwakili oleh semua kaum dan selalunya beberapa keputusan itu dirujuk untuk pandangan dan pertimbangan Majlis tersebut, tetapi sepertimana yang kita

tegaskan juga perkara yang dibawa selalunya dalam soal pelaksanaan dasar yang sudah ditetapkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bahawa dalam memorandum yang diterima itu adakah cadangan-cadangan yang diberi itu terdapat persamaan dengan kebudayaan-kebudayaan negara asing yang tidak menunjukkan identiti kebangsaan dan juga identiti yang terdapat oleh rakyat dalam negara ini dan juga dalam pembentukan satu-satu kebudayaan ini apakah dengan cara dasar asimilasi lebih baik daripada dasar integrasi dari segi mewujudkan Kebudayaan Nasional kita?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, dua kesan yang saya perolehi dari memorandum yang dimaksudkan itu. Pertama ialah bahawa pandangan-pandangan dikemukakan merujuk kepada sikap, pendirian, falsafah dan konsep hidup satu kaum tertentu di Malaysia ini. Kedua ialah satu andaian, satu tafsiran yang salah seolah-olah dasar sekarang ini bertujuan untuk menidakkan atupun menghapuskan sama sekali perkembangan kebudayaan suku kaum di negara ini.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan telah menyebut tentang nilai-nilai yang sama yang terdapat di dalam agama-agama dan tradisi-tradisi utama di negara kita ini. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang untuk lebih mementingkan nilai-nilai ini daripada bentuk-bentuk zahir atau luaran yang agak berbeza-beza. Itu soalan yang pertama. Yang kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa adakah beliau sedar bahawa satu daripada perasaan bimbang di

kalangan masyarakat Cina seperti yang dikatakan dalam memorandum tersebut itu, ialah mengenai kekeliruan tentang tafsiran unsur-unsur yang sesuai dan wajar yang terkandung dalam prinsip yang kedua Dasar Kebudayaan kebangsaan. Apakah kriteria untuk menentukan apakah unsur-unsur yang sesuai dan wajar yang boleh diterima dan siapakah yang menentukannya.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, Kementerian ini dalam fahaman tentang kebudayaan memanglah menekankan kebudayaan sebagai pernyataan fikiran, sikap satu masyarakat dan bangsa dan tidak semata-mata tertakluk kepada bentuk luar atau zahir meskipun dalam beberapa keadaan tertentu faktor luar itu penting juga.

Perkara kedua berhubung dengan kekeliruan tentang tafsiran. Ini berlaku oleh kerana perkara ini telah digunakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan menjadikannya sebagai satu isu perkauman yang sempit atau politik yang sempit; inilah menyebabkan timbulnya kekeliruan. Unsur-unsur yang sesuai yang akan terus diperkembangkan dalam konteks fahaman kita tentang Dasar Kebudayaan ini sudah tentulah akan dirujuk kepada Badan-badan Budaya dan Budayawan dan mengemukakan kepada Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai kebudayaan dan akhirnya diputuskan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Peter Chin Gan Onn: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu awam pandangan-pandangan mengenai memorandum setelah syor-syor tersebut dipertimbangkan olehnya. Kedua, apakah Yang Berhormat Menteri akan memanggil satu masyarakat dengan

kesemua pertubuhan itu yang telah mengemukakan memorandum supaya mendapatkan fahaman yang lebih baik terhadap aspirasi-aspirasi mereka.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, pada dasarnya telahpun saya jawab tentang beberapa pokok yang dikemukakan di dalam memorandum itu. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan untuk menemui sesiapa sahaja dari badan-badan budaya yang hendak mengemukakan pandangan dan mengadakan perbincangan. Cuma perlu kita nyatakan bahawa yang mengemukakan memorandum bukan 15 pertubuhan berkenaan sahaja. Yang mengemukakan memorandum mengenai perkembangan bahasa, budaya, sastra, nilai dan norma kepada Kementerian ini jumlahnya ratusan, mungkin ribu. Jadi tidak mungkin kami di Kementerian ini mengadakan dialog dengan semua pembentang-pembentang memorandum dan kertas kerja. Tetapi kalau keadaan dan masa mangizinkan kita boleh menemui sebanyak mungkin yang boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan. Saya minta Menteri berkenaan memberi satu jawapan yang jelas, satu categorical answer sama ada sesuatu aspek dari kebudayaan Cina dapat disifatkan sebagai kebudayaan asing. Jika ya, adakah tafsiran ini satu langkah yang berkesan untuk menggalakkan perpaduan di antara berbilang kaum di Malaysia.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, saya dukacita kerana Yang Berhormat dari Kucing tidak dapat mengikut konsep kebudayaan nasional di negara kita. Kalau beliau mengikuti, beliau tidak akan mengemukakan persoalan ini kerana selama ini dalam dasar kebudayaan kita unsur-unsur budaya Cina dan

India memang diterima, tetapi unsur yang menjadi dasar adalah unsur budaya masyarakat Melayu. Tetapi unsur budaya asing diterima di samping itu perkembangan kebudayaan Cina dan India di kalangan masyarakat mereka juga dibolehkan dan di dalam beberapa keadaan untuk masyarakat mereka diberi pula galakan. Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Soal yang penghabisan.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa cadangan pokok dan dasar memorandum tersebut tidak akan diterima oleh kerana bercanggah dengan dasar kebudayaan. Satu lagi sebab ialah oleh kerana Dasar Kebudayaan Kebangsaan sudah diterima oleh semua pihak, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ini tidak benar oleh kerana di Dewan selalu, termasuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional lain parti komponen ada berkata bahawa mereka tidak bersetuju kepada dasar Kebudayaan Negara. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dengan tegasnya mengatakan sama ada semua parti-parti komponen dalam Barisan Nasional, semua Menteri ada bersetuju kepada Dasar Kebudayaan ini?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, saya tidak boleh berucap bagi pihak tiap ahli Barisan Nasional, saya fikir Yang Berhormat pun tidak boleh bercakap bagi pihak setiap ahli DAP. Namun kita boleh berbicara bagi pihak Kementerian dan Kerajaan. Bolehlah dibangkitkan apa jua persoalan dalam suasana demokrasi, terutama bila kita merujuk kepada kepentingan orang-orang politik yang hendak menjadikan ini sebagai isu politik yang dapat mempengaruhi sebahagian daripada masyarakat kita tidak bolehlah kita halang perkara itu (*Tepuk*). Tetapi perlulah dijelaskan bahawa

sebahagian besar masyarakat sudahpun menerima ini sebagai kenyataan.

Perkara yang dibangkitkan itu semata-mata untuk mengelirukan orang ramai. Sudah tentulah dalam isu yang sensitif yang menyentuh kepentingan agama, budaya, bahasa, sastra tiap kaum ini, perkara ini mengambil masa sebagai satu proses dan dianggap sensitif. Oleh yang demikian, kita boleh mengharapkan sesuatu penerintahan yang menyeluruh dan tanpa persoalan-persoalan baru.

Kita tidak boleh nafikan bahawa persoalan-persoalan akan dibangkitkan dari masa ke semasa lebih-lebih lagi apabila pemimpin politik atau kebudayaan merasakan ini menjadi satu modal politik yang penting. Yang kita tekankan dari pihak Kementerian ini tentang dasar yang tidak boleh disoalkan samalah seperti Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang tunggal, samalah tentang kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi. Tetapi perkembangan budaya lain, penghormatan kita mengenai unsur-unsur budaya lain, saya perlu tegaskan bahawa kita bersedia menerima dan menimbangkan mana-mana aspek yang kita fikirkan boleh dijadikan sebahagian dari dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Satu perkara lagi yang perlu saya tambah dengan izin, Tuan Yang Dipertua, ialah mengenai sikap kita dan fahaman kita, terutama di Dewan yang mulia ini tentang apa dia takrif kebudayaan. Sudah sampailah setelah suku abad kita merdeka, pemimpin-pemimpin politik meningkatkan kefahaman mereka tentang pengertian kebudayaan. Janganlah disempitkan pengertian tersebut kepada satu dua faktor luaran atau yang zahir, akan tetapi juga pernyataan sikap, disiplin, moral, satu sikap baik, sikap

menghormati jiran tetangga, toleransi, kesungguhan bekerja, nilai-nilai yang luhur dan mulia yang diketengahkan oleh semua budaya, semua kaum, semua agama dalam masyarakat kita. Eloklah, kita sama-sama sampai kepada satu tahap agar dapat ianya dikembangkan terus dan jangan hanya mencuit perasaan kaum-kaum supaya terasa bahawa faktor-faktor luar itu lebih penting daripada pernyataan fikiran ataupun sikap serta pancaran batin kita (*Tepuk*).

BANK—KADAR FAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN

4. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kadar faedah pinjaman perumahan yang ditetapkan oleh bank-bank swasta berdasarkan kos dan harga rumah tersebut. Misalnya rumah berharga \$100,000 ke bawah, kadar faedah tak lebih daripada 10 peratus setahun, tetapi kalau rumah berharga \$105,000, dikenakan kadar faedah lebih daripada 12 peratus setahun. Dengan kelebihan 2 peratus lebih ini adalah membebankan pembelian rumah yang perbezaan nilainya terlalu sedikit. Untuk menggalak dan menarik kepada pembelian rumah-rumah yang pasarannya berlebihan sekarang ini, walaupun Kerajaan bercadang menetapkan pinjaman yang tidak lebih daripada \$100,000 dengan tujuan membeli rumah dikenakan kadar faedahnya tidak lebih daripada 10 peratus sahaja iaitu berdasarkan nilai pinjaman yang dipohon.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, Dasar sekarang bagi menentukan kadar faedah maksima sebanyak 10 peratus setahun yang dikenakan atas pinjaman untuk pembelian rumah-rumah yang

berharga \$100,00 dan ke bawah menggunakan nilai harta sebagai asas kelayakan. Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya Kerajaan mengubah dasar ini dan menggunakan nilai pinjaman sebagai asas. Kerajaan menganggap penggunaan nilai harta sebagai asas untuk menentukan kadar maksima adalah lebih adil dari segi sosial oleh kerana pembeli-pembeli rumah kos sederhana dan rendah, iaitu rumah-rumah yang tidak berharga lebih daripada \$100,000 sepatutnya merupakan golongan sasaran yang mendapat manfaat dari kadar maksima tersebut. Jika asas diubah kepada nilai pinjaman, ini akan juga menguntungkan pembeli-pembeli rumah kos tinggi, walaupun pinjaman mereka itu tidak melebihi \$100,000. Mereka yang membeli rumah-rumah berharga tinggi adalah tidak dianggap sebagai golongan sasaran untuk mendapat manfaat tersebut.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman-pinjaman yang tidak melebihi \$100,000.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, pada ketika ini tidak.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kemungkinan rumah yang kurang daripada \$100,000 sekarang ini tidak banyak dan kebanyakan di dalam pasaran sekarang rumah yang lebih daripada \$100,000. Misalnya, rumah teres dua lapis di Kuala Lumpur ini tidak kurang \$150,000 dan ini adalah tidak berkemampuan bagi mereka yang berpendapatan rendah. Jadi apakah langkah kewangan bagi pihak Kementerian Kewangan ini untuk

menjaminakan bahawa rumah yang berharga lebih daripada \$100,000 yang dibina tidak sampai \$200,000 tetapi lebih daripada \$100,000 ini dalam pasarannya berlambak-lambak dapat dijual dan juga syarikat-syarikat perumahan tidak akan mengalami lambakan rumah yang tidak dapat menjual.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, adalah benar iaitu khususnya di tempat-tempat di mana telah menjadi pusat komersyal, pusat kewangan, pusat Kerajaan dan lain-lain seperti Kuala Lumpur rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tidak berapa banyak. Tetapi apa yang Kerajaan sentiasa mengingatkan atau memikirkan adalah kebanyakan rakyat jelata di Malaysia kita ini hanya mampu mendapat atau membeli rumah-rumah yang kosnya kurang daripada \$100,000 dan satu-satu langkah yang bijak yang jelas untuk memberi message yang jelas kepada pemaju perumahan untuk membina lebih banyak rumah-rumah yang kosnya kurang daripada \$100,000 adalah langkah seperti tersebut iaitu menghadkan faedahnya iaitu 10% faedah kepada pinjaman-pinjaman yang kurang daripada \$100,000. Saya percaya dari maklumbalas yang kita telah dapat iaitu banyak pemaju-pemaju perumahan sekarang telah ubah pelan-pelan yang ada untuk membina lebih rumah-rumah yang rakyat kita mampu membeli.

Soalan sama ada Kerajaan ada tanggungjawab untuk menolong pemaju-pemaju perumahan untuk menjual rumah-rumah kos tingginya itu saya percaya adalah soalan lain. Terima Kasih.

SEKTOR PERKILANGAN—KAJIAN SEMULA SISTEM INSENTIF

5. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sebarang rancangan untuk

mengkaji semula sistem insentif bagi sektor perkilangan agar industri-industri besar dan kecil mendapati faedah-faedah yang sama daripada sistem ini yang tidak begitu pada masa sekarang kerana sistem yang diamalkan sekarang menguntungkan lebih kepada industri-industri yang besar.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, sistem insentif untuk sektor perkilangan dalam bentuk galakan cukai yang diamalkan sekarang memberi faedah-faedah yang setimpal di antara industri-industri kecil dan juga industri-industri besar. Umpamanya, taraf perintis yang diberi kepada sesebuah kilang adalah bergantung kepada sumbangan kilang itu terhadap kepentingan awam khususnya terhadap dasar pengeksportan dan perindustrian negara.

Bagi pelabur-pelabur yang melabur di dalam harga tetap kurang daripada \$250,000 yang pada masa ini dianggap sebagai industri kecil, galakan taraf perintis ini boleh diberi selama dua tahun. Pelepasan cukai melalui taraf perintis ini pula boleh dilanjutkan selama 3 tahun lagi sekiranya kilang berkenaan menepati syarat-syarat lain iaitu:

- (1) Kilang tersebut menjalankan perusahaannya di dalam kawasan kurang maju bagi tempoh setahun;
- (2) Kilang tersebut mengeluarkan barang-barang yang diiktirafkan sebagai barang-barang keutamaan (priority products) setahun lagi; dan
- (3) Kilang berkenaan menggunakan bahan-bahan tempatan pada had yang telah ditetapkan kepada sesuatu barang. Ini juga bagi setahun.

Jadi, sekiranya kilang tersebut yang melabur kurang daripada \$250,000 dan memenuhi semua tiga syarat-syarat yang saya sebutkan tadi, ianya akan diberi galakan cukai selama 5 tahun semuanya. Seterusnya sekiranya kilang tersebut menambah pelaburannya di akhir tahun kedua, jangka masa pelaburannya lebihan cukai melalui pioneer status boleh ditimbangkan lagi. Ini bertujuan supaya memberi galakan kepada kilang itu untuk terus berkembang maju.

Pihak Kementerian Kewangan memikirkan adalah wajar seseorang pelabur yang menanam modal yang besar yang mempunyai risiko-risiko tertentu diberi insentif serta faedah yang lebih daripada pengilang-pengilang yang menanam modal yang kurang besar.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sentiasa meneliti dan mengkaji aspek-aspek galakan cukai ini dengan tujuan supaya sebarang kelemahan-kelemahan ekor dari padang maklum-balas terhadap pelaksanaan sistem ini dapat benar-benar memberi faedah kepada pelabur-pelabur setimpal dengan risiko-risiko yang ditanggung oleh mereka.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa sistem insentif seperti pioneer status ini telah disalahgunakan oleh beberapa syarikat yang tertentu pada masa-masa yang lepas dan sama ada pihak Kerajaan bercadang hendak membuat kajian yang lebih teliti supaya tidak ada sebarang perbuatan abuse terhadap kemudahan yang diberi oleh Kerajaan itu.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh beritahu, insya Allah kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

KEMAS—TENAGA PENYELIA-PENYELIA

6. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil bagi memobilisasikan tenaga Penyelia-penyelia dan Pemaju-pemaju Masyarakat KEMAS dalam usaha untuk membantu kejayaan rancangan Buku Hijau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang Dipertua, tujuan Kerajaan mengadakan pembangunan semula Rancangan Buku Hijau ialah untuk menggalakkan rakyat supaya membentuk sikap menolong diri sendiri dan ingin maju yang berterusan melalui usaha-usaha bercucuk tanam dan berternak di sekeliling rumah dan sekitar kampung untuk memenuhi keperluan sendiri dan juga penduduk-penduduk kampung itu sendiri. Di peringkat negeri, Jawatankuasa Pelaksanaan Rancangan Buku Hijau dipengerusikan oleh Pegawai Kemajuan Negeri dan Peringkat daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah yang berkenaan.

Untuk menyokong kejayaan kempen ini Kemeterian telah mengarahkan organisasi KEMAS di Peringkat Pusat, Negeri, Daerah dan kawasan-kawasan supaya melibatkan diri secara langsung melalui langkah-langkah yang berikut:

- (i) Membentuk satu jawatankuasa khas pembangunan semula Rancangan Buku Hijau di peringkat masing-masing dengan mengadakan

perbincangan-perbincangan dan mesyuarat-mesyuarat dari masa ke semasa.

- (ii) Mengadakan satu perancangan gerak kerja tahunan yang diatur mengikut kehendak keperluan dan keupayaan tempatan;
- (iii) Menjalankan usaha-usaha kempen, risalah-risalah penerangan serta memberi dorongan dan galakan kepada anggota-anggota mesyarakat melaksanakan Rancangan Buku Hijau ini dan menghubungi agensi-agensi yang berkenaan.
- (iv) Mempastikan bahawa setiap anggota KEMAS dan mengambil penyertaan dalam usaha-usaha Rancangan Buku Hijau ini sama ada secara bersendirian atau berkumpulan.

Bagi menjamin kejayaan rancangan ini para Penyelia dan Pemaju-pemaju Masyarakat KEMAS di seluruh negara telah diminta agar menjadi keluarga tauladan Rancangan Buku Hijau kepada masyarakat di tempat mereka.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, saya ingin membuat soalan tambahan sedikit iaitu sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa Rancangan Buku Hijau ini yang dihidupkan semula itu amat berjaya bahkan di setengah-setengah tempat di kawasan saya terlampau berjaya sehingga menimbulkan suatu masalah lain iaitu pada ketika-ketika sayur-sayuran berlebihan sehingga orang-orang kampung terpaksa membuang atau tidak dapat memetik sayur-sayuran hingga membazir. Apakah langkah pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini oleh kerana perkara ini akan berlaku lagi saya percaya pada masa depan.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya tidak berapa sedar atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana Rancangan Buku Hijau ini telah dilancarkan semula oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 10hb Mei, 1983 di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Sungai Machang Hilir, Lenggeng, Mantin, Negeri Sembilan. Jadi, dalam masa tiga bulan ini, saya tidak fikir kalau Ahli Yang Berhormat itu maksudkan bahawa Rancangan Buku Hijau itu Rancangan yang baru dilancarkan semula maka saya tidak fikir dalam masa tiga bulan ini penduduk-penduduk kampung boleh menanam sayur hingga ada banyak berlebihan dan tidak dapat dipasarkan.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 42 adalah diberi di bawah ini.)

PERBELANJAAN PENGANGKUTAN YANG DIPOTONG

7. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan peratus perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan yang dibenarkan dipotong oleh Kementerian bagi setiap negeri di Malaysia dan langkah yang diambil untuk memastikan supaya rawatan yang wajar dan memuaskan diberi kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Menteri Kesihatan (Datok Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua, Peruntukan Anggaran Belanjawan Mengurus 1982 bagi Kementerian Kesihatan untuk tujuan perjalanan dan pengangkutan ialah \$16,000,000. Ini merupakan pengurangan sebanyak 41 peratus. Dengan demikian,

peruntukan kepada setiap negeri telah juga dikurangkan dalam lingkungan 30-40 peratus selaras dengan:

- (i) Tahap pembangunan di negeri berkenaan;
- (ii) Keluasan serta keadaan fizika negeri, bilangan penduduk dan tempatan tinggal mereka;
- (iii) Jenis program dan aktiviti yang sedang dan perlu dijalankan.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan senantiasa memberi keutamaan kepada Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan negeri-negeri yang kurang membangun iaitu negeri-negeri yang kurang membangun iaitu negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Memandang kepada pemotongan belanjawan pada elaun pengangkutan dan perjalanan, pekhidmatan perubatan dan kesihatan yang diberikan kepada masyarakat luarbandar telah dikurangkan sedikit. Kakitangan perubatan dan kesihatan telah diminta membuat perjalanan secara bersama-sama dalam sebuah kenderaan untuk ke kawasan-kawasan luarbandar supaya dapat menggunakan peruntukan yang terhad untuk pengangkutan dan perjalanan bagi faedah masyarakat luarbandar yang maksima. Dengan sistem ini, rawatan perubatan dan kesihatan yang diintegrasikan dapat diberi secara memuaskan kepada masyarakat luarbandar.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SEBERANG JAYA

8. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar perlunya untuk membina sebuah sekolah rendah jenis

kebangsaan (China) di bandar Seberang Jaya di Seberang Perai Tengah, memandangkan bandar ini adalah sebuah yang besar, dan sama ada Kementerianya akan merancang pembinaan sekolah itu dan bilakah projek pembinaan sekolah dilaksanakan.

Menteri Pelajaran (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):

Memandangkan kepada penduduk yang terdiri dari berbilang kaum di Bandar Seberang Jaya maka Kementerian Pelajaran berpendapat pembinaan sekolah rendah kebangsaan adalah memberi faedah kepada semua kaum, selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Pada masa sekarang kawasan ini mempunyai sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan yang mengandungi 15 bilik darjah yang menampung seramai 584 orang murid dalam tahun 1983, Sekolah ini boleh menampung seramai 1200 orang murid sekiranya dijalankan dalam dua sesi. Walaupun begitu Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk membina kemudahan-kemudahan tambahan termasuk 9 bilik darjah dalam usaha memperbesar lagi Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Seberang Jaya ini. Selain dari Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Seberang Jaya kawasan ini juga ada mempunyai 2 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Chung Hwa III dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Prai yang juga boleh menampung bilangan murid dari kawasan ini. Pada masa sekarang Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk membina sekolah-sekolah rendah yang baru di kawasan ini memandangkan kepada bilangan penduduk berbilang bangsa yang masih belum dapat dipastikan jumlahnya bagi membolehkan Kementerian ini membuat kajian kemungkinan terhadap keperluannya.

KESIHATAN PENDUDUK SABAH/ SARAWAK—MEMPERBAIKI

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kekurangan doktor-doktor, pakar-pakar, hospital-hospital, alat-alat dan ubat di Sabah dan Sarawak dan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki taraf kesihatan penduduk-penduduk kedua-dua negeri tersebut khasnya bagi mereka yang menetap di luar bandar.

Menteri Kesihatan (Datuk Chin Hon Ngian): Saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membaiki taraf kesihatan penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak terutama penduduk-penduduk luarbandar. Dalam hasrat ini, pihak kami memberi keutamaan kepada Negeri Sabah dan Sarawak.

Dari segi ubat-ubatan dan alat-alat kelengkapan, Sabah dan Sarawak tidak mengalami apa-apa kekurangan. Ubat-ubat dibeli jika, dan bila diperlukan. Oleh kerana keadaan kemelesetan sekarang, keutamaan diberi kepada pembelian alat-alat kelengkapan yang difikirkan sangat perlu. Bagaimanapun, alat kelengkapan yang lama tetap diganti dan alat-alat baru dibekalkan apabila keperluan itu timbul.

Terdapat 3 hospital besar, 12 hospital daerah dan 1 hospital pesakit jiwa di Sabah. Hospital-hospital tersebut menjalankan perkhidmatannya secara memuaskan dan kadar kemasukan pesakit 70-75% di Hospital Besar dan lingkungan kadar 50-80% di Hospital Daerah.

Terdapat sebuah Hospital Besar, 13 Hospital Daerah dan 1 Institusi Kusta dan 1 Institusi Jiwa di Negeri Sarawak. Hospital-hospital ini menjalankan perkhidmatan dengan memuaskan, sungguhpun kadar kemasukannya

tinggi sedikit iaitu 50-100%. Projek baru yang akan siap dalam tahun 1983-1984 termasuklah satu hospital daerah di Kanowit yang mempunyai 100 katil, wad-wad tambahan di Hospital Daerah Miri dan 1 Unit Barah di Hospital Daerah, Sarawak.

Berhubung dengan kedudukan pakar-pakar pihak kami pada keseluruhannya mengalami kekurangan pakar terutama sekali dalam bidang-bidang tertentu seperti Pathology, Anaesthesiology, Orthopaedic Surgery. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah untuk melantik pakar-pakar warganegara asing bagi mengisi jawatan-jawatan yang kosong.

“CAVE-IN” LEBUHRAYA KUALA LUMPUR—SEREMBAN

10. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab mengapa berlakunya “cave-in” di Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban baru-baru ini, jumlah wang yang terpaksa dibelanjakan untuk mengatasi masalah tersebut dan mengapakah hanya sekarang sahaja tender dikeluarkan untuk menjalankan ujian tanah (soil test) yang ekstensif yang sepatutnya dilakukan sebelum lebuhraya tersebut dibina.

Menteri Kerja Raya (Datuk S. Samy Vellu): Sebab-sebab mengapa berlakunya “cave-in” di Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban baru-baru ini tidak boleh dapat ditentukan dengan pastinya kerana siasatan dan ujian yang teliti masih dijalankan dan belum selesai lagi.

Walaupun bagaimanapun siasatan kasar menunjukkan bahawa terdapat batu kapur (lime stone) yang terletak di bawah jalan (road embedment) dan mengandungi lubang-lubang (cavities) di dalamnya. Kemungkinan “cave-in”

itu berlaku apabila batu kapur yang berlubang-lubang itu dimasuki air dan dalam jangka masa panjang lubang-lubang ini menjadi lebih besar. Ini mengakibatkan “cave-in” tersebut.

Maka tidaklah dapat dinyatakan jumlah ruang yang akan dibelanjakan untuk mengatasi masalah ini. Ujian tanah (soil test) sememangnya telah dibuat terlebih dahulu sebelum lebuhraya ini dibina. Akan tetapi oleh kerana di bawah tanah di kebanyakan kawasan Kuala Lumpur dan sekitarnya terdapat batu kapur (lime stone) maka mungkin timbul keadaan seperti ini yang mana ada kalanya batu kapur ini mempunyai lubang-lubang dan perkara seperti ini tidak mungkin diketahui dengan pastinya apabila ujian tanah (soil test) dijalankan di bahagian-bahagian yang dipilhkan bagi tujuan ujian ini.

WANG SUMBANGAN LLN

11. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah yang dimaksudkan dengan “Wang sumbangan LLN”; dan
- (b) adakah LLN juga meminta “Wang Sumbangan” untuk tujuan pembekalan api elektrik ke bangunan-bangunan Kerajaan yang tidak mempunyai peruntukan untuk tujuan ini seperti sekolah, balairaya dan sebagainya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat wang sumbangan LLN atau lebih dikenali sebagai sumbangan pengguna dapat dibahagikan kepada 2 jenis iaitu:
 - (i) sumbangan perkhidmatan atau bayaran sambungan bekalan; dan

(ii) sumbangan modal projek.

Yang dimaksudkan dengan sumbangan perkhidmatan atau bayaran sambungan bekalan ialah satu bayaran yang dikenakan oleh LLN kepada pengguna bagi sambungan dari sesalur bekalan LLN yang sedia ada kepada rumah-rumah pengguna. Bayaran ini adalah dikenakan pada kadar-kadar yang berlainan bergantung kepada jenis atau kategori pengguna.

Dalam keadaan di mana LLN perlu membuat tambahan kepada sesalur voltan tinggi atau voltan rendah ataupun mengadakan pencawangan baru untuk memberi bekalan kepada pengguna baru, LLN mengadakan pula bayaran sumbangan modal projek. Yang dimaksudkan dengan sumbangan modal projek ini ialah sebahagian dari perolehan balik oleh LLN yang diminta dari pengguna ke atas pelaburan yang telah dikeluarkan oleh LLN bagi projek memberi bekalan kepada pengguna berkenaan. Kadar sumbangan modal projek adalah berbeza iaitu manimanya 20% dari kos kasar projek dan maksimumnya 100%. Jumlah sebenar sumbangan adalah bergantung kepada kadar pulangan hasil yang dianggarkan dari projek berkenaan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dasar meminta sumbangan pengguna ini adalah dikenakan kepada semua pengguna dan dengan ini bangunan-bangunan Kerajaan seperti sekolah, balairaya dan sebagainya tidaklah terkecuali daripada bayaran ini. Walau bagaimanapun sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum setiap projek Kerajaan telah pun disediakan peruntukan tertentu dan peruntukan ini termasuklah juga bagi mengadakan bekalan elektrik bagi projek berkenaan.

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

12. Tuan Richard Damping Anak Laki minta Menteri Pelajaran menyatakan kejayaan yang dicapai oleh Skim Pinjaman Buku Teks dan peratusan penuntut-penuntut yang mendapat faedah dari skim ini dan sama ada Kerajaan bercadang menghapuskan had pendapatan ibubapa dan memberi bantuan ini kepada semua murid.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Skim Pinjaman Buku Teks yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran bermula dari tahun 1975. Pada tiap-tiap tahun lebih kurang 2.6 juta murid-murid sekolah telah mendapat manfaat dari skim ini.

Dari segi kejayaan skim ini, di antaranya telah dapat membantu murid-murid dari golongan keluarga yang miskin terutamanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Bagi murid-murid Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan seratus peratus telah menerima bantuan buku-buku teks ini. Ini bermakna Kerajaan telah memastikan semua murid-murid di sekolah-sekolah tersebut di atas mempunyai buku-buku teks bagi membantu pembelajaran mereka. Dengan kemudahan-kemudahan ini adalah dipastikan bahawa pelajar-pelajar di luar bandar menerima kemudahan-kemudahan yang sama dengan pelajar-pelajar yang belajar di dalam kawasan-kawasan bandar. Selain daripada itu skim ini juga dapat menghapuskan kesukaran ibubapa khususnya di kawasan-kawasan luar bandar untuk mendapatkan buku-buku teks bagi keperluan anak-anak mereka.

Bagi Skim Pinjaman Buku Teks 1983, bilangan murid-murid yang mendapat bantuan adalah sebanyak

2,890,753. Peratusan mengikut jenis jenis sekolah adalah seperti berikut:

- | | |
|---|------|
| (i) Sekolah Kebangsaan/Sekolah Rendah Kebangsaan | 100% |
| (ii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China | 54% |
| (iii) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil | 97% |
| (iv) Sekolah Menengah | 85% |

Asas pemberian dan penentuan peratusan ini adalah berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tindakan Negara.

Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak memberi bantuan kepada semua murid-murid di kesemua sekolah.

DADAH—MENDENDA PENAGIH

13. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yakob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan ramai terutamanya kaum belia yang terlibat di dalam penyalahgunaan dadah sama ada Menteri berkenaan bercadang untuk memperturunkan satu rang undang-undang yang boleh mendenda para penagih dadah.

Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa bin Hitam): Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan undang-undang bagi mendenda penagih dadah. Sebenarnya penagih dadah bukanlah seseorang yang melakukan kesalahan jenayah dan menagih dadah bukanlah satu kesalahan dari segi undang-undang. Penagih dadah adalah dianggap sebagai seseorang yang memerlukan pemulihan. Adalah didapati bahawa masalah berkaitan dengan penagihan dadah hanya boleh diatasi melalui pemulihan dan tidak dengan cara

mendenda yang mana dipercayai tidak akan memberi kesan. Tambahan pula kebanyakan penagih dadah terdiri dari golongan yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang baik untuk membayar denda. Sekiranya diadakan undang-undang bagi mendenda penagih dadah dan dia tidak berkemampuan membayar denda yang dikenakan maka lazimnya dia perlu dipenjarakan. Ini akan merumitkan lagi usaha-usaha membentasi masalah penagihan dadah di negara ini, kerana Kerajaan akan terpaksa membina banyak lagi penjara.

Dalam keadaan sekarang ini tumpuan adalah diberi kepada pemulihan penagih dadah supaya mereka dapat ditolong berhenti mengambil dadah dan menjadi rakyat yang berguna dan produktif.

BANDAR-BANDAR TRADISI

14. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan, adakah Kementerian ini berusaha atau merancang untuk membangunkan semula bandar-bandar tradisi yang begitu banyak terdapat di luar-luar bandar di mana terdapatnya peniaga-peniaga bumiputera yang sedang begitu berminat untuk menyahut seruan Kerajaan hari ini untuk memajukan bidang perniagaan mereka. Dan adakah Kementerian ini sedar bahawa terdapat beberapa banyak pemohon-pemohon dari kalangan peniaga-peniaga bumiputera di pekan-pekan kecil tradisi ini bagi mendapatkan bantuan dari UDA untuk membangunkan semula rumah kedai-rumah kedai mereka mengambil masa begitu lama untuk mendapatkan kepastian sama ada permohonan mereka itu berjaya atau sebaliknya.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah binti Abdul Aziz): Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada

Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya kurang arif berhubung dengan apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dengan bandar-bandar tradisi sebagaimana yang disebutkan. Pihak Kementerian melalui UDA sentiasa berusaha dan merancang untuk membangunkan semula bandar-bandar dengan tujuan untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputera. Satu kajian yang mendalam telah dijalankan ke atas bandar-bandar di seluruh Semenanjung Malaysia yang mempunyai penduduk lebih daripada 10,000 orang. Daripada jumlah 45 buah bandar yang mempunyai penduduk lebih daripada 10,000 orang, hanya 14 buah bandar telah dipilih sebagai kawasan penempatan UDA. Bandar-bandar tersebut ialah Alor Star, Butterworth, Tanjong Tokong, Georgetown, Ipoh, Shah Alam, Klang, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Kuantan dan Kota Bharu. Pemilihan bandar-bandar tersebut adalah berdasarkan kepada faktor-faktor pertumbuhan bandar, pertambahan penduduk, tingkat pendapatan, "profile" kemiskinan dan penawaran permintaan harta-harta. Di dalam tempoh RMK-4, UDA akan merancang projek-projeknya di bandar-bandar yang telah dipilih sahaja. Ini adalah kerana faktor-faktor kewangan dan tenaga kerja yang terhad.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar bahawa terdapat banyak pemohon-pemohon bumiputera untuk memajukan tanah-tanah mereka dan mereka termasuklah bumiputera dari pekan-pekan kecil. Pihak UDA telahpun menubuhkan Unit Khidmat Perunding dan Pengurusan Projek khusus untuk membantu bumiputera yang mempunyai tanah untuk memajukan tanah-tanah mereka. Melalui Unit

tersebut pihak UDA membimbing bumiputera memajukan tanah dengan cara memberi khidmat nasihat dan perunding di dalam projek memajukan tanah. Selain daripada itu UDA juga membantu mereka dengan melaksanakan projek mereka di bawah konsep UDA sebagai Pemaju. Bantuan yang diberikan kepada Bumiputera melalui Unit ini tidak terhad kepada 14 buah bandar yang disebutkan, tetapi meliputi kepada mana-mana bandar, asalkan tanah bumiputera yang hendak dimajukan mempunyai kedayahidupan.

Dalam melaksanakan program-program ini, beberapa masalah dihadapi yang kadangkala melewati pelaksanaan projek. Di antara masalah-masalah tersebut adalah:

- (i) Kelewatan dalam mendapatkan kelulusan ubah syarat kegunaan tanah dan pecah sempadan serta kelulusan pelan bangunan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.
- (ii) Tanah terlibat mempunyai masalah-masalah tertentu seperti bilangan pemilik yang sesuai, lokasinya yang terletak di luar kawasan majlis dan tidak diberi keutamaan oleh pihak-pihak berkuasa negeri, ataupun terdapat tanah-tanah yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan awam yang asas seperti jalan masuk. Ada juga tanah-tanah yang terlalu kecil ataupun mempunyai sekatan atau telah dicagar kepada pihak-pihak tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat bulan Jun, 1983 UDA telah menerima sebanyak 309 permohonan memajukan tanah dari berbagai-bagai bandar. Permohonan tersebut telah diproses oleh Unit Khidmat Perunding di mana 36 projek

telah ditolak kerana tidak berkehidupan. Bakinya sebanyak 273 pada masa ini adalah di dalam berbagai-bagai peringkat perlaksanaan.

Taburan projek-projek ini ialah:

- 27 di Wilayah Persekutuan.
- 48 di Selangor.
- 14 tiap-tiap satu di Negeri Sembilan dan Melaka.
- 15 di Perak.
- 13 tiap-tiap satu di Kedah dan Kelantan.
- 3 di Perlis.
- 2 di Sabah.
- 26 di Terengganu.
- 30 di Pahang.
- 66 di Johor.
- 1 di Pulau Pinang dan
- 1 di Sarawak.

WANG KERTAS PALSU

15. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk mengawasi berleluasa wang kertas tempatan tiruan dalam negara ini. Tidakkah Kerajaan berkebolehan mengadakan satu sistem bijak dalam cetakan wang kertas yang boleh menghapuskan wang tiruan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh bin Tengku Mohd. Hamzah): Wang kertas palsu telah dijumpai di beberapa tempat di negara ini dari masa ke semasa. Namun begitu, jumlahnya adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah wang kertas tulin yang ada dalam edaran.

Bank Negara Malaysia, sebagai kuasa tunggal mengeluarkan matawang, sentiasa menghubungi dan mendapat bantuan dari pihak Polis mengenai perkara ini. Sesungguhnya, pihak

Polis telah pun membuat beberapa tangkapan-tangkapan ke atas mereka yang terlibat dalam hal ini. Sebagai langkah mencegah pemalsuan, Bank Negara telah meningkatkan ciri-ciri keselamatan dalam wang kertas Malaysia dari masa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ciri-ciri keselamatan yang terbaru seperti "tanda pandang telus depan/belakang" atau front/back seethrough mark atau "tanda bayang potret atau water mark potret Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama" telah dimasukkan dalam wang kertas baru \$20 dan \$500 yang dikeluarkan sejak bulan September tahun 1982. Mulai bulan September akan datang, rekabentuk baru bagi siri wang kertas yang diedarkan pada masa ini akan dikeluarkan. Tujuannya ialah untuk menggantikan dari masa ke semasa wang kertas yang ada dalam edaran pada masa ini. Pengeluaran wang kertas yang mempunyai rekabentuk baru dan beberapa ciri keselamatan baru adalah tujuan untuk menjadikan kerja-kerja pemalsuan wang kertas lebih sukar lagi.

BIL TELEFON

16. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian sanggup menyediakan senarai panggilan-panggilan telefon yang telah dibuat untuk rujukan pelanggan-pelanggan yang mengadu tentang bil-bil telefon yang terlampau tinggi jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Tenaga Telekom Negara telah pun mengambil keputusan memperkenalkan sistem mengebil yang lengkap (itemized billing) untuk memberi butir-butir bagi tiap-tiap panggilan ATD (Antarabangsa Terus Dail) apabila ibusawat telefon

antarabangsa yang baru di Kuantan dilaksanakan awal tahun 1984. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Telekom masih mempertimbangkan kemungkinan memperluaskan sistem tersebut untuk panggilan-panggilan jauh STD (Subscriber Trunk Dialling) dalam negeri.

Dalam hal ini, satu kajian yang menyeluruh sedang dibuat untuk menilai kos yang diperlukan untuk membeli dan menyediakan peralatan-peralatan lengkap kepada semua jenis ibusawat-ibusawat yang sedia ada dengan alat-alat "itemized billing".

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini, bahawa adalah didapati bahawa pelaksanaan rancangan ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar dan faktor inilah yang mungkin menjadi penghalang besar kepada pelaksanaan sistem tersebut.

HUKUM FEQAH

17. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan tentang sejauh mana penglibatan kerajaan dalam menghadapi permasalahan Hukum Feqah yang berbangkit di negara-negara Islam di zaman Mutaakhir ini. Mengapa masih wujud ketidak selarasnya hukum-hukum tersebut di antara negara-negara Islam seperti yang berlaku kepada permulaan puasa Ramadhan baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar): Kerajaan kita sentiasa mengambil berat tentang masalah-masalah yang ujud di negara-negara Islam khususnya mengenai Hukum Feqah. Penglibatan kerajaan kita adalah dengan menjadi ahli beberapa Jawatankuasa dan Badan Antarabangsa di peringkat negara dan perbadanan. Wakil-wakil dihantar

menghadiri persidangan-persidangan, seminar dan sebagainya bagi menyumbang idea-idea yang berkaitan dengan masalah Feqah serta mengemukakan resolusi-resolusi persidangan, seminar kepada kerajaan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan bagi mempraktikkannya.

2. Tidak selarasnya setengah-setengah hukum di antara negara-negara Islam memang ujud. Ini adalah kerana:

- (i) boleh dikatakan kesemua negara-negara Islam seluruh dunia pada masa ini telah memakai empat mazhab dalam masalah Feqah yang dilalui oleh Islam. Keempat-empat mazhab itu ialah Shafie, Hanafi, Maliki dan Hambali. Bagi Negara-negara Islam di sebelah Afrika telah memahami Mazhab Maliki dan Hanafi, Negara Arab Saudi dan sekitarnya memahami Mazhab Hambali, Mesir memahami keempat-empat mazhab, Pakistan dan Bangladesh memahami Mazhab Hanafi dan Negara-negara Islam di sebelah Asia Tenggara ini memahami Mazhab Shafie. Perselisihan pendapat keempat-empat mazhab itu cuma tentang masalah cawangan atau masalah cabang (furu'). Ini berdasarkan kepada ijtihad masing-masing bagi mengeluarkan hukum (istinbat) dari ayat-ayat Al-Quran dan Hadith Rasulullah yang berbentuk umum dan tidak berapa jelas seperti batalnya air sembahyang apabila bersentuh di antara lelaki dan perempuan tanpa lapik. Bagi Mazhab Shafie batal akan tetapi bagi Hanafi tidak batal.
- (ii) tiap Negara Islam mempunyai badan atau Majlis Fatwa masing-masing. Badan atau Majlis inilah yang membuat

Fatwa bagi masalah-masalah Feqah yang timbul yang belum lagi ada hukum. Kebanyakan Negara-negara Islam mempunyai peraturan-peraturan tertentu dalam membuat Fatwa. Di Malaysia hukum yang hendak difatwa itu mestilah merujuk kepada Mazhab Shafie, dan jika tidak ada dalam mazhab tersebut barulah boleh dirujuk kepada mazhab tiga yang lain itu. Dengan yang demikian sudah tentu setengah-setengah daripada fatwa-fatwa tersebut berlainan di antara satu negara dengan satu negara yang lain. Mengenai penetapan permulaan Puasa Ramadhan baru-baru ini negara kita telah mengikut kiraan falak Shafie yang dipersetujui dalam persidangan Negara-negara Islam Sedunia di Istanbul, Turki dalam bulan November 1978.

UNIVERSITI ISLAM ANTARA-BANGSA—PENGAMBILAN

18. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pemohon dan pengambilan (admission) bagi Universiti Islam Antarabangsa mengikut kewarganegaraan dan pecahan kaum (bagi pelajar-pelajar Malaysia), apakah fakulti-fakulti dan Jabatan-jabatan pengajian yang telah ditubuhkan setakat ini. Apakah jumlah bilangan kakitangan akademik yang telah dilantik, mengikut kewarganegaraan dan pecahan kaum.

Menteri Pelajaran (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Bilangan permohonan memasuki Universiti Islam Antarabangsa pada tahun akademik 1983/84 ialah 1,810 orang bagi Warganegara Malaysia dan 230 orang bukan Warganegara. Bilangan

pengambilan pelajar setakat hari ini ialah seramai 143 orang, iaitu 122 orang warganegara dan 21 orang bukan warganegara. Pecahan warganegara mengikut kaum adalah seperti berikut:

Bumiputera	111 orang
Cina	6 orang
India	5 orang
Lain-lain	Tiada
	<hr/>
Jumlah	122 orang
	<hr/>

Fakulti-fakulti (yang dikenali di UIA sebagai Kuliah) dan Jabatan-jabatan yang telah ditubuhkan setakat ini ialah Kuliah Undang-undang, Kuliah Ekonomi dan Pengajian Perniagaan, Markas Ilmu Teras dan Pusat Bahasa Arab dan Inggeris.

Bilangan tenaga pengajar yang telah dilantik setakat ini ialah seramai 28 orang, iaitu 23 orang warganegara dan 5 orang bukan warganegara. Kesemua 23 orang tenaga pengajar warganegara itu adalah bumiputera.

PERKHIDMATAN PERUBATAN DI SABAH/SARAWAK

19. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyediakan perkhidmatan perubatan asas kepada penduduk-penduduk Sarawak dan Sabah di mana hanya 40% dan 60% penduduk-penduduk masing-masing kedua-dua negeri tersebut menikmati kemudahan kesihatan supaya taraf perkhidmatan kesihatan dalam kedua-dua negeri tersebut dapat diletakkan di tahap yang sama dengan Semenanjung Malaysia.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Kementerian Kesihatan sedang menambah pembinaan

kemudahan kesihatan statik di Sabah dan Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Selain daripada kemudahan-kemudahan kesihatan statik, perkhidmatan Doktor Udara dan Dispensari Bergerak juga memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Kementerian Kesihatan sedang menimbang kemungkinan untuk menambah bilangan lawatan dan bilangan kampung yang dilawati oleh pasukan kesihatan bergerak.

Adalah diharapkan dengan bertambah baiknya perhubungan jalan raya di Sabah dan Sarawak, lebih ramai lagi penduduk luarbandar akan dapat menerima faedah perkhidmatan kesihatan statik dan bergerak dan berupaya meningkatkan taraf rawatan kesihatan, supaya dapat mencapai tahap yang lebih memuaskan seperti di Semenanjung Malaysia.

VIDEO GAMBAR—PENAYANGAN

20. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar video gambar sedang rancak mendapat perhatian dari orangramai. Jika keadaan ini berlanjutan subjek video akan lebih berbahaya dari dadah dan samsu haram bagi generasi muda-mudi kita. Jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa bin Hitam): Kementerian Dalam Negeri memang sedar bahawa penayangan pita video sedang mendapat minat perhatian segolongan masyarakat di negara ini. Kementerian saya memang memberi tumpuan kepada gejala ini supaya masalah yang mungkin timbul itu tidak

menjadi wabak yang boleh menjejaskan kententeraman awam dan keselamatan negara.

Kementerian saya akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang penapisan filem wayang gambar dengan mengedar, menjual, menayang atau memiliki filem atau pita video lucuh atau yang tidak ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang sehingga 30hb Jun, 1983, Kementerian saya telah menyaman 560 orang kerana kesalahan di bawah Akta Filem (Penapisan).

Kementerian saya juga sedang merancang dan mengambil beberapa tindakan tegas lain bagi mengatasi masalah ini.

PEMAJU PERUMAHAN

21. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar terdapat ramai pemaju perumahan yang mengambil wang tempahan sebanyak \$1,000/- tetapi rumah tidak dibina dan akhirnya syarikat tersebut ditutup tanpa memulangkan wang tempahan \$1,000/- itu, seperti Adabi Woodcraft Sdn Bhd. Jika sedar apakah tindakan Kementerian yang mesti dilakukan, agar pembeli yang malang ini tidak teraniaya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar di atas perkara ini. Mengikut Akta Pemaju Perumahan (Mengawal & Melesen) 1970 mengutip wang tempahan sebanyak \$1,000/- ini adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menyiasat dan

seterusnya mengambil tindakan-tindakan yang perlu mengenai pemaju-pemaju yang tidak memulangkan wang tempahan yang dikutip dari para pembeli setelah gagal untuk meneruskan projek-projek mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya pada masa ini kutipan wang tempahan yang serupa itu tidak lagi dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982. Kementerian juga sedang dan akan mengambil langkah-langkah yang wajar dan perlu bagi memastikan bahawa setiap pemaju akan menjalankan tanggungjawab mereka dengan sebaik-baiknya dan untuk ini pegawai-pegawai Penguatkuasa di Kementerian sentiasa mengawasi perkembangan pelaksanaan setiap projek yang diluluskan. Kepada pemaju-pemaju yang menyeleweng-tindakan yang wajar melalui tindakan pentadbiran dan mahkamah akan dijalankan.

Mengenai projek perumahan yang dijalankan oleh Adabi Woodcraft Sdn Bhd yang telah dijalankan di Pasir Putih itu siasatan telah dibuat dan didapati ia adalah satu projek perumahan tanpa lesen. Kementerian ini sedang membuat siasatan dan seterusnya akan mengambil tindakan yang wajar di atas perkara ini.

DIPLOMA SIJIL PERGURUAN MAKTAB

22. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang menaikkan taraf Sijil Perguruan kepada taraf diploma;
- (b) bilangan guru-guru terlatih yang berhenti sehingga akhir bulan April, 1983 dan sebab-sebabnya; dan

- (c) sama ada perletakan jawatan mereka menjejaskan pelajaran murid-murid.

Menteri Pelajaran (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Sehingga ini Kementerian Pelajaran belum lagi bercadang menaikkan taraf Sijil Perguruan Maktab ke taraf diploma.
- (b) Mengikut maklumat yang ada di Kementerian, pada bulan Januari 1983 sehingga bulan April, 1983 semua kategori guru-guru terlatih yang berhenti ialah seramai 245 orang. Mereka meletak jawatan di atas sebab-sebab persendirian seperti untuk melanjutkan pelajaran, menjalankan perniagaan sendiri, mendapat kerja lain dengan pihak swasta dan mengikut suami ke luar negeri. Bilangan yang paling ramai meletak jawatan terdiri dari guru-guru dalam Kategori C, T dan B iaitu golongan yang menerima latihan dari Maktab Perguruan. Seramai 71 orang dalam Kategori D telah berhenti dalam tempoh masa yang sama.
- (c) Mengikut angka tersebut di atas, bilangan guru-guru terlatih yang berhenti ialah atas kadar lebih kurang 0.52% setahun sahaja. Peratusan ini ialah terlalu kecil dan tidak menjejaskan.

PENGURANGAN PERBELANJAAN AWAM

23. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah pengurangan dalam perbelanjaan awam semenjak April, 1982 hingga Jun, 1983. Memandangkan ekonomi yang masih muram, berapakah pengurangan yang akan diadakan dari pertengahan tahun 1983 dan tahun 1984.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berjimat cermat untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan mulai pertengahan tahun 1982. Hasil daripada langkah-langkah tersebut, angka-angka awal menunjukkan Kerajaan telah dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi tahun tersebut sebanyak lebihkurang \$3,794 juta iaitu sebanyak \$648 juta di bawah Anggaran Belanja Mengurus dan \$3,146 juta di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.

Kerajaan juga sedang mengkaji secara teliti tentang kemungkinan mengurangkan peruntukan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1983. Kajian ini perlu bagi memastikan sebarang pengurangan perbelanjaan tidak akan menjejaskan perjalanan jentera Kerajaan dan perlaksanaan projek-projek pembangunan.

DASAR EKONOMI BARU— SAMBUTAN KONTRAKTOR ASING

24. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan berpuas hati terhadap sambutan dan langkah-langkah yang ditunjuk dan diambil oleh pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor asing terhadap Dasar Ekonomi Baru, khususnya mewujudkan peluang-peluang perniagaan dengan pengusaha-pengusaha, kontraktor-kontraktor Bumiputera; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan hendak diambil oleh Kerajaan untuk menggalak dan meningkatkan lagi usahawan

dan pengwujudan peluang-peluang perniagaan di antara pengusaha-pengusaha, kontraktor-kontraktor dan peniaga-peniaga Jepun dan Korea dengan Bumiputera.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Pada keseluruhannya pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor asing sedar dan faham mengenai hasrat Dasar Ekonomi Baru. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa mengawasi sambutan yang ditunjukkan oleh mereka dan pematuhan terhadap kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru oleh pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor asing. Dialog dan perbincangan antara pihak Kerajaan dengan pengusaha-pengusaha asing sentiasa diadakan untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada mereka terhadap kehendak-kehendak pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pada keseluruhannya Kerajaan adalah berpuas hati dengan sambutan pengusaha dan kontraktor asing itu.
- (b) Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan khususnya Bumiputera dalam kontrak-kontrak dan perniagaan antarabangsa termasuk Jepun dan Korea adalah seperti berikut:
 1. Di dalam projek-projek "turnkey":
 - (i) Menubuhkan usahasama atau "partnership" dengan firma-firma tempatan yang mana

penyertaan ekuiti tempatan adalah tidak kurang dari 30% dan

- (ii) Firma-firma asing disyaratkan memberi kerja-kerja sub-kontrak tidak kurang dari 30% dari nilai kontrak kepada firma-firma tempatan khususnya Bumiputera.
- (iii) Melantik Juruperunding-juruperunding tempatan.
- (iv) Menggunakan pekerja-pekerja tempatan dan memberi latihan kepada pelatih-pelatih tempatan.

2. Bagi sektor pembuatan, pengeluaran lesen-lesen kepada pengusaha-pengusaha di bawah Akta Penyelaras Perindustrian (Industrial Coordination Act) biasanya tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dari segi penyertaan ekuiti oleh firma-firma tempatan, pekerjaan yang mencerminkan komposisi kaum, latihan bagi pekerja-pekerja tempatan, pengedaran barang-barang yang dikehendaki sekurang-kurangnya 30% diedarkan melalui syarikat-syarikat Bumiputera.

Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk memberi peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan serta memenuhi hasrat dan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

TANAMAN KOKO

25. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan penanaman koko secara besar-besaran di negara ini.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Kerajaan ada bercadang untuk memperkenalkan penanaman koko secara besar-besaran di negara ini. Rancangan Kerajaan

ialah untuk menjadikan koko sebagai tanaman eksport yang ketiga besarnya selepas kelapa sawit dan getah.

Salah satu daripada pendekatan Kerajaan dalam memperluaskan tanaman koko ialah melalui Rancangan Pemulihan Semula Kawasan Kelapa di mana tanaman koko adalah salah satu daripada tanaman-tanaman utama yang disyorkan kepada pekebun-pekebun kecil di kawasan tersebut.

PEGAWAI PERUBATAN DI PULAU PINANG

26. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam empat (4) hospital daerah di Pulau Pinang hanya 29 dari 57 jawatan untuk doktor-doktor dan pakar-pakar telah diisi dan di hospital besar hanya 70 dari 90 jumlah jawatan-jawatan tersebut telah diisi, jika benar nyatakan berapa lamakah kekosongan tersebut telah tidak diisi dan apakah sebab-sebab kekosongan tersebut tidak diisi.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Saya memang sedar bahawa dari 86 jawatan Pegawai Perubatan di Hospital Besar Pulau Pinang, 72 jawatan telah diisi manakala di empat buah Hospital Daerah pula 29 sahaja daripada jumlah 57 jawatan Pegawai Perubatan telah diisi.

Berhubung dengan kedudukan pakar-pakar cuma dua jawatan sahaja diperuntukkan di Hospital Daerah Bukit Mertajam. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah menempatkan 3 pakar (iaitu Medicine, Surgery dan O & G) di Hospital Daerah, Bukit Mertajam.

Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa memandangkan kekurangan Pegawai Perubatan di seluruh negara pada amnya

Kementerian saya sehingga sekarang tidak dapat mengisi semua kekosongan pegawai perubatan bukan hanya di Pulau Pinang tetapi juga di lain-lain negeri.

Walau bagaimanapun, saya suka meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa tambahan doktor-doktor akan ditempatkan ke Pulau Pinang bila ada doktor-doktor untuk ditempatkan.

AGENSI YANG AKAN DISWASTAKAN

27. Dr. Koh Tsu Koon minta Perdana Menteri menerangkan apakah kriteria-kriteria untuk memilih agensi-agensi dan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diswastakan. Apakah pula kriteria-kriteria untuk menetapkan syarikat-syarikat yang akan dipilih bagi mengambilalih agensi-agensi dan perkhidmatan-perkhidmatan ini. Adakah akan ditubuhkan sebuah lembaga pilihan bagi tujuan ini dan adakah pihak swasta (termasuk dewan-dewan perniagaan) akan dijemput untuk menyertai lembaga tersebut.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tujuan dan matlamat rancangan pemindaan beberapa perkhidmatan Kerajaan kepada sektor swasta telah pun saya jelaskan di dewan ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 27hb Julai, 1983. Pada prinsipnya kriteria utama yang digunakan dalam menentukan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diswastakan ialah penyerahan tanggungjawab mengusahakan pekhidmatan itu dapat dilaksanakan dengan lebih cekap serta menguntungkan kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun Kerajaan masih mengkaji kriteria-kriteria yang lebih detail yang perlu ditetapkan, termasuklah kriteria pemilihan

syarikat-syarikat untuk mengendalik-kan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan terlibat dalam rancangan ini.

KERETA MALAYSIA— PERBELANJAAN

28. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) anggaran pelaburan wang Kerajaan dalam projek Kereta Malaysia; dan
- (b) anggaran keuntungan bagi tempoh 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun dari pelancaran projek ini.

Perdana Menteri:

- (a) Jumlah ekuiti bagi projek ini ialah M\$150 juta dan pelaburan Kerajaan Malaysia melalui HICOM ialah sebanyak M\$105 juta. Ini merupakan 705 daripada jumlah ekuiti.
- (b) Keuntungan yang akan diperolehi oleh projek ini akan ditentukan oleh beberapa faktor seperti persaingan pasaran, keadaan ekonomi semasa dan lain-lain faktor termasuk perlindungan dan "incentive" yang akan diperolehi dari Kerajaan. Butir-butir anggaran keuntungan tidaklah dapat diberitahu untuk menjaga kepentingan perniagaan perusahaan ini. Walau bagaimanapun Rate of Return on Investment adalah mencukupi untuk projek ini menjadi viable.

HUTANG NEGARA

29. Tuan Fung Ket Wing: minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun hutang negara (tempatan dan asing) setakat 1982, peratus kadar pertumbuhan hutang

negara berbanding dengan kadar untuk 10 tahun yang lalu; cara-cara dengan mana Kerajaan berharap untuk membayar balik hutang tersebut, dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal hutang-hutang negara tersebut yang kian menambah.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Jumlah hutang negara sehingga 31hb Disember, 1982 adalah sebanyak \$40.9 ribu juta iaitu \$13.1 ribu juta hutang luar negeri dan \$27.8 ribu juta hutang dalam negeri. Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 4.6 kali ganda berbanding dengan tahun 1972. Pada tahun 1972, jumlah hutang negara adalah sebanyak \$7.23 ribu juta.

Pembayaran balik pinjaman-pinjaman ini akan terus dibiayai daripada hasil Kerajaan yang diperolehi dari pertambahan pendapatan dan eksport dan Kerajaan mempunyai keupayaan untuk menanggung hutang-hutang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berhati-hati dalam perolehan pinjaman-pinjaman sama ada dari dalam atau luar negeri. Pinjaman-pinjaman ini diperolehi hanya untuk tujuan membiayai projek-projek pembangunan negara. Jumlah pinjaman ini sentiasa dikekalkan pada suatu paras yang tidak akan menjejaskan peluang kedudukan kredit masa depan Kerajaan dan kedudukannya yang baik dalam pasaran antarabangsa. Hakikat ini memang diakui rata-rata di kalangan bank-bank antarabangsa yang dicerminkan melalui pemberian pinjaman dengan syarat-syarat pinjaman yang sangat berpatutan yang dikenakan terhadap Malaysia.

LEMBAGA AIR NEGARA

30. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementerian Kerja Raya bercadang untuk mewujudkan Lembaga Air Negara.

Menteri Kerja Raya (Datuk S. Samy Vellu): Kementerian saya telah dan sedang menjalankan pengkajian secara mendalam untuk melicinkan lagi urusan Bekalan Air bagi seluruh negara. Satu daripada cadangan-cadangan di bawah kajian ini ialah untuk mewujudkan satu Lembaga Air Negara.

Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Perlembagaan Persekutuan, urusan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Yang demikian sekiranya cadangan hendak menubuhkan satu Lembaga Air bagi seluruh negara maka cadangan tersebut terpaksa terlebih dahulu dibincangkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Setakat ini belumlah ada apa-apa perbincangan dibuat dengan Kerajaan Negeri mengenai perkara ini.

PELABURAN JEPUN/KOREA

31. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan Jepun dan Korea di negara ini. Berapakah bilangan projek-projek perusahaan dan kontrak-kontrak yang dijalankan secara persendirian dan berapakah pula projek-projek yang dilaksanakan secara usahasama dengan pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor tempatan dan Bumiputera.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Dari tahun 1971 sehingga Jun, 1983, jumlah projek-projek yang diluluskan dengan

penyertaan syarikat-syarikat dari Negara Jepun sebanyak 425 buah, di mana sebanyak 50 projek-projek adalah dipunyai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat dari negara tersebut dan sebanyak 375 projek-projek lagi adalah projek-projek yang diluluskan secara usahasama. Jumlah ekuiti dari Syarikat-syarikat dari negara Jepun dalam 425 projek-projek tersebut adalah sebanyak \$649.2 juta.

Dari tahun 1971 sehingga Jun 1983, jumlah projek-projek yang diluluskan dengan penyertaan syarikat-syarikat dan negara Korea sebanyak 15, di mana sebanyak 1 projek adalah dipunyai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat dari negara tersebut dan sebanyak 14 projek-projek lagi adalah projek-projek yang diluluskan secara usahasama. Jumlah ekuiti syarikat-syarikat dari negara Korea dalam 15 projek-projek tersebut adalah sebanyak \$92.1 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat bilangan kontrak yang diberi kepada firma Jepun secara persendirian sebanyak 152 dan secara usahasama dengan kontraktor tempatan sebanyak tiga (3) kontrak. Manakala bilangan kontrak yang diberi kepada firma Korea secara persendirian adalah sebanyak 35 dan secara usahasama dengan kontraktor tempatan sebanyak enam (6) kontrak.

Perlu ditekankan di sini bahawa maklumat-maklumat tersebut diatas adalah berasaskan kontrak-kontrak untuk tempoh tahun 1980 hingga 1982.

IJAZAH INSTITUSI PENGAJIAN LUAR NEGERI

32. Tuan Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan nama-nama Institusi Pengajian Tinggi luar negeri dan Ijazah atau Keahlian yang dikeluarkan oleh Institusi yang tersebut dalam bidang perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Institusi pengajian luar negeri berserta dengan ijazah atau keahlian yang dikeluarkan oleh institusi tersebut dalam bidang perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebagai kelayakan profesional adalah seperti berikut:

<i>Institusi</i>	<i>Kelayakan</i>
A. AUSTRALIA	
1. Institute of Chartered Accountant of Australia	Keahlian
2. Australian Society of Accountant	Keahlian
B. KANADA	
1. Canadian Institute of Chartered Accountant	Keahlian
C. NEW ZEALAND	
1. New Zealand Society of Accountant	Keahlian
D. PAKISTAN	
1. Institute of Chartered Accountant of Pakistan	Keahlian
2. Institute of Cost and Management Accountant of Pakistan. (Sebelumnya dikenali sebagai Pakistan Institute of Industrial Accountant)	Keahlian
E. UNITED KINGDOM	
1. Institute of Chartered Accountant of English and Wales.	Keahlian
2. Institute of Chartered Accountant of Scotland	Keahlian
3. Institute of Cost and Management Accountant	Keahlian
4. Association of Certified Accountant	Keahlian
5. Institute of Chartered Accountant of Ireland	Keahlian
6. Chartered Institute of Public Finance and Accountancy. (Sebelumnya dikenali sebagai The Institute of Municipal Treasures and Accountant)	Keahlian

PUSAT PEMULIHAN DADAH

33. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk menjadikan pusat-pusat pemulihan dadah benar-benar pusat pemulihan dan bukan pusat-pusat di mana kekerasan fizikal, kezaliman dan layanan buruk diberi kepada penghuni-penghuni yang memaksakan mereka melarikan diri dari pusat-pusat tersebut.

Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Pusat-pusat Pemulihan Dadah yang ditadbirkan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah sebenarnya tempat merawat dan memulihkan penagih-penagih dadah dan bukanlah sebagai tempat menyeksa penghuni-penghuni dengan cara kekerasan fizikal, kezaliman dan layanan yang buruk.

Semua pusat-pusat Pemulihan ditadbirkan mengikut perbekalan yang terkandung di dalam keadah-keadah Pusat pemulihan Dadah, 1979 di mana terdapat berbagai peraturan mengenai cara pengurusan hal-ehwal kebajikan penghuni-penghuni.

Memang berlaku kejadian penghuni-penghuni lari dari Pusat-pusat Pemulihan dan ini bukanlah oleh sebab layanan buruk yang mereka terima. Sebenarnya kebanyakan penghuni-penghuni tidak rela, tidak suka dan tidak mahu masuk ke Pusat Pemulihan. Mereka terpaksa masuk oleh sebab diperintah oleh Mahkamah, dipaksa oleh ibubapa/penjaga dan saudara mara. Bagi mereka yang seperti ini, mereka senantiasia mencari jalan untuk lari dari Pusat.

Terdapat juga penghuni-penghuni yang lari sebab tidak tahan mengalami kesakitan semasa dalam keadaan gian. Lazimnya seseorang penghuni yang berada dalam keadaan gian sanggup berbuat apa sahaja untuk

mendapatkan bekalan dadah. Oleh kerana dadah tidak boleh diperolehi di dalam Pusat Pemulihan maka penghuni-penghuni terpaksa melarikan diri untuk mendapatkan bekalan dadah di luar Pusat.

Penghuni-penghuni yang lari dari Pusat-pusat Pemulihan adalah disebabkan kerana mereka tidak tahan menjalani aktiviti pemulihan yang dijadualkan dari jam 5.45 pagi hingga jam 10.00 malam. Selain dari dikehendaki menjalani berbagai jenis latihan mereka juga diawasi dan dikawal dengan rapi dan ketat. Semua ini mendorong penghuni-penghuni lari dari pusat untuk mencari cara kehidupan yang "relax" dan bersenang-lenang di luar Pusat.

Kementerian Dalam Negeri senantiasia mengawasi perjalanan semua pusat-pusat pemulihan untuk menentukan penghuni-penghuni menerima latihan-latihan yang diperlukan untuk pemulihan mereka serta mengawasi supaya hal-ehwal kebajikan penghuni-penghuni diselenggarakan mengikut peraturan.

RAPAT UMUM—PENGHARAMAN

34. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bersedia menghapuskan pengharaman rapat umum-rapat umum. Jika tiada sila nyatakan sebab-sebab.

Perdana Menteri: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan pengharaman rapat umum. Tindakan mengekalkan pengharaman ini adalah dibuat atas pertimbangan keselamatan negara dan ketenteraman awam yang mungkin terjejas jika rapat umum dibenarkan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita masih lagi menghadapi ancaman dari anasir-anasir pengganas komunis bersenjata, kumpulan-kumpulan subversif serta penyokong-penyokong mereka senantiasia bergerak untuk

melemah dan seterusnya mengguling kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat di bawah sistem demokrasi berparlimen.

Walaupun keadaan keselamatan negara kini adalah terkawal pada keseluruhannya, akan tetapi ancaman terhadap keselamatan dan keutuhan negara terus wujud. Rapat umum ini diharamkan agar mana-mana pihak yang pro-komunis, subversif atau anti-nasional tidak dapat menggunakannya alat bagi mencapai niat jahat mereka.

RUMAH PERDANA MENTERI— PERBELANJAAN

35. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan harga belian bagi kediaman rasmi Perdana Menteri yang telah dibeli dari Malaysia Mining Corporation dan menyatakan jumlah perbelanjaan untuk perkara berikut:

- (a) mengubahsuaikan rumah tersebut;
- (b) perabot dan perkakas rumah; dan
- (c) pembinaan jalan khas menuju ke rumah tersebut.

Perdana Menteri: Harga rumah dan tanah kepunyaan Malaysian Mining Corporation yang dimaksudkan dianggarkan sebanyak \$2.1 juta. Perbelanjaan mengubahsuaikan rumah itu untuk dijadikan rumah kediaman rasmi Perdana Menteri adalah sebanyak \$5,306,835.15 termasuk "furnishing". Perbelanjaan menyediakan jalan masuk dan tempat letak kereta adalah sebanyak \$474,270.50.

LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT—PENGHARAMAN

36. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan

sama ada Kerajaan akan mengharamkan Loteri Kebajikan Masyarakat yang dianjurkan oleh Lembaga Loteri tersebut atau akan menegah orang Islam dari membeli tiket tersebut—seperti larangan kepada Kasino itu, jika ia bila, jika tidak, kenapa.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Abdul Ghani): Soal pengharaman Loteri Kebajikan Masyarakat telah dibangkitkan juga di dalam Dewan yang mulia ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa semasa Parlimen bersidang dalam bulan November tahun lalu. Jawapan kepada soalan itu telah pun diberi oleh Yang Berhormat Tuan Anwar Ibrahim pada 4-11-82 dan saya tidak akan mengulang lagi jawapan yang telah diberi.

Berhubung dengan perkara sama ada umat Islam akan dilarang membeli tiket loteri, Yang Berhormat Tuan Anwar juga telah menjelaskan dalam Dewan ini pada 4-11-82, bahawa perkara ini sedang dikaji dengan "serious" oleh satu Jawatankuasa.

DASAR EKONOMI BARU— MATLAMAT

37. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana Kerajaan dapat menjamin agar orang bukan Bumiputera boleh mencapai matlamat 40% seperti ditetapkan di dalam Dasar Ekonomi Baru.

38. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sekiranya bumiputera belum lagi mencapai matlamat 30% seperti dikehendaki di dalam Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990, apakah tindakan akan diambil bagi pencapaiannya; dan

(b) berapa peratus telah dicapai oleh Bumiputera di bidang Pertanian, Perindustrian, Perniagaan, Pelajaran, Perkhidmatan Awam, Perlombongan, Kehutanan, Pembangunan Perumahan dan sebagainya.

1-8-83

36. Tuan Ling Sia Ming minta Perdana Menteri menyatakan sekiranya matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu menyusun semula masyarakat, mengurangi jurang antara kaya dan miskin, Bumiputera dan bukan Bumiputera mancapai 30% dan 40% bagi matlamat di segala bidang, tercapai pada 1990, adakah Kerajaan akan menimbang membatalkan dasarnya yang mana warganegara terbahagi kepada dua golongan iaitu Bumiputera dan bukan Bumiputera.

2-8-83

28. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi baru menjelang tahun 1990 jika pencapaian matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat masih jauh dari sasarannya dan adakah Kerajaan berpuashati dengan kadar pencapaian yang ada sekarang dan adakah pelaksanaan Rancangan Malaysia yang ada sekarang bergerak selari dengan kemajuan di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Perdana Menteri: Izinkan saya menjawab soalan-soalan yang berkait dengan Dasar Ekonomi Baru yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama (29-7-83 dan 1-8-83) dan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang (2-8-83) bersama-sama soalan ini.

Malaysia adalah sebuah negara yang dinamik dan pesat membangun. Bagi meningkatkan tahap pembangunan negara, adalah penting dasar

pembangunan dirancang dengan teliti mengikut strategi-strategi tertentu. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa matlamat akhir Dasar Ekonomi Baru adalah untuk mencapai perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini melalui dua strategi penting iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai dasar yang sengaja-sengaja membahagikan warganegara kepada dua golongan Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Justeru itu dasar-dasar Kerajaan perlu dikaji dan disemak dari masa ke semasa bagi menentukan ianya menemui keperluan keadaan dan matlamat yang ditetapkan.

Sekiranya ekonomi berkembang sebagaimana yang dirancang, saya yakin pembahagian ekonomi antara golongan bumiputera, bukan bumiputera dan warganegara asing dapat diseimbangkan tahun 1990. Perseimbangan ini akan dicapai bukan sahaja menerusi usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan tetapi lebih penting ialah menerusi usaha-usaha kita sendiri dengan cara berusaha meningkatkan lagi daya pengeluaran dan kecekapan kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini sedang giat menyediakan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat. Dalam hal ini sejauh mana matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru telah dicapai dan kekesan strategi-strategi yang digunakan untuk pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sedang dikaji semula dengan teliti dan keputusannya akan dibentangkan dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat di Dewan ini pada awal tahun 1984.

Oleh yang demikian Dasar Ekonomi Baru perlu diawasi dan dinilai pencapaiannya sehingga tahun 1990 dan sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu berasaskan hasrat untuk mencapai matlamat keseimbangan antara kaum dan perpaduan negara, Kerajaan pasti meneliti dan menimbang strategi-strategi seterusnya yang sesuai dengan keadaan pada masa itu.

PERPINDAHAN TEKNOLOGI JEPUN KE MALAYSIA

39. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan negeri Jepun dalam beberapa tahun ini menjadi pelabur yang besar di Malaysia, nyatakan berapa ilmu teknologi dan kepakaran telah diajar dan dipindahkan kepada rakyat Malaysia dan berapa jeniskah hasil keluaran syarikat-syarikat Jepun di Malaysia ini yang dipasarkan dan dijual di dalam negeri Jepun sendiri.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Adalah sukar untuk mengukur teknologi dan kepakaran yang telah dipindahkan kepada rakyat Malaysia oleh pelabur-pelabur dari negara Asing termasuk negara Jepun. Antara ukuran yang boleh dijadikan panduan ialah bilangan perjanjian yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat-syarikat Jepun. Dalam tempoh 1975-1982, sejumlah 189 atau 30% daripada seluruh perjanjian-perjanjian mengenai bantuan teknikal, pengurusan, perkhidmatan kejuruteraan dan lain-lain perkhidmatan telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat perkilangan Malaysia dengan syarikat-syarikat Jepun. Perjanjian-perjanjian tersebut menetapkan aturcara pemindahan teknologi dan kepakaran termasuk latihan-latihan untuk pekerja-pekerja

syarikat tempatan. Hasil daripada pelaksanaan perjanjian-perjanjian berkenaan sebilangan besar rakyat Malaysia telah berupaya menggantikan pakar-pakar Jepun dalam projek-projek usahasama di antara Malaysia dengan Jepun.

Setengah-tengah daripada syarikat-syarikat usahasama Jepun/Malaysia dan juga syarikat-syarikat Jepun di Malaysia ada mengeksportkan sebahagian keluaran-keluaran mereka ke negeri Jepun. Di antara keluaran-keluaran yang sedang dieksportkan ke negeri Jepun dari Malaysia adalah keluaran getah, keluaran kayu seperti perabut, tekstail barang-barang elektronik dan elektrik, barang-barang logam, alat dan komponen kamera, jam dan jam tangan. Kedua sektor industri yang mempunyai banyak eksport ke negeri Jepun adalah industri elektronik/elektrik dan tekstail. Banyak syarikat-syarikat elektronik/elektrik Jepun di Malaysia mengeksportkan keluaran-keluaran mereka keseluruh dunia termasuk setengah-setengahnya ke negeri Jepun dan sebahagian besar daripada syarikat-syarikat tekstail Jepun di Malaysia mengeksportkan setengah-tengah keluaran mereka ke negeri Jepun dan juga kepada lain-lain pasaran di luar negeri seperti EEC dan Amerika Syarikat.

PUSAT SERENTI TAMPIN—ADUAN PENGHUNI

40. Tuan Lim Kim Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan Polis ke atas pengaduan-pengaduan ke pihak Polis yang berasingan dibuat oleh Ng Yong Sin di Tampin pada 16 Jun 1983, oleh Chang Wai Ghee di Kuala Lumpur pada 28 Jun 1983, oleh Solakaondeh di Seremban pada 2 Julai 1983, dan oleh Abdul Mutalib b. Hassan, Abdul Salam b. Bacik, Chin Chee Meng dan Yang Ah Kok di Tampin pada 4 Julai

1983 mengenai kekerasan, ketidakperikemanusiaan dan seksaan yang dilakukan ke atas penghuni-penghuni di Pusat Pemulihan Dadah Serenti, Tampin dan nyatakan apakah tindakan yang akan diambil ke atas pengaduan-pengaduan tersebut.

Dato' Musa Hitam: Siasatan Polis terhadap aduan-aduan yang dibuat oleh penghuni-penghuni mengenai kekerasan, ketidakperikemanusiaan dan seksaan ke atas penghuni-penghuni oleh pengawal-pengawal di Pusat Serenti Tampin adalah masih lagi dijalankan dan oleh itu hasilnya belum diketahui lagi.

41. Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kita telah berjaya bergantung lebih kurang atas pendapatan-pendapatan yang diperolehi daripada eksport komoditi-komoditi dan lebih lagi atas pendapatan-pendapatan daripada eksport barangan-barangan perkilangan dan apakah rancangan-rancangan diadakan oleh Kementeriannya untuk membesarkan perkongsian kita dalam pasaran dunia khususnya bagi barang-barang perkilangan.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Malaysia masih lagi bergantung kepada hasil eksport komoditi-komoditi tetapi pada kadar yang berkurangan dari setahun ke setahun. Pada tahun 1978, Malaysia telah mengeksport komoditi-komoditi termasuk getah, bijih timah, minyak kelapa sawit, petrolium, kayu balak dan kayu gergaji bernilai sebanyak \$12,167 juta iaitu merupakan 71.26% daripada keseluruhan eksport negara. Dari segi peratus nilai eksport barang-barang tersebut berbanding dengan jumlah eksport pada tahun-tahun berikutnya telah menunjukkan aliran yang menurun. Pada tahun 1982, jumlah eksport barang-barang berkenaan walaupun telah meningkat

kepada \$19,236 juta tetapi ianya hanya merupakan 68.37% daripada keseluruhan eksport negara bagi tahun tersebut.

Manakala peratus hasil eksport barang-barang perkilangan Malaysia telah terus meningkat. Pada tahun 1978, jumlah eksport barang-barang perkilangan bernilai sebanyak \$3,595 juta iaitu 19% daripada keseluruhan eksport negara. Jumlah dan peratus tersebut telah meningkat setiap tahun dan pada tahun 1980 ianya berjumlah sebanyak \$6,096 juta, seterusnya meningkat kepada \$6,307 juta pada tahun 1981. Pada tahun 1982, jumlah eksport barang-barang perkilangan telah mencapai kepada \$7,611 juta iaitu 27% daripada keseluruhan eksport negara.

Adalah menjadi hasrat negara untuk terus meningkatkan lagi hasil keluaran dan eksport barang-barang perkilangan dari masa ke semasa. Kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan kilang-kilang sama ada secara usahasama dengan pelabur-pelabur asing ataupun diusahakan sepenuhnya oleh pelabur-pelabur tempatan. Kerajaan juga telah memperbaiki elaun eksport iaitu termasuklah mengubah asas pengiraan elaun eksport daripada nilai di luar kilang (ex-factory) kepada nilai f.o.b. dan menukarkan kadar elaun eksport daripada 2% nilai eksport dan 10% atas tambahan kepada 5% daripada jumlah nilai eksport. Di samping itu Kerajaan juga memperluaskan kemudahan-kemudahan elaun eksport bukan sahaja untuk pengilang-pengilang malahan juga kepada pengeksport-pengeksport dan pedagang-pedagang. Semua kemudahan dan galakan-galakan tersebut adalah bertujuan untuk memperkembangkan sektor perindustrian bukan sahaja untuk memenuhi pasaran tempatan malahan juga untuk pasaran eksport. Untuk

membantu mendapatkan pasaran di luar negeri Kerajaan telah menubuhkan Pejabat-pejabat Perdagangan di seberang laut serta juga menganjurkan rombongan-rombongan perdagangan ke luar negeri. Pada masa ini terdapat sebanyak 30 buah Pejabat Perdagangan Malaysia di seberang laut. Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) dan mengeluarkan beberapa buah buku/risalah mengenai perdagangan luar dari semasa ke semasa.

PELAJARAN AGAMA ISLAM— MEWAJIBKAN

42. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tujuan dan motif pihak Jawatankuasa Kabinet yang menggubal dasar Pelajaran Kebangsaan untuk memutuskan bahawa pelajar-pelajar Melayu diwajibkan mempelajari Agama Islam, padahal pelajar-pelajar bukan Melayu diwajibkan mempelajari mata pelajaran akhlak dalam rancangan pelajaran 3M, mengapakah kesemua pelajar-pelajar tidak diberikan pelajaran agama berasaskan agama masing-masing kerana mata pelajaran agama akan merangkumi segala aspek kehidupan yang dikehendaki oleh seseorang insan termasuk bidang akhlak.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Kerajaan menyediakan Pelajaran Agama Islam kepada murid-murid sekolah bantuan kerajaan adalah selaras dengan pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan mengikut Akta Pelajaran 1961 Seksyen 36, dan ia berkuatkuasa sejak tahun 1962.

Perakuan Jawatankuasa Kabinet seperti yang telah dipersetujui oleh Parlimen pada tahun 1979 ialah bertujuan untuk melahirkan generasi yang berdisiplin dan masyarakat yang bersatu padu.

Pelajaran Agama Islam yang diajar di sekolah-sekolah berasaskan kedudukannya sebagai agama rasmi negara.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PENERBITAN- PENERBITAN YANG DIIMPORT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimport 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacaakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (28hb Julai, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Tumpat.

4.05 ptg.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Yang Dipertua, semalam saya telah menimbulkan soal pentingnya tanah. Sebagaimana yang kita tahu bahawa sesuatu bangsa, sesuatu generasi ataupun keturunan itu akan hilang lenyap di dunia ini sekiranya ia tidak mempunyai tanah

lagi, kerana tanah adalah punca rezeki tempat hidup dan tempat di mana untuk membiakkan generasi.

Tuan Yang Dipertua, harapan rakyat terhadap tanah adalah sangat tinggi. Rakyat mahu supaya suatu pentadbiran dan suatu pembangunan tanah dapat dilakukan dengan cekap bukan sahaja untuk kepentingan mereka tetapi yang paling penting sekali adalah bagi generasi akan datang. Kita sedar bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan kepada kita pada hari ini yang bermula pada semalam adalah bertujuan untuk menambah cekapan lagi di dalam pentadbiran dan penyelesaian tanah. Tetapi, di dalam usaha kita untuk menambah cekap pentadbiran tanah yang dimaksudkan ini, di sini saya ingin membawa kepada Dewan yang mulia ini beberapa masalah yang berhubung dengan tanah utamanya yang dihadapi oleh orang-orang Melayu. Dalam pengkajian dan pembacaan saya terdapat sekurang-kurangnya ada tiga masalah besar soal tanah ini yang dihadapi oleh orang-orang Melayu. Pertama, tanah milik Melayu banyak terbiar. Kedua, tanah milik Melayu banyak yang sudah berpindah milik dan yang ketiga, terdapat tanah-tanah Kerajaan yang diberikan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang Dipertua, sekarang ini sebilangan besar orang Melayu masih lagi memiliki tanah di negara ini, masih ada tanah-tanah pusaka yang diwarisi daripada ibubapa mereka, masih ada lagi tapak-tapak rumah, masih ada lagi tempat-tempat untuk ternakan mereka seperti ayam, itek, kambing, lembu, biri-biri untuk berlari-lari di kawasan-kawasan tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu yang saya maksudkan tadi. Tetapi malangnya kebanyakan daripada tanah-tanah yang dimiliki itu berada di luar bandar dan sudah tentu

kebanyakan daripada yang di luar bandar ini tidak ekonomik dan nilai harganya murah. Selain daripada itu penyelesaian tanah dari segi pemilikan tanah di kalangan orang-orang Melayu di luar bandar masih banyak yang tidak selesai, dan yang paling dukacita sekali banyak di antara tanah itu terbiar secara berpanjangan.

Tiga hari yang lepas dalam salah satu daripada akhbar keluaran negara kita ada mencatatkan kira-kira seramai 209,620 keluarga petani di negara ini mengalami kerugian kira-kira 3.65 juta pikul padi bernilai \$100.95 juta semusim di sawah terbiar berpanjangan dan \$135 juta semusim bagi sawah terbiar di luar musim.

Nampaknya dalam menyelesaikan tanah terbiar ini pihak yang bertanggungjawab tentang penggunaan tanah bagi pertanian ini terlalu slow dalam mengambil tindakannya. Saya berkata slow ialah kerana saya difahamkan pada tahun yang lepas sahaja Kerajaan kita terpaksa mengimport bahan-bahan makanan ke negara kita ini yang dianggarkan \$2.8 billion, iaitu satu angka yang paling tinggi bagi negara kita ini yang dianggarkan penduduk hanya 14 juta dan di bumi yang terkenal sebagai bumi yang subur. Kalau sekiranya pemuliharaan itu dapat diselesaikan sudah tentu \$2.8 billion yang saya sebutkan tadi kita dapat menjimatkan dan bukan setakat itu sahaja, kita dapat mengurangkan penghijrahan belia-belia kita di luar bandar ke bandar dan mungkin kita dapat mentiadakan lagi penghijrahan belia-belia kita bekerja sebagai buruh di luar negeri.

Sebagai yang kita maklum bahawa belia-belia di Kelantan, terutamanya di kawasan saya hampir pupus kerana lepas sahaja Hari Raya Puasa, lepas sahaja bulan Ramadhan, mereka terus ke luar negeri untuk mencari kerja di

sana kerana di tempat sendiri, di tanahair sendiri tidak ada kerja yang dapat dilakukan walaupun tanah banyak tetapi kebanyakan tanah itu terbiar. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya membuat kajian secara menyeluruh terhadap tanah-tanah yang terbiar ini supaya tanah-tanah tersebut tidak berkekalan sebagaimana yang kita alami beberapa belas tahun sebelum ini.

Tuan Yang Dipertua, satu masalah lagi yang berhubung dengan tanah ini ialah terdapat tanah-tanah milik Melayu sudah berpindah milik, geran tanah simpanan Melayu tetapi milik sebenarnya adalah bukan Melayu dan paling dukacita sekali ialah milik sebenarnya ialah bukan rakyat Malaysia.

Satu masa dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa ada menyatakan bahawa Kerajaan sedang mengkaji dengan teliti syor Jawatankuasa Penyemak Kanun Tanah Negara yang mencadangkan supaya seksyen 43 dipinda untuk menyekat orang-orang asing daripada memiliki tanah. Di sini saya ingin tahu apakah hasil daripada kajian itu kerana kenyataan ini daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri sudah tentu mempunyai tindakan yang tegas, tetapi hasilnya belum dapat diketahui oleh rakyat.

Pada satu masa juga Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sendiri, Yang Berhormat Dato' Rais Yatim pernah berkata bahawa 800,000 hektar tanah simpanan Melayu kini hilang dan terlepas daripada tangan orang-orang Melayu kerana digunakan untuk projek-projek pembangunan negara dan dipindahmilikkan dan satu pengakuan daripada Menteri sendiri dalam perkara ini pada hemat saya

perlu diambil perhatian dan perlu dilihat semula tentang perpindahan itu dari segi untung ruginya bagi orang-orang Melayu.

Tuan Yang Dipertua, sekarang ini sebagaimana yang kita maklum bahawa kita menghadapi zaman pembangunan dan dalam zaman ini bandar-bandar bertambah besar, dahulu pekan-pekan kecil juga sudah bertambah besar dan sudah tentu kerana yang kecil bertambah besar maka kawasan perumahan bertambah, industri tumbuh di sana sini, jalanraya, klinik, pejabat, kedai dan lain-lain binaan didirikan di sana sini. Dalam perkembangan ini banyak kita dapati geran-geran tanah padi telah bertukar menjadi lot-lot perumahan dan lot-lot perumahan telah bertukar menjadi kawasan industri dan sebagainya. Bagi saya dalam perkembangan yang seumpama ini adalah merupakan perkembangan biasa sahaja tetapi walaupun ia merupakan satu perkembangan biasa hendaklah kita pastikan bahawa segala perkembangan itu tidak merugikan sesiapa dan pengambilan tanah milik orang-orang Melayu hendaklah diganti setimpal dengan tanah-tanah yang lain.

Tuan Yang Dipertua, dalam kerja-kerja dan usaha pembangunan yang kita terpaksa mengambil tanah rakyat ini kerajaan hendaklah membuat kajian yang teliti yang tidak merugikan mana-mana pihak dan yang paling pentingnya ialah tidak membazir. Berlaku di beberapa tempat tanah rakyat diambil didirikan projek market atupun Dewan Orang Ramai, tetapi malangnya tak sampai satu tahun market itu tidak digunakan, Dewan itu tidak digunakan tetapi tanah telah diambil, akhirnya market dan Dewan Orang Ramai itu menjadi tempat perlindungan bagi kambing biri-biri semata-mata. Cara pengambilan juga hendaklah dalam

bentuk bijaksana kerana berlaku di beberapa tempat di kalangan sebilangan kecil pegawai-pegawai, waktu pengambilan tanah daripada orang ramai menimbulkan reaksi yang kurang senang di kalangan tuan-tuan tanah kerana terasa oleh tuan-tuan tanah bahawa pengambilan ini merupakan satu ugutan: "kalau mak cik tak mahu bagi pun tanah mak cik ini Kerajaan ambil juga", dan sebagainya. Bukan setakat itu sahaja, waktu pembayaran kepada tuan empunya tanah dengan kadar yang sudah ditentukan oleh Kerajaan, pihak sebilangan kecil pegawai ini pula yang memberitahu kepada mak cik itu bahawa harga yang ditentukan oleh Kerajaan ini tidak adil dan sebagainya. Ini berlaku di beberapa tempat di kalangan sebilangan kecil pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di Pejabat-pejabat Tanah.

Masalah yang akhir yang ingin saya sebutkan di sini ialah ada beberapa orang tertentu di kalangan kita yang mendapat tanah Kerajaan tetapi entah bagaimana silapnya peraturan dan undang-undang kita, orang yang berkenaan yang dikurniakan tanah oleh pihak Kerajaan bagi tujuan projek-projek yang tertentu tetapi orang-orang ini dengan mudah pula menjual kepada pihak-pihak ataupun golongan-golongan yang lain.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya di sini saya ingin mencadangkan untuk menyelesaikan permasalahan tanah di negara kita ini yang sudah tentu permasalahan tanah ini adalah merupakan satu permasalahan hidup mati dan masalah yang paling besar bagi satu umah, maka saya mencadangkan supaya Kerajaan hendaklah menubuhkan satu Suruhanjaya Penyiasatan tentang permasalahan tanah dari semua aspek untuk diambil tindakan yang tegas dan bererti bagi tujuan penyatuan rakyat di negara ini dan sekiranya kita ingin

melihat suasana yang makmur, suasana yang sejahtera untuk masa hadapan negara kita yang cemerlang ini, maka cadangan yang seumpama ini dan tindakan dalam permasalahan tanah yang dihadapi oleh kita ini hendaklah disegerakan. Sekian, terima kasih.

4.20 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyokong Akta untuk meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 dalam Penurunan kuasa bagi penyaksian urusan yang berkenaan dengan tanah. Ini adalah pindaan yang amat baik memandangkan kepada kerja-kerja yang bertambah dan juga tanggungjawab-tanggungjawab yang berat yang dipikul oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan juga pihak Pengarah Tanah Negeri. Jadi, di dalam penurunan kuasa ini saya berharap pihak Kerajaan dan juga pihak yang berurusan dengan tanah akan dapat menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan tanah secepat yang mungkin. Bukan sahaja kuasa itu diturunkan untuk penyaksian kepada urusan-urusan tukar milik, gadaian dan sebagainya tetapi juga pengurusan bagi memberi balik geran-geran yang telah dilaksanakan itu kepada tuan empunya secepat yang mungkin. Kita tidak mahu perkara ini mengambil masa yang lama dan juga kadang-kadang sampai berbulan-bulan pada hal di dalam urusan tanah ini kita dapat segerakan. Kalau kita hendak segerakan satu jam, kita dapat buat satu jam, kalau kita hendakkan tiga bulan kita dapat siapkan dalam tiga bulan. Tetapi memandangkan kepada beban dan bertambahnya urusan-urusan tanah seperti ini, saya rasa dalam jangkaan seminggu urusan hal-hal yang berkenaan dengan tanah di dalam urusan tukar milik, gadaian dan sebagainya, dengan penurunan kuasa ini kita berharap supaya Jabatan Hal

Ehwal Tanah ini akan dapat menyelesaikan dalam masa seminggu setidak-tidaknya.

Kita tahu dan kita mengetahui bahawa perkara yang paling ketara dan yang paling nyata kepada Pejabat Tanah sekarang ini ialah kekurangan kakitangan bukan sahaja kekurangan kakitangan dari segi penyaksian dan juga urusan-urusan tandatangan bagi kuasa-kuasa kelulusan tanah, tetapi ialah Pegawai-pegawai Penempatan ataupun S.O. ataupun pegawai-pegawai rendah yang berurusan dengan tanah pun berkurangan. Jadi, dengan keadaan ini sudah tentu di dalam urusan-urusan pemecahan tanah (sub-division) dan juga dalam urusan-urusan mengukur tanah-tanah, perkara-perkara ini banyak diserahkan kepada surveyor ataupun private surveyor (juru ukur swasta). Jadi, dengan cara inipun berlaku juga kelambatan. Kalau beginilah caranya, saya minta supaya keadaan kekurangan ini ditambah dan diberi keistimewaan penambahan ini walaupun di dalam zaman meleset, lebih-lebih lagi kalau kita hendak meluluskan tanah-tanah baru kepada rakyat, didapati kelambatan tidak lain adalah kelambatan pihak-pihak juru ukur kerana kekurangan pegawai, walaupun ada Task Force, walaupun ada Pegawai Penguatkuasa untuk menguruskan sesuatu kawasan tetapi inipun tidak mencukupi. Jadi, penyekatan daripada penambahan kakitangan di peringkat ini sepatutnya Kerajaan pertimbangkan walaupun zaman meleset tetapi keperluan dan kepentingan negara patut diutamakan. Kita tidak mahu rakyat akan marah kepada Kerajaan kerana urusan yang berkaitan dengan tanah mereka lambat selesai, permintaan tanah-tanah baru mereka lambat diberi. Dengan cara ini kekurangan kakitangan terutama kakitangan Pegawai Penempatan patut ditambah seberapa yang banyak supaya urusan hal tanah ini dapat disegerakan.

Satu lagi minta kepada Kementerian ini, sebagaimana beberapa kali saya bangkitkan bahawa permodenan dalam pentadbiran tanah dengan mengadakan komputer. Kita tahu urusan tanah ini bersambung-sambung dan failnya bertimbun-timbun dan juga data-datanya banyak yang patut diselidiki dengan segera. Saya rasa dengan penggunaan komputer, dengan pemodenan pentadbiran tanah sahajalah perkara-perkara ini dapat diselesaikan dan dapat dielakkan daripada penipuan-penipuan, misalnya menyimpan fail ataupun menyusupkan fail-fail yang sepatutnya berjalan dengan segera dengan sebab-sebab yang tertentu dan Pejabat Tanah ini hendaklah dibekalkan dengan mesin-mesin yang lebih moden, yang lebih baik. Dengan cara ini sahajalah, dengan kekurangan pegawai tadi kita atasi tambah pegawai dan peralatan kita memberi peralatan yang lebih moden, saya rasa urusan tanah ini akan dapat disegerakan kerana selama ini kita tahu bahawa hanya pentadbiran tanah ini masih dipakai dengan cara lama dan pegawai-pegawai di peringkat Daerah masih tidak selesa, pejabat-pejabatnya masih lagi dilingkungi dengan screen, tempatnya yang sempit, kadang-kadang kipas memusing pun berbunyi, "kiuk, kiuk kiuk" bunyinya, jauh sekali kalau hendak pakai aircon.....

Tuan Yang Dipertua: Macam mana hendak tulis "kiuk, kiuk" dalam Hansard (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Maknanya, Tuan Yang Dipertua, kipas itu lama. Jadi, Maknanya kipas itu lebih lama daripada ADO yang ada di situ ataupun DO atau jadinya Pejabat Daerah itu. Jauh sekali kalau kita hendak pakai aircon atau hendak pakaikan hawa dingin supaya lebih selesa kepada mereka itu. Dengan

sebab itu, mereka ini lebih suka keluar, lebih suka tinggal pejabat, lebih suka membuat kerja-kerja luar, bawa fail pergi ke Pejabat-pejabat PTG untuk urusan lain daripada duduk di dalam bilik yang tidak begitu selesa. Jadi, keselesaan ini patut diutamakan dan untuk keutamaan itulah kewangan sepatutnya dibekalkan.

Kadang-kadang kalau kita tanya kepada pihak Tanah, ini adalah urusan Negeri. Kalau Negeri tidak ada wang sudah tentulah di dalam urusan ini tidak dapat keselesaan diberi tetapi sedikit sebanyak tanggungjawab dalam urusan tanah ini ada kaitan dengan Kementerian Tanah, sepatutnya cadangan-cadangan dan juga perkara-perkara yang patut disertakan atau diberi pandangan atau diberi peruntukan oleh Kementerian ini adalah baik demi untuk kepentingan dan pengurusan tanah di peringkat Daerah dan juga diperingkat Negeri, walaupun ini merupakan urusan Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu juga, kita dapati tanggungan pegawai-pegawai tanah ini banyak, bukan sahaja hal ehwal tanah tetapi mereka inilah juga pengerusi itu dan pengerusi ini, timbalan pengerusi itu dan timbalan pengerusi ini, tambahan pula kalau sekiranya hari perayaan dan juga Perayaan hari keputeraan dan juga perayaan hari-hari agama dan juga segala-galanya, ini adalah merupakan satu beban yang mereka terpaksa meninggalkan tugas-tugas penting yang berkaitan dengan tanah. Ini berbaliklah kepada menambahkan pegawai-pegawai yang berkenaan ataupun memberi tugas khas urusan tanah ini kepada seorang sebagaimana kita tahu PHT itu hanya urusan tanah, walaupun namanya dicadang dan saya setuju nama itu dicadang, diberi kepada Pegawai Hal Ehwal Tanah, bukan pegawai Pemungut Hasil Tanah sahaja maknanya kuasa ini diberi sepenuhnya

kepada seorang pegawai ataupun dua orang pegawai yang berkenaan dan pegawai ini tidak akan ditugaskan dengan beban-beban yang lain, beban-beban yang lain ini ditugaskan kepada pegawai lain yang tidak banyak urusan ataupun memberi tugas-tugas lain ini kepada pegawai-pegawai lain. Tidak cukup pegawai, tambah lagi pegawai. Dengan cara ini hal urusan tanah ini akan dapat diselesaikan dengan baik. Yang paling sedih juga kadang-kadang kita kedapatan, ini ialah merupakan sikap pegawai itu sendiri, saya minta di dalam latihan di INTAN dan sebagainya patut diberikan pandangan mengenai ubah sikap terhadap orang-orang kampung. Kalau zaman dahulu jawatan DO, ADO atau Pengarah Tanah itu merupakan jawatan yang paling besar di peringkat daerah itu sehingga sekarang pun begitulah keadaannya. Jadi kalau pegawai-pegawai muda dihantar ke peringkat daerah, mereka itu masa di sekolah belum pernah orang memanggil "Tuan" atau "Encik" ataupun kadang-kadang nampak hebat dipanggil "Dato". Jadi, dengan panggilan itu menyebabkan mereka itu naik angin sedikit, sebulan tak apa, dua bulan tak apa lagi, masuk tiga empat bulan rasa kena panggil Dato' atau Tuan itu sudah selesa dengan tubuhnya dan keadaan itu masa inilah kalau hendak tengking-tengkingpun bolehlah tengking sedikit. Ada kesah amat banyaklah tentang menengking orang-orang kampung dan ada yang ditengking itu Pegawai MCS, yang sedih dia tengking Pegawai MCS, Pegawai MCS lawan, diapun malu. Jadi latihan sikap seperti inilah saya rasa patut kita berikan kepada mereka itu supaya mereka itu akan dapat memberi perkhidmatan yang baik dan jadikan orang kampung yang datang untuk urusan tanah itu dengan keadaan yang sempurna.

Jika keadaan sikap yang saya sebutkan tadi merupakan sikap suka menengking dan pemarkah ini akan

timbul gap dan di antara gap inilah timbulnya penipuan. Misalnya, seorang dari kampung dia tidak akan dapat berjumpa dengan sendiri kepada Pegawai Tanah kerana takut. Apabila takut ada orang tengah yang datang berjumpa sama ada Tok Penghulu, Tok Penggawa atau Petition Writer, apabila mereka itu menggunakan orang-tengah macam ini sudah tentulah banyak penipuan daripada apa yang sewajarnya.

Misalnya, kalaulah kita katakan nilai tanah itu \$3,000 maka tentulah cukai setem \$30.00 tetapi kalau Tok Penghulu keluar bawa surat itu cukai setem jadi \$60. Jadi pihak yang menggunakan orang-tengah yang membawa hal ini tidak akan soal jawab, akan mengeluarkan duit \$60 untuk membayar setem, bermakna orang-tengah itu akan untung \$30. Begitu juga kalau untuk mendaftarkan pesaka, dia takut hendak jumpa ADO dan juga Pegawai Tanah, dia daftar pesaka \$2 biasanya, orang-tengah keluar ditambah angka dua di depan jadi \$22.00. Nasib baik tidak tambah angka 5: Kalau tambah angka 5 jadi \$52. Ini keadaan yang berlaku apabila orang-orang kampung menggunakan orang-tengah untuk menyelesaikan perkara tanah. Jadi keadaan ini patut diketahui. Apa yang paling penting sekali sekarang ini sudah timbul dalam akhbar iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah memberitahu bahawa soal pemecahan tanah dan pecah lot akan disiapkan dalam masa 3 bulan. Hal ini rakyat ketahui, kalau tak tahupun dia akan tahu dengan sendiri, tambah-tambah pemaju perumahan yang akan beritahu, tetapi malangnya apakah kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini akan dapat dilaksanakan oleh Jabatan Tanah? Jadi inilah yang perlu kita ambil perhatian supaya kenyataan pemimpin seperti ini akan dapat dilaksanakan dalam masa 3 bulan

sebagaimana yang dikehendaki. Jadi kalau tidak dapat diselesaikan bermaknalah ini merupakan suatu kekurangan yang berlaku menyebabkan sepatutnya boleh dilakukan dalam masa 3 bulan tetapi tidak dapat dilakukan.

Satu perkara lagi saya tidak tahu sama ada Kementerian Tanah ini menerima atau tidak satu surat siaran daripada Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa ini adalah bertentangan dengan amalan Bersih, Cekap dan Amanah. Misalnya, kita ingin suatu perkhidmatan yang baik di dalam perkhidmatan tanah atau perkhidmatan yang lain kita mahukan perkhidmatan itu Bersih, Cekap dan Amanah untuk mendapat hasil dan mutu yang tinggi. Ini semua disanjung oleh masyarakat tetapi ada satu siaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, mungkin dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Setiausaha Negara meminta supaya setiap jabatan dengan keadaan kemelesetan ini mesti tutup air-con pukul 3.30 dan juga elauun derebar tak lebih \$100.00. Telefon tak lebih \$300.00 dan suratkhbar kena beli sendiri untuk ketua jabatan dan saya rasa banyak perkara yang disebutkan. Saya tidak ingat. Saya tidak tahu sama ada siaran itu diterima atau timbul dalam pejabat Kementerian Tanah itu. Kalau ini cara kita hendak mengamalkan Bersih, Cekap dan Amanah, kita hendakkan pegawai pulang 4.30 kalau boleh ada juga pegawai keluar pukul 5.00 tetapi suruh tutup air-con pukul 3.30, sudahlah bilik itu ditutup dengan keadaan cermin yang tebal dan keadaan panas jadi seolah-olah mereka itu disuruh berkipas di dalam bilik. Jadi cara ekonomi seperti ini sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan desakan sekarang. Sebaliknya, banyak perkara penipuan yang patut kita tengok atau jalankan oleh pegawai untuk menjimatkan perbelanjaan bukan dengan cara menjimatkan dengan

tutup air-con pukul 3.30 atau lebih awal daripada masa sepatutnya. Kalau pegawai sanggup bekerja sampai pukul 5.00 biar air-con itu dibuka sampai pukul 5.00.

Saya bukanlah hendak mengkritik apa yang telah berlaku tetapi siaran ini merupakan satu kenyataan yang tidak akan memenuhi hasrat Bersih, Cekap dan Amanah.

Sepatutnya mengawasi penipuan yang lain yang banyak bukanlah menyekat drebar tak boleh mileage claim \$100 atau elaun lebih masa \$100 tetapi banyak juga penipuan boleh dilakukan oleh drebar, dia jual bateri pun ada, dia kata tukar tayar tapi tak tukar tayar pun ada, minyak dia bubuhkan penuh kemudian dia hisap balik pun ada. Ini yang sepatutnya penyelewengan yang patut kita jaga, bukan kita hendak menjaga masalah kecil, kalau sekiranya patut drebar itu bekerja lebih, pegawainya patut bekerja luar, apa kita hendak buat? Itu tugas negara. Saya tidak tahu apakah asas perkara ini kalau sekiranya terkena atau sampai kepada Kementerian Tanah. Saya rasa Kementerian Tanah tak patut menerima dan tidak akan menerima saranan seperti itu kerana itu dari segi pandangan saya ialah memundurkan dan tidak mencapai kemajuan keadaan yang baik. Jadi kalau keadaan seperti itu tidak merupakan satu penyelewengan tetapi adalah satu perkara yang baik dari segi kehendak-kehendak negara, tetapi kalau penipuan yang lain seperti tuntutan yang berlebihan, menggunakan kemudahan yang tidak sepatutnya digunakan, perkara itu kita setuju penyelewengan seperti itu kita setuju dicegah tetapi bukanlah memotong hak-hak yang sepatutnya diberikan. Ini di antara perkara yang saya dengar dan ini bukan merupakan membazir tetapi merupakan satu kecekapan. Kalau kita mengharapkan pegawai itu bekerja sampai 4.30 atau 5.00

kemudian diberi sampai pukul 5.00 dan kalau kemudahan diberi selama itu kemudahan yang tidak merugikan negara, tidak merugikan jabatan maka kemudahan itu patut diberi seterusnya tidak akan dipotong walaupun kita hendak mengurangkan perbelanjaan negara.

Perkara penyelewengan patut dikaji, di sebalik perkara ini yang lebih banyak patut kita kaji dan kita ambil tindakan daripada kita memotong hak-hak yang sepatutnya boleh dilakukan oleh pegawai sama ada pegawai rendah atau pegawai tinggi. Jadi kalau sekiranya satu pejabat itu telefon lebih \$300 bermakna pegawai itu kena bayar sendiri ataupun mungkin Jabatan itu boleh gunakan telefon setakat 20 hari sahaja, 10 hari tak boleh gunakan telefon sudah cukup limit \$300 ataupun kalau digunakan lebih \$300 maka ketua pejabat itu kena bayar duit poket sendiri, maka telefon pun tidak digunakan maka itu melembabkan tugas dan tanggungjawab, bukan keadaan yang memajukan dan mengikut kehendak Bersih, Cekap dan Amanah sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan kita.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi pemodenan di Pejabat Tanah akan mengurangkan penipuan di Pejabat Tanah jika sekiranya kita gunakan komputer dan keadaan-keadaan yang baik, maka akan mengurangkan penipuan. Kadang-kadang kuasa yang menandatangani itu adalah wakil yang diturunkan oleh pesuruhjaya tanah mereka ini berjalan dengan jujur, tetapi selepas ditandatangani, selepas proses, selepas tanah itu diluluskan maka fail itu mereka tidak akan mengetahui melainkan diminta pula kemudian. Jadi di sinilah berlaku

penipuan, misalnya satu contoh di dalam Jawatankuasa Tanah kita telah meluluskan tanah kepada si A dan kelulusan ini tentulah tidak siapa dapat mengetahui melainkan pegawai dan orang-orang yang tertentu kemungkinan juga Office Boy atau S.O.-S.O. yang ada di bawah daripada kitapun tahu-tetapi tidak semuanya tahu, barangkali dalam keadaan inilah mereka ini akan pergi ke kampung-kampung menceritakan, tanah awak itu awak hendak atau tidak? Ditanya, padahal tanah-tanah sudah diluluskan, kalau hendak itu tidaklah semudah bercakap sahaja, takkanlah cakup dengan air liur tanah itu boleh lulus. Jadi orang fahamlah, apabila tanah sudah lulus, tetapi fail itu disembunyikan dan apabila ada sogokan-sogokan tertentu, maka pihak berkenaan kata tidak apalah, tengok bulan depan saya luluskanlah, saya akan cuba menerangkan kepada ADO tentang perkara ini, duit ini bukan untuk saya, tetapi untuk pegawai, untuk Pesuruhjaya Tanah-bukan untuk dia. Ini yang pelik, dia kata. Tetapi saya tidak percaya pegawai-pegawai tanah yang tinggi akan melakukan seperti itu. Jadi keadaan inilah yang saya katakan, apabila dia sudah tahu tanah ini lulus, maka selepas sebulan dan mengikut apa dia kata tanah itu akan lulus dan fail dibawa keluar dan kawan itu dapat tanah, jadi dia dapatlah sedikit-sedikit imbuhan. Inilah di antara penipuan-penipuan sebagaimana saya sebut-sebut tadi dan ini adalah satu penipuan bahkan banyak berlaku dan juga apabila surat-surat cara yang tidak ditandatangani bertimbun-timbun pun ini merupakan penipuan yang berlaku juga. Ini berlaku di setiap tempat kerana kekurangan pegawai dan juga tanggungan kerja sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Perkara ini akan dapat diatasi kalau sekiranya pemodenan dan juga alat-alat yang lebih baik digunakan di Pejabat-pejabat Tanah dan juga pejabat yang ada urusan dengan tanah.

Ada beberapa orang rakan saya menyebut masalah tanah rezab Melayu, tanah-tanah hak istimewa Melayu. Sepatutnya tanah-tanah ini dibuatkan satu penyalarsan di antara negeri-negeri dalam negara kita ini, biarlah tanah rezab Melayu ini mempunyai satu undang-undang yang sama atau peraturan yang lebih kurang sama, tidak terlampau jauh peraturan supaya dapatlah tanah rezab Melayu ini diberi suatu penyalarsan yang lebih baik dan pentadbirannya tidak akan berlainan di antara satu-satu negeri dengan suatu negeri, yang lebih baik lagi tanah rezab Melayu ini yang sudah hilang rezab Melayunya, tanah ini sebagaimana peruntukan yang ada sepatutnya diganti dan diisytiharkan satu kawasan yang lebih baik untuk digunakan bagi tanah rezab Melayu supaya hak-hak keistimewaan yang ada kepada orang Melayu seperti ini tidak akan hilang begitu sahaja.

Kita tidak mahu kalau tanah-tanah rezab Melayu di dalam bandar ini diambil dan digunakan, kemudian kita menggantikan tanah rezab Melayu yang sama luasnya di kampung-kampung atau di gunung-gunung yang tidak memberi faedah ekonomi yang lebih tinggi, maka ini tidak sepatutnya dilakukan. Tetapi jika sekiranya tanah-tanah rezab Melayu yang hilang, yang telah diambil, yang telah dibina sama ada Pejabat-pejabat Kerajaan ataupun Pejabat-pejabat Badan-badan Berkanun, sepatutnya tanah-tanah ini diganti kepada kawasan yang lebih baik atau kawasan-kawasan yang lebih istimewa supaya nilai ekonomi tanah rezab Melayu ini tidak akan hilang, walaupun keluasannya tidak hilang, kemungkinan nilai ekonominya akan hilang apabila diberi ganti di tempat-tempat yang jauh kerana kebanyakan rancangan-rancangan perumahan dan sebagainya dan rancangan Pejabat-pejabat Kerajaan ini yang dijalankan di atas tanah rezab Melayu itu, tanah ini tidak diberi ganti dan tidak

diisytiharkan satu kawasan baru yang boleh memberi faedah dan juga memberi hak dan kepentingan kepada hak istimewa orang Melayu yang hanya itulah sahaja yang ada selain daripada beberapa hak yang lain.

Saya suka hendak menyebut satu perkara lagi yang tidak ada dalam negeri-negeri lain, tetapi telah beberapa kali dikatakan, ini adalah hak Kerajaan Negeri Kelantan, iaitu Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan atau Rancangan Penyelesaian Tanah Persekutuan, di bawah Akta 1955. Kita tahu bahawa rancangan ini adalah niat baik Kerajaan untuk menyelesaikan tanah-tanah rakyat di Kelantan yang asalnya yang tidak mempunyai pemilik-pemilik yang sah hendak membetulkan, tetapi apabila suatu kawasan itu dimasuki oleh Rancangan Penyelesaian Tanah bukan tanah itu sahaja selesai lagi mengusutkan kerana undang-undang tanah dan Rancangan penyelesaian Tanah Akta 1955 ini adalah memberi kuasa yang begitu besar kepada pegawai-pegawai tanah untuk menyelesaikan tanah dengan memberi keputusan dan keputusan itu tidak dapat diappeal, hanya ke Mahkamah Tinggi atau diappeal ke mahkamah dan kalau beginilah caranya maka sudah tentulah keadaan ini akan bertambah buruk. Misalnya yang paling saya tidak setuju di dalam undang-undang ini ialah undang-undang menduduki tanah (by occupation), siapa yang menduduki tanah itu, maka tanah itu akan jadi haknya, sama ada dia kata dia beli atau apa akan jadi haknya. Apabila ditanya: Awak tahukah ini tanah awak haknya? Walaupun di dalam geran itu terang-terang tanah itu bukan si B, tetapi tanah si A. Oleh kerana tanah itu diduduki oleh B, maka tanah diberi kepada B. Ini banyak berlaku dan keadaan inilah yang tidak memberi kepuasan di antara setengah-setengah pihak. Banyak di antara tanah ini misalnya

dibenar diduduki, misalnya seorang itu ada tanah dibenarkan si B, baiklah kalau tidak ada tanah kau duduklah dibucu sana, buat rumah atau pondok. Akhirnya, si B pun sudah tua dan mati hanya tinggal anaknya, akhirnya anak si menumpang itupun besar dan tahu kisah ayahnya duduk sahaja dulu dan apabila penyelesaian tanah ini masuk, tanah itu sudah tentu akan mempunyai hak kepada orang yang menumpang duduk tadi, inilah kuasa-kuasa yang pernah berlaku di Kelantan dan hak yang ada di dalam geran itu tidak diterima oleh kuasa-kuasa ini.

Saya tidak menolak sepenuhnya dari segi hasrat untuk menyelesaikan tanah, tetapi hasrat untuk menyelesaikan tanah itu akan menjadi sebaliknya, inilah yang menyusahkan, sesuatu perkara yang merumitkan.

Banyak keadaan ini berlaku, kalau satu dua tidak apa, ini banyak. Misalnya kita tahu satu tanah si A,B,C—tanah si A itu 2 ekar, B 2 ekar, C 2 ekar. Kali pertama dia sukut tetapi oleh kerana orang zaman dahulu dia tidak kisah, dia kira buat batas sahaja, orang Kedah kata buat batas, orang Kelantan kata buat long. Jadi kalau dia buat batas ikut bataslah sama ada yang hak kuat, hak 2 ekar ini dia rekah ambil sampai $3\frac{1}{2}$ ekar, yang kawan ini tengok kawannya ambil tanah dia, dia ambil kawan ini punya sampai $3\frac{1}{4}$ ekar. Akhirnya yang akhir sekali itu tinggal tanah $1\frac{1}{4}$ ekar.

Apabila Rancangan Penyelesaian Tanah masuk tentu dia tanya fasal apa yang awak tidak kisah tanah awak itu? Saya tidak tahulah, gamak tanah saya 2 ekar besar ini sahajalah, kata kawan itu. Fasal awak tidak kisah itulah awak tidak tahu, kalau awak baru tahu ini bukan tanah awak, maka tanah itu beri kepada dia. Maka tanah yang 2 ekar 2 ekar tadi kawan ini akan jadi $2\frac{1}{2}$ ekar, kawan ini akan jadi $2\frac{1}{2}$ ekar dan kawan ini akan jadi $1\frac{1}{2}$ ekar ataupun 1 ekar. Ini keadaan yang

berlaku, walaupun ini saya boleh tunjukkan bukti terang-terang dan perkara ini setelah keputusan yang pertama diberi kawan ini appeal dapat balik tanah itu. Kawan ini kena appeal sekali bawa ke mahkamah padahal dalam geran itu telah sebut bahawa tanah si C ini adalah 2 ekar, dia bayar daripada mula sampai akhir pun 2 ekar. Inilah keadaan-keadaan Rancangan Penyelesaian Tanah yang mengkusutkan penduduk-penduduk, yang sepatutnya rancangan ini tidak diteruskan, sepatutnya diberhentikan. Sudahlah tanah itu apabila rancangan ini masuk menyebabkan 6 tahun tanah itu beku, tidak dapat dipindahmilik, tidak dapat digadai, tidak dapat dibuat pinjaman bank, cuma baru-baru ini sahaja Perlembagaaan dipinda dan diminta supaya bolehlah gadai dan buat pinjaman bank tetapi tanah ini tidak semudah tanah-tanah di luar daripada Rancangan Penyelesaian Tanah.

Jadi keadaan ini menyulitkan rakyat dan undang-undang ini tidak ada di negeri-negeri lain dan inilah rumitnya dan sepatutnya rancangan ini sudah lama ditutup dan tidak dilaksanakan dan undang-undang ini sepatutnya dimansuhkan dan biarkanlah tanah-tanah di Kelantan itu diselesaikan oleh Pejabat Tanah. Kadang-kadang tanah kawan ini tidak tahu pun itu tanah dia; luas mana, besar mana. Dia tidak kisah tanah itu kawannya sudah beli daripada bapanya dahulu, dia tidak kisah tanah seluas itu tetapi bila Rancangan Penyelesaian Tanah ini masuk dia beritahu ini tanah awak. Yang jual itu datuknya ataupun neneknya, inilah yang susah padahal kalau benda itu sesuaikan kepada keadaan yang ada apabila timbul, tetapi benda tidak timbul ditimbulkan dengan tujuan hendak menyelesaikan. Tetapi yang paling saya sedih ialah kuasa yang lebih diberi kepada pegawai ini adalah tidak sepatutnya dan undang-undang ini adalah lari daripada peraturan Kanun Tanah

Negara yang memberi kuasa yang begitu luas bahawa nama yang ada di geran itu tidak berguna lagi apabila keputusan dibuat oleh pegawai yang berkenaan itu.

Jadi itulah di antara Rancangan Penyelesaian Tanah yang saya hendak timbulkan di sini, banyak masalah dan Wakil Rakyatlah yang paling berat menerima beban seperti ini untuk menyelesaikan perkara ini dan kadang-kadang kalau pegawai yang menyelesaikan tanah itu sama kuatnya dengan Wakil Rakyat maka teruklah bagi Wakil Rakyatnya untuk menyelesaikan perkara-perkara yang seperti ini. Tetapi ini adalah satu perkara yang merupakan masalah kepada rakyat negeri Kelantan di dalam menyelesaikan urusan tanah. Oleh itu saya minta kalau sekiranya patut dinasihatkan kepada Kerajaan Negeri minta Kerajaan Negeri supaya menarik balik undang-undang ini dan penyelesaian tanah yang belum lagi diselesaikan itu diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi ialah pencerobohan tanah haram yang saya suka hendak menyebutkan di sini bahawa ada satu golongan katanya di dalam negara kita tidak ada tanah haram, tanah haram hanya satu iaitu di Mekah sahaja. Dengan sebab itu rekah, masuk seberapa banyak, seberapa luas yang boleh. Jadi saya hendak menimbulkan ini kerana makin banyak penyelesaian yang dibuat di dalam pencerobohan tanah haram ini makin banyak orang masuk memerintahkan tanah haram. Yang paling sedih sekali ialah pencerobohan oleh kompeni-kompeni yang besar, kompeni-kompeni kuari, kompeni yang mereka ini bukan kecil, kadang-kadang sampai berpuluh-puluh ekar, beratus-ratus ekar dihalalkan. Jadi keadaan ini patutlah diambil perhatian supaya pencerobohan tanah haram ini

tidak berterusan dan mana-mana tanah kosong oleh kerajaan patut dibuat rancangan di bawah Kementerian Tanah. Kalau tanah ini tinggal kosong sudah tentu pencerobohan tanah haram akan bertambah tetapi kalau tanah itu diadakan rancangan sudah tentu tanah ini tidak akan dicerobohi lagi. Dengan sebab itu pencerobohan tanah-tanah haram ini akan dapat dielakkan apabila pihak Kementerian ini menjalankan pembangunan kemajuan di atas tanah-tanah tersebut.

Selain daripada itu selama saya di Parlimen ini saya tidak tengok lagi di dalam perubahan peraturan Akta Tanah 305 (a) di dalam Kanun Tanah Negara iaitu pindaannya. Di dalam Undang-undang Tanah kita tahu yang dipakai di bawah Akta 90 bahawa nama siapa yang tercatat di dalam geran tanah itu maka orang itu menerima tanah itu. Ini di bawah Seksyen 90 rasa saya kalau tidak silap, kalau silap saya minta maaf, bahawa tanah ini mesti diserahkan geran itu kepada orang yang terdapat namanya di situ. Tetapi di dalam Akta Kanun Tanah Negara 305 (a) bahawa geran itu tidak akan dapat dilakukan sebagaimana kehendak Akta ataupun Seksyen 90 kerana geran-geran ataupun suratcara yang di dalam 305 (a) ini sebarang penyelesaian gadaian ataupun penyelesaian suratcara hendaklah diberi balik kepada siapa yang menyerahkannya. Keadaan inilah yang menyebabkan berlaku bahawa apabila seseorang itu membuat pinjaman kepada bank misalnya, dia telah bayar semua hutang maka pihak bank pun hantarlah kepada Pejabat Tanah untuk melepaskan gadaian tetapi surat pelepasan untuk melepas gadai oleh bank itu telah ada, oleh lawyer pun telah ada tetapi malangnya mengikut Undang-undang 305 (a) bahawa tuan empunya tanah yang ada nama di atas geran itu tidak menerima geran tersebut. Walaupun kita tahu bahawa

geran tanah itu kalau diberi kepada orang lain, orang lain daripada nama yang tercatat di situ kemungkinan banyak berlaku, misalnya berlaku dengan digunakan geran itu untuk dibuat cagaran-cagaran atau lain. Jadi dengan keadaan ini sepatutnya 305 (a) ini dimansuhkan, hanya dipakai Seksyen 90 iaitu geran-geran, suratcara atau dokumen tanah diserahkan kepada mereka yang tercatat di dalam geran tersebut.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Jika 305 (a) ini diadakan juga melainkan kalau tidak dimansuhkan, mestilah ditambah menyatakan segala hutang-hutang atau segala bayaran yang berkaitan dengan suratcara tersebut telah pun selesai. Jadi saya sebutkan di sini kerana berlaku sampai ke mahkamah, 305 (a) ini berlaku sampai ke mahkamah di mana pihak peguam akan mendakwa pegawai tanah kerana menyerahkan geran tersebut kepada orang yang mempunyai nama di dalam geran walaupun dia tahu kuasa untuk melepas gadai itu telah diberi kuasa, surat-surat melepas gadai telah ditandatangani, cuma orang itu mahu balik geran itu, itu sahaja. Itulah keadaannya dan dia hendak menyerahkan sendiri kepada tuan empunya geran tersebut. Cubalah buat kajian 305 (e), kerana saya pun sudah lama tidak membuka undang-undang tanah ini, kalau sudah dipinda diucapkan terima kasih, kalau belum dipinda minta perkara ini dilaksanakan demi untuk kemudahan bersama bagi melaksanakan undang-undang tanah. Itulah di antara beberapa perkara yang saya timbulkan di dalam hendak memodenkan, di dalam hendak melicinkan di dalam perkhidmatan tanah sebab kita tidak ada peraturan-peraturan yang bercanggah, tiada undang-undang yang boleh menyusahkan orang ramai

dan tiada perkara-perkara yang boleh melambatkan demi untuk kepentingan orang ramai.

Dengan sebab itu saya menyokong penuh bahawa penurunan kuasa yang dilakukan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ini akan mempercepatkan lagi proses urusan yang bersangkutan dengan hal-hal tanah yang terdapat dalam negara kita. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

5.01 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang bersama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957.

Tuan Yang Dipertua, kita faham bahawa Pesuruhjaya Tanah ini adalah mempunyai kuasa memegang tanah-tanah Kerajaan yang begitu bernilai tinggi terutama di dalam bandar-bandar. Beliau ini adalah sebagai satu jawatan yang begitu sibuk, melawat tanah di seluruh negara, menghadiri kursus dalam negeri, menghadiri kursus-kursus luar bandar bagi meninggikan pengetahuan dalam bidang tanah. Sebagai manusia biasa ada kalanya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ini ada sakit, demam, bercuti kerana menghadiri majlis kenduri-kendara waris-warisnya ataupun menghadiri kematian saudara-mara atau waris-warisnya. Apabila perkara ini berlaku maka tergendalalah penyaksian sebagaimana yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini kerana tidak dapat dijalankan dan terlewat kerana Pesuruhjaya Tanah tidak ada.

Sebagaimana dalam huraian Rang Undang-undang ini menyatakan, dengan lulusnya undang-undang ini, dengan supaya memberi kuasa kepada

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi membolehkan melantik mana-mana pegawai menyaksikan perletakkan meterai Perbadanan pada segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang menghendaki meterai Perbadanan dan menandatangani segala surat dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, asal Akta Ibu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Ord. 44/1957 Seksyen 5/(1), minta izin, Tuan Yang Dipertua:

“All deeds, documents and other instruments requiring the seal of the Corporation shall be sealed with the seal of the Corporation in the presence of the Federal Lands Commissioner who shall sign every such deed, document or other instrument to which the corporate seal is affixed, and such signing shall be sufficient evidence that the said seal was duly and properly affixed and that the same is the lawful seal of the Corporation.”

Tuan Yang Dipertua, adalah sangat wajar pindaan ini dimajukan pada hari ini yang tersebut tadi diadakan supaya diberi kuasa kepada pegawai-pegawai lain untuk menyaksikan sebagaimana yang diterangkan dalam huraian tadi. Tetapi hendaklah kita memilih orang-orang yang menjadi saksi itu hendaklah dipilih daripada orang yang layak, jujur dan penuh amanah. Kita tidak mahu orang-orang yang tidak amanah, tidak jujur dan korapsi serta boleh dibayar, boleh menipu sebagaimana orang yang pernah di kampung-kampung dibayar kepada saksi bahawa orang muda ini belum kahwin tetapi sudah beranak-berenek. Begitulah juga tanah-tanah ini lebih harganya kepada negara. Kita sedia maklum tuan Pesuruhjaya Tanah dan pegawai-pegawai Persekutuan adalah pegawai kanan PTD banyak pengalaman, lama bekerja, biasanya

orang ini hampir hendak pencen, mestilah kita percaya. Maka orang seperti ini pegawai-pegawai yang berpengalaman yang begitu masak dalam penyaksian dan hal-hal tanah barulah kita beri pegawai-pegawai itu menggantikan atau mewakili daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan itu. Orang seperti ini adalah orang yang boleh diberi tanggungjawab sebagai saksi yang sangat penting.

Tuan Yang Dipertua, maka dengan adanya pindaan ini sudah barang tentu kemuskilan selama-lama ini tentang kelewatan menunggu tanda tangani Pesuruhjaya Tanah ini tidak akan tergendala lagi. Saya menyokong Rang undang-undang ini.

5.06 ptg.

Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh):
Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang Dipertua, pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan tentu merupakan satu langkah yang besar untuk menjadikan pejabat Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebuah pejabat yang lebih cekap. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana membentangkan pindaan tersebut. Saya suka mengambil peluang ini untuk menarik perhatian Kementerian iaitu masih terdapat banyak prosedur berkaitan dengan urusan tanah yang sudah ketinggalan masa yang pihak Kementerian masih boleh meneliti untuk mendatangkan satu sistem yang lebih cekap.

Tuan Yang Dipertua, tidaklah boleh dinafikan iaitu di banyak negeri sumber kewangan yang utama adalah dari tanah. Oleh itu jika prosedur-prosedur diikat dengan pita-pita merah maka kerajaan-kerajaan Negeri dan akhirnya negara yang akan rugi. Dikebanyakan pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri masalah yang rumit sekali yang mereka hadapi ialah kekurangan kakitangan. Di samping itu apa sahaja kakitangan yang ada, ramai yang tidak berpengalaman sebab kakitangan yang kanan selepas bertugas beberapa waktu akan bertukar kerana kenaikan pangkat dan lain-lain sebab.

Tuan Yang Dipertua, untuk mengatasi masalah ini pihak Kerajaan menghadapi masalah kerana kekurangan wang dalam masa kemelesetan. Oleh itu adalah selaras dengan konsep pengswastaan Kerajaan jika tugas-tugas tertentu diberikan kepada sektor swasta untuk dilaksanakan.

Saya merujuk kepada ukur tanah dan pengeluaran suratan hakmilik tanah, khususnya kepada Kampung-kampung Baru. Memang gerak kerja begini mengambil masa lama. Akibatnya rakyat khususnya yang miskin menghadapi banyak kesulitan kerana ketiadaan suratan hakmilik tanah. Untuk mengatasi masalah ini adalah baik membenarkan juru ukur swasta yang berlesen untuk menjalankan ukur tanah serta mengeluarkan suratan-suratan hakmilik tanah tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya tahu setengah negeri mempunyai praktik begini tetapi ini tidak dilaksanakan untuk tanah-tanah Kampung Baru. Saya menggesa Yang Berhormat Menteri supaya menjadikan satu peraturan iaitu kerja-kerja begini mestilah dilaksanakan oleh juru ukur swasta dan bukan menyerahkan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk membuat keputusan masing-

masing. Dengan demikian, rakyat tidak payah menunggu begitu lama untuk mendapatkan surat hakmilik tanah mereka. Saya ketahui kes-kes orang-orang di kampung Baru yang mana telah didirikan dalam awal tahun 50an yang masih belum mendapati surat hakmilik untuk tanah Kampung Baru mereka. Mereka telah menunggu kira-kira selama 30 tahun kerana kekurangan juru ukur Kerajaan dan kakitangan Pejabat Tanah.

Tuan Yang Dipertua, sukar bagi kita sebagai Wakil Rakyat untuk menjelaskan kelambatan tersebut. Saya berharap dengan konsep pengswastaan Kerajaan Barisan Nasional kita, pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan mengambil peluang konsep ini dan menyelesaikan masalah kelambatan mengeluarkan surat hakmilik tanah kepada semua Kampung-kampung Baru.

Sekali lagi sebelum saya duduk saya ingin melafazkan sokongan saya kepada pindaan terhadap Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Parit Buntar.

5.13 ptg.

Tuan Abdul Raman bin Sulaiman (Parit Bunter): Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957.

Bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari Barisan Nasional memberi sokongan kepada pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, pindaan ini adalah merupakan satu pindaan yang sesuai dan wajar. Jika kita kaitkan dengan dasar-dasar Kerajaan sekarang ini, khasnya untuk mewujudkan satu

pentadbiran yang cekap. Setelah saya semak dan teliti pindaan ini dan saya renungi sedalam-dalamnya matlamat pindaan Rang Undang-undang ini, saya dapati dua unsur yang penting terkandung di dalam pindaan ini. Unsur ini adalah unsur-unsur yang memberi kebaikan kepada:

- (1) Mempercepatkan kerja-kerja di Pejabat tanah yang mana dengan adanya perwakilan kuasa ini, dengan ada penurunan kuasa ini lebih ramai pegawai-pegawai dapat menjalankan tanggungjawab mengenai perkara-perkara yang disebutkan di dalam pindaan Undang-undang ini. Mungkin ada pihak-pihak yang berkenaan menyatakan makin ramai pegawai-pegawai yang diberi kuasa maka makin banyak ataupun makin ramai yang membuat penyelewengan. Bagi saya oleh kerana dasar Kerajaan sekarang ini yang berkehendakkan pentadbiran yang bersih, sudah tentu perkara-perkara penyelewengan yang mungkin timbul akan dapat kita elakkan;
- (2) Unsur yang penting juga hasil daripada pindaan Akta ini, Tuan Yang Dipertua, ialah kita membantu kepada meningkatkan satu, kemajuan negara kita sendiri. Saya katakan kemajuan negara ini kerana dengan adanya penyelesaian terhadap suratikatan dokumen-dokumen dan suratcara seperti yang dihuraikan di dalam huraian Akta ini maka urusan-urusan ataupun keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh badan-badan yang lain terhadap dokumen-dokumen ini akan dapat diserahkan kepada pihak yang berkenaan.

Umpamanya, jika sebuah bank memerlukan sesuatu dokumen kerana adanya urusan urusan-usniaga dengan Penyelesaian yang cepat atau kesan daripada penurunan kuasa ini maka ini boleh membantu urusan dari segi ekonomi negara kita itu bertambah cekap lagi dan inilah maksud saya boleh membantu kepada meningkatkan kemajuan negara kita. Di samping itu kita juga boleh menambah hasil negara. Kalau kita lihat pada masa-masa yang lepas oleh kerana kelewatan menyelesaikan dokumen-dokumen ini pihak Kerajaan tidak mendapat hasil dengan seberapa cepat yang boleh. Jadi sesuai dengan keadaan ekonomi negara kita dengan keperluan negara kita dan dengan cepat menyelesaikan mengenai suratikatan, dokumen-dokumen dan suratcara yang dimaksudkan dalam pindaan Akta ini akan menambahkan hasil negara kita pada masa sekarang dan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, unsur kuasa kepada pegawai-pegawai yang hendak diturunkan kuasa ini hendaklah kita lihat secara yang berhati-hati.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita lihat kadang-kadang oleh kerana adanya kuasa-kuasa yang lebih, penyelewengan boleh berlaku. Tetapi penyelewengan ini akan dapat kita elakkan sekiranya pegawai-pegawai yang hendak diberi kuasa itu tahu kerja-kerja mereka. Jadi mereka tidak akan dapat mengelakkan dengan kata-kata bahawa saya terkeluar daripada pandangan, saya tidak mengetahui peraturan-peraturan dan sebagainya. Maka dalam hal ini saya mengesyorkan supaya kuasa yang hendak diturunkan nanti ataupun pegawai-pegawai yang hendak menerima kuasa-kuasa ini hendaklah terdiri daripada mereka yang berpengalaman, khasnya mereka yang bekerja di Pejabat Tanah sahaja

kecualilah dalam keadaan-keadaan khas di mana pegawai-pegawai Pejabat Tanah tidak ada di sesuatu tempat.

Tuan Yang Dipertua, ramai sahabat-sahabat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional membangkitkan tentang Tanah Simpanan Orang Melayu. Dalam hal ini saya ingin menimbulkan dua masalah yang sentiasa dihadapi oleh pemunya-pemunya Tanah Simpanan Orang Melayu ini. Yang Pertama ialah tanah-tanah simpanan orang Melayu yang mana dibeli oleh orang-orang bukan Melayu dengan membuat perjanjian-perjanjian luar. Memanglah benar, kalau kita lihat dari segi undang-undang bahawa perjanjian tidak mengikut lunas-lunas undang-undang tanah tidak sah. Tetapi apa yang penting bagi saya bukan soal sah dalam konteks ini tetapi dari segi soal usaha kepada tanah orang Melayu itu, walaupun dari segi namanya sahaja tanah itu masih lagi tanah orang Melayu tetapi dari segi usahanya sudah terlepas kepada orang-orang bukan Melayu, maka satu langkah yang wajar hendaklah diambil supaya kalau umpamanya berlaku keadaan-keadaan seperti ini pihak Kerajaan bolehlah mengenakan sebarang tindakan kepada pihak-pihak yang terlibat. Jadi, dalam hal ini saya merayulah kepada pihak Yang Berhormat Menteri supaya mengambil lebih daya usaha dengan memberi perhatian kepada perkara ini.

Yang kedua mengenai tanah simpanan orang Melayu yang telah diambil balik oleh Kerajaan kerana untuk menyediakan pembangunan. Dalam hal pembangunan ini kalau kita lihat memberi manfaat kepada semua pihak tetapi tanah yang diambil itu terlibat hanyalah kepada orang Melayu, tanah simpanan Melayu. Maka saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dapat mengambil

langkah yang wajar supaya jumlah tanah yang telah diambil balik kerana tujuan pembangunan itu hendaklah diwartakan pula di tempat-tempat lain sejumlah yang sama sebagai tanah simpanan orang Melayu sebagai ganti kepada tanah yang telah diambil, ataupun yang keduanya hendaklah memberi keutamaan kepada mereka-mereka yang terlibat. Umpamanya keutamaan menyertai rancangan-rancangan tanah baharu, menyertai rancangan-rancangan tanah FELDA dan sebagainya kerana mereka telah mengalami kesusahan akibat daripada pengambilan balik tanah ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam soal pengambilan balik tanah ini satu perkara yang telah merumitkan ramai tanah-tanah mereka yang telah diambil ialah setelah tanah mereka diambil dan dibicara kuasa telah pun selesai tetapi apabila jumlah wang yang diambil itu terpaksa mereka pergi mengambil di Mahkamah Tinggi. Dalam hal ini kadang-kadang wang yang hendak diambil di Mahkamah Tinggi hanyalah \$50, \$60 atau \$70 sahaja. Jadi, saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak begitu baik diamalkan. Pindaan patutlah dibuat kepada bahagian yang berkenaan, kerana kalaulah contoh umpamanya saya dari kawasan Parit Buntar, orang-orang yang miskin tanahnya telah diambil kerana pembangunan, kemudian untuk \$60 hendak pergi ke Ipoh kerana Mahkamah Tinggi hanya terdapat di Ipoh, pergi balik teksi pun sudah \$50, lebih baiklah pada pendapat mereka tidak usah ambil. Jadi, saya minta kalau boleh bahagian ini juga hendaklah dipinda dan menyerahkan jumlah wang yang kecil ini kepada Mahkamah Rendah yang mana terdapat di kebanyakan daerah ataupun disimpan di Pejabat Tanah Daerah. Dalam hal ini kalau kita lihat, Tuan Yang Dipertua, soal jumlah wang seperti ini melibatkan berjuta-juta ringgit, kalau Yang Berhormat

Menteri tidak percaya boleh semak dengan Mahkamah Tinggi Ipoh dekat \$2, \$3 juta atau satu juta ringgit lebih saya difahamkan. Jadi, apakah terjadi kepada wang yang besar ini. Saya rasa ini juga patut kita pertimbangkan kalau boleh ditempatkan di Bank sebagai Simpanan Tetap dan sebagainya ini boleh menambahkan hasil ataupun pendapatan negara.

Berbalik kepada soal kuasa, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan hendaklah memastikan kuasa-kuasa ini digunakan dengan sebenar-benarnya dan kerajaan mestilah tegas kepada mereka yang bersalah mestilah diambil tindakan, kerana, Tuan Yang Dipertua, melalui pengalaman saya memang terdapat sindiket-sindiket yang melibatkan beberapa penyelewengan di Pejabat-pejabat Tanah melibatkan beberapa orang yang tidak bertanggungjawab terlepas daripada tindakan oleh pihak Kerajaan. Saya hairan mengapa pada suatu tempat yang saya dapati dalam sebuah kawasan ataupun kawasan pejabat yang bukan pejabat Tanah kedapatan butir-butir yang mana plan tanah yang telah diambil oleh Kerajaan dan sebagainya dan maklumat lain. Jadi saya mintalah supaya pegawai-pegawai ini diberi latihan-latihan yang cukup, diberi pengajaran-pengajaran yang cukup di mana siapa sahaja yang menyeleweng mestilah diambil tindakan yang tegas.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita lihat memanglah banyak tanah-tanah telah diambil oleh Kerajaan dan tanah-tanah ini dibuat projek raksaksa Kerajaan seperti yang selalu saya bangkitkan umpamanya Rancangan-rancangan Belia Berkelompok, Rancangan Projek Krian/Sungai Manik. Di dalam hal ini, Tuan Yang Dipertua, sewaktu pelaksanaan kita mestilah benar-benar meneliti bahawa projek-projek ini dilaksanakan mengikut keadaan setempat, sesuai

dengan keadaan setempat. Umpamanya, saya ambil contoh Projek Krian/Sungai Manik yang memerlukan belanja lebih kurang \$238 juta. Setelah kita merancang membinasakan projek ini malangnya, Tuan Yang Dipertua, projek ini tidaklah dapat diselesaikan mengikut jadual iaitu tahun 1985. Ini adalah mungkin kerana keadaan kewangan negara. Tetapi sebahagian besar iaitu saluran yang ketiga ataupun parit ketiga (tertiary canal) tidak dapat dipersudahkan. Dengan keadaan demikian ini boleh menjejaskan imej projek itu sendiri di mana Kerajaan tidak dapat memastikan bahawa projek itu selesai mengikut jadualnya dan tidak pula dapat menentukan bahawa matlamat projek untuk meningkatkan pendapatan pertanian kepada petani-petani seperti yang dirancangan. Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin membangkitkan iaitu projek-projek ini hendaklah seperti yang saya katakan tadi diselesaikan secara yang teratur, kalau perlu penguatkuasaan itu juga secara teratur, kalau perlu segala perkara-perkara yang lain itu biarlah berjalan dengan secara sempurna. Sebenarnya saya ingin bangkitkan bahawa dengan projek ini walaupun belum selesai telah menambahkan masalah kepada penduduk-penduduk di sini kerana tidak adanya satu penyelesaian kepada masalah-masalah ini, umpamanya jalan-jalan di kawasan projek ini rosak dengan teruknya. Saya menyeru kepada khasnya Yang Berhormat Menteri kalau dapat menggunakan jasa baik untuk melihat perkara ini. Di hadapan saya ini ada 35 gambar yang membuktikan bahawa jalan-jalan rosak dengan teruknya, kalau Yang Berhormat Menteri hendakkan gambar ini boleh saya beri.

Jadi di dalam kita menimbang pindaan ini yang pada pendapat saya seperti yang saya katakan mula-mula tadi adalah satu langkah yang wajar, pindaan dan tindakan kepada

Bahagian-bahagian lain juga hendaklah dipercepatkan. Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau semalam bahawa Kerajaan kita memang sentiasa melaksanakan segala keperluan masyarakat dan sebab itu jugalah pindaan undang-undang ini dibentangkan pada mesyuarat kali ini.

Akhirnya, saya berharap di samping kita memberi kuasa kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah, kita mestilah sanggup menerima perubahan yang lebih baik kepada pejabat-pejabat supaya pegawai-pegawai dapat bertugas dengan penuh minat lagi, khasnya di Bahagian Pendaftaran kerana di sinilah dokumen-dokumen yang penting ini disimpan, maka di Bahagian ini hendaklah dimoden atau dilengkapkan dengan sewajarnya keperluan-keperluan mengikut semasa kerana saya pernah membuat lawatan ke Bahagian Pendaftaran di mana biliknya itu penuh dengan buku-buku, dokumen-dokumen dan sebagainya tetapi oleh kerana tidak dipasangkan dengan alat hawa dingin maka sudah tentulah dokumen-dokumen ini dengan mudah menjadi rosak. Jadi alat-alat hawa dingin hendaklah ditempatkan di bilik-bilik pendaftaran ini. Ini adalah satu perkara yang mesti. Dan kalau Kerajaan berkesanggupan, maka kita hendaklah mengadakan komputer kepada tiap-tiap Pejabat Pendaftaran khasnya kerana dokumen-dokumen inipun kadang-kadang boleh juga hilang tetapi kalau komputer itu kita beri maklumat-maklumat, susah orang tertentu hendak menghilangkannya. Jadi di samping kita memberi kuasa, di samping mengambil tindakan-tindakan yang tegas kepada pegawai-pegawai serta memberi pengetahuan-pengetahuan yang sewajarnya kepada mereka, kita juga hendaklah memberi kemudahan-kemudahan dari segi keadaan alam sekeliling di mana mereka sedang bekerja.

Tuan Yang Dipertua, saya inginlah mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah yang telah terjadi kepada jual beli ataupun perjanjian secara mulut yang telah berlaku di dalam soal jual beli tanah ataupun dokumen-dokumen yang telah ada di dalam simpanan Pejabat-pejabat Tanah tetapi telah hilang. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Yang Berhormat Menteri untuk memastikan perkara-perkara seperti ini tidak berlaku.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya sebutkan tadi banyak tanah-tanah simpanan Melayu dan kadang-kadang terdapat juga tanah-tanah kepunyaan bangsa-bangsa asing yang hendak dijual, tetapi dalam keadaan sekarang ini kalau estet yang besar-besar sudah tentulah orang-orang Melayu tidak mempunyai kemampuan untuk membelinya. Begitu banyak tanah-tanah yang dari segi keluasanya memanglah luas telah tidak dapat dibeli ataupun orang Melayu tidak mempunyai keupayaan untuk membeli tanah-tanah yang seluas ini dan saya sendiri mendengar ada cadangan-cadangan, iaitu Bank Tanah Negara, patutlah ditubuhkan dengan segera, kita berharaplah langkah-langkah yang lebih cepat diambil.

Bank ini bukan kita hendak simpan tanah tetapi kita hendak membeli tanah-tanah orang luar yang ingin menjual tanah kepada kita dan kalaulah Bank ini tidak dapat ditubuhkan dengan serta-merta oleh kerana sebab-sebab yang tertentu kita hendaklah mengadakan satu Badan ataupun Jawatankuasa di mana sebarang tanah yang dimiliki oleh orang-orang luar daripada Malaysia ini yang ingin menjual kepada orang dalam Malaysia ini hendaklah dirujukkan terlebih dahulu kepada Badan atau Jawatankuasa supaya tanah itu tidak terlepas kepada orang-orang yang sudah kaya. Ini sesuai

dengan keadaan kita; kita tidak mahulah orang yang kaya itu bertambah kaya dan kita harus menyediakan satu masyarakat yang adil supaya jurang perbezaan dapat kita kurangkan.

Tuan Yang Dipertua, saya inginlah mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengambil satu langkah yang berani bagi menurunkan kuasa Pesuruhjaya Tanah itu kepada pegawai-pegawai yang lain. Saya sukalah mengambil kesempatan memberi nasihat kepada pegawai-pegawai kita, iaitu Kerajaan sentiasa menaruh kepercayaan kepada pegawai-pegawai kita yang telah memberi sumbangan yang banyak kepada kita dan dengan penghormatan yang diberikan oleh pihak Kerajaan ini maka pegawai-pegawai hendaklah menggunakan kuasa yang diberikan ini dengan penuh tanggungjawab, sesuai dengan dasar, dengan slogan Kerajaan kita, iaitu Bersih, Cekap, dan Amanah.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong pindaan Akta ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Bagan Datok.

5.40 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Yang Dipertua, saya juga turut mengambil bahagian dengan rakan-rakan saya bagi menyokong pembentangan Rang Undang-undang yang dinamakan Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 dan untuk kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya memperkatakan ataupun akan menyuarakan beberapa perkara mengenai sokongan saya terhadap masalah tanah ini, saya suka menyampaikan rasa tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan

Tanah dan seluruh kakitangan Kementerian Kemajuan Tanah yang mana pada hari inilah ataupun pada masa inilah timbulnya suatu pemikiran yang begitu baik untuk meminda Akta Ordinan Pesuruhjaya Tanah 1957 ini setelah Ordinan Pesuruhjaya Tanah ini berjalan semasa negara kita baru-baru mencapai kemerdekaan tahun 1957. Ertinya apabila sampai tahun 1987 iaitu hampir tiga tahun lagi Irdinan yang kita pinda ini sudahpun menjangkau kepada 30 tahun, barulah ada pemikiran untuk meminda Ordinan ini dan barangkali kalau Dato' Rais Yatim, Menteri Kemajuan Tanah ini tidak ada, mungkin undang-undang ini pun tidak dipinda, dibiarkan sampai seratus tahun. Tetapi kita semua sedar.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat supaya tidak menyebutkan nama Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya harap Yang Berhormat boleh tarik balik.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya minta maaf, Tuan Yang Dipertua, saya tarik balik nama Dato' Rais itu, sebab yang saya nampak semenjak beliau itu memegang jawatan Menteri Kemajuan Tanah banyak perubahan mengenai tanah ini dilaksanakan. Jadi minta maaf, saya tarik balik nama beliau.

Saya rasa dan kita semua maklum bahawa masalah tanah ini adalah suatu masalah yang merupakan suatu masalah negara ataupun isu nasional, bukan suatu masalah yang kecil kerana kita tahu asal kita ini pun daripada tanah dan keseluruhan negara kita Malaysia, kita sedia maklum ialah sebuah negara pertanian, iaitu berdasarkan ataupun berunsurkan kepada kemajuan tanah, di situlah terletaknya kemajuan rakyat

dan kemajuan negara. Dan sepanjang yang saya ingat boleh dikatakan sebelum merdeka tidak ada rungutan kerana rakyat tidak dapat menyampaikan rungutan mereka terhadap pemerintah tetapi semenjak negara kita mencapai kemerdekaan sehinggalah kepada hari ini rungutan yang disuarakan oleh rakyat melalui forum-forum, melalui mass-media suratkhbar dan sebagainya boleh dikatakan sepanjang tahun, sepanjang bulan dan sepanjang hari. Jadi ini menunjukkan bahawa masalah tanah ini adalah suatu masalah yang sangat-sangat menyeluruh, yang sangat memberi besar maknanya kepada pembangunan negara dan pembangunan rakyat di dalam sesebuah negara yang merdeka ini. Jadi dengan adanya kelulusan meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah ini, saya berharap setelah kelulusan ini kita laksanakan, suatu prestasi mengenai masalah-masalah tanah yang akan dilakukan oleh Kementerian Kemajuan Tanah serta pegawai-pegawainya akan dapat kita lihat dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, kita sedia maklum bahawa masalah tanah di dalam negara kita ini adalah dipulangkan mengikut Undang-undang Kanun Tanah Negara iaitu terpulang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar tiap-tiap negeri dan juga pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah bagi tiap-tiap negeri dan daripada negeri-negeri diturunkan pula kuasa itu kepada Pegawai-pegawai Daerah serta di bawah Pegawai Daerah kita meletakkan seorang yang ditugaskan khas yang dinamakan Pemungut Hasil Tanah dan pegawai-pegawainya.

Saya menyokong pindaan Ordinan Pesuruhjaya Tanah ini terutama sekali dari segi Huraian dan maksud yang telah terjawab kepada kita menunjukkan selama ini—pada masa

yang telah sudah, kuasa yang ada pada Pesuruhjaya Tanah itu sahaja yang boleh menyaksikan ataupun melakukan sesuatu kepada dokumen-dokumen ataupun surat-surat cara bagi melaksanakan pembangunan tanah. Maka dengan sebab itu tidak hairanlah saya sendiri mempunyai pengalaman pada suatu hari pernah pergi ke Pejabat Pesuruhjaya Tanah dan Galian di Ipoh, apabila sampai di pejabat itu mendapati Pesuruhjaya Tanah bercuti dan apabila ditanya pula siapakah yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal yang saya hendak kemukakan ini, Timbalan Pesuruhjaya Tanah juga bercuti, maka dengan sebab itu urusan itu terpaksa ditangguhkan kerana tidak dapat dijalankan. Inilah suatu masalah dan itu yang berlaku kepada saya, banyak lagi rakyat yang datang daripada jauh untuk mengemukakan masalah-masalah mereka itu tetapi tidak dapat diatasi oleh kerana tidak adanya peruntukan bagi Pesuruhjaya Tanah itu kuasa seperti mana yang kita akan luluskan di dalam pindaan ini.

Ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat daripada rakan-rakan saya tadi telah banyak memperkatakan terutama sekali adanya penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh mereka daripada pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk mentadbirkan masalah tanah ini. Tetapi kita jangan lupa pula ada di antara pegawai-pegawai khususnya Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah, Menteri Besar, Pegawai-pegawai Daerah, Pemungut-pemungut Hasil Tanah yang begitu baik, menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya untuk menyelesaikan masalah tanah tetapi dari segi pengalaman yang telah kita alami apabila seseorang pegawai itu menjalankan tugas dengan begitu baik, yang boleh kita ambil contoh dan tauladan tetapi pegawai yang berkenaan itu akan menjadi mangsa. Ini harus diambil kira. Saya berharap kepada Kementerian Kemajuan

Tanah supaya melindungi pegawai-pegawai yang begitu baik menjalankan tugas mereka itu dan tidak menjadi mangsa di atas tugas yang sungguh-sungguh yang dilakukan oleh mereka itu untuk kepentingan rakyat dan kepentingan negara.

Kalau saya hendak sebutkan namanya boleh, Tuan Yang Dipertua, tetapi tak apalah kerana dalam pemikiran saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian termasuk Tuan Yang Dipertua sendiripun tahu adanya pegawai-pegawai kita yang begitu baik menjalankan tugas telah menjadi mangsa sama ada tidak dinaikkan pangkatnya ataupun ditukarkan ke tempat-tempat yang lain-tempat yang kurang baik apabila dia menjalankan tugasnya dengan baik. Saya beri contoh katalah seorang Pemungut Hasil Tanah atau Pegawai Daerah di Telok Intan oleh kerana masalah tanah daerah itu terlampau rumit.....

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang Dipertua, on a point of order. Peraturan Mesyuarat 41 (a) menyatakan bahawa semasa mesyuarat bersidang semua ahli-ahli hendaklah masuk ke Dewan atau keluar daripada Dewan atau membawa diri dalam Dewan dengan tertib adab.

Tuan Yang Dipertua, saya pandang bahawa ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah tidur agak lama, saya fikir mungkin ketidurannya bukan satu perbuatan yang mulia dalam Dewan yang mulia ini. Jikalau ada pelawat-pelawat dari luar negeri menyaksikan perbuatan ini.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat, memadailah Ahli Yang Berhormat menarik perhatian saya kepada Peraturan Mesyuarat berhubung dengan Tertib Mesyuarat 41 (a).

Tuan Sim Kwang Yang: Saya minta, Tuan Yang Dipertua.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Oleh kerana dipersoalkan sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini membawa diri secara tertib atau tidak dan oleh kerana diberi kuasa kepada saya untuk menentukan, maka saya berpendapat bahawa tidak ada berlakunya sesuatu perbuatan yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat membawa diri dalam Dewan ini dengan tidak tertib, maka saya minta Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok teruskan ucapan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, seperti mana yang saya katakan tadi perbuatan-perbuatan untuk menindas pegawai-pegawai tanah yang telah menjalankan tugasnya dengan begitu baik seperti mana yang saya sebutkan contohnya tadi belum sempat dia menghabiskan ataupun membereskan kerja-kerja dalam masalah tanah di peringkat negeri kalau dia Pesuruhjaya Tanah di daerah kalau dia Pegawai Daerah atau Pemungut Hasil Tanah tetapi kerana kejujuran dan kebaikannya mengikut peraturan-peraturan yang telah diberi kuasa kepadanya tetapi ada orang lain ataupun orang yang lebih istimewa campurtangan, umpamanya ada orang politik yang boleh mengatasi, boleh menentang beliau itu daripada jawatannya yang begitu di situ, maka pegawai itu menjadi mangsa. Jadi perkara-perkara yang semacam ini menakutkan pegawai-pegawai yang lain untuk menjalankan tugas dengan begitu baik sekali.

Saya suka timbulkan perkara ini supaya daripada hari ini ke masa hadapan, kerana pada hari semalam pun saya ada mendengar jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri apakah garis-garis panduan kepada pegawai-pegawai kita yang kita hendak katakan ialah kepimpinan

melalui tauladan termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan kita yang menjalankan tugas dengan baik, tetapi apabila mereka itu begitu baik menjalankan tugas, begitu teratur mengikut aturan dan peraturan, mengambil tindakan kalau sesiapa yang ada mencero bohi tanah secara haram, apakah lagi orang yang diambil tindakan itu adalah orang-orang jutawan dan hartawan ataupun berpangkat tinggi maka pegawai yang mengambil tindak itu akan menjadi mangsa. Inilah yang saya patut tekankan di sini kerana kalau perkara ini tidak dilindungi oleh Kerajaan, tidak dilindungi oleh Kementerian Kemajuan Tanah, saya kira masalah tanah ini sampai kiamat pun tidak akan selesai.

Tuan Yang Dipertua, bukanlah saya hendak membela pegawai-pegawai ataupun Menteri-menteri Besar yang begitu baik menjalankan tugas mengenai tanah itu walaupun saya tidak pernah menjadi Pegawai Kemajuan Tanah tetapi pada pemikiran saya dengan adanya undang-undang yang kita luluskan di dalam Dewan ini yang memberi peruntukan kepada Pesuruhjaya Tanah untuk menurunkan kuasa-kuasanya kepada pegawai yang difikirkan patut dan sesuai, patutlah saya mencadangkan supaya Menteri Kemajuan Tanah ataupun Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri ataupun Perdana Menteri atau Jabatan Perdana Menteri mengambil suatu sikap yang begitu baik kepada pegawai-pegawai kita untuk menjamin masalah tanah ini tidak akan memenuhi rungutan ataupun kegagalan di masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, sekarang saya akan mengemukakan beberapa perkara di dalam fikiran ataupun catatan saya yang akan saya suarakan supaya mendapat perhatian daripada

Menteri Kemajuan Tanah dan juga pegawai-pegawai yang akan melaksanakan perkara-perkara yang menyentuh soal-soal untuk membereskan kerja-kerja mengenai masalah tanah.

Satu perkara yang sangat menjadi masalah besar kepada rakyat di dalam negara kita ini terutama sekali rakyat di luar bandar yang kita sedia maklum bahawa pada keseluruhannya masalah tanah yang paling rumit ataupun yang paling banyak berlaku ialah kepada penduduk-penduduk luar bandar ataupun kepada orang-orang kampung yang menyokong Kerajaan ataupun yang memberi sepenuh kepercayaan dan taat setia kepada Kerajaan bagi mentadbirkan masalah mereka.

Kita tahu bahawa pemilik-pemilik tanah yang berada di dalam negara ini mendapat tanah dengan berbagai cara. Ada di antaranya melalui pembelian daripada tuan tanah yang asal kepada pembeli-pembeli dan ada pula di antaranya ialah menerima pusaka daripada ibubapa mereka itu yang ada memiliki tanah apabila meninggal waris-warisnya menerima tanah itu sebagai pusaka tetapi apa yang menyedihkan ialah berkenaan dengan geran-geran tanah terutama sekali geran-geran tanah kawasan simpanan Melayu yang kita biasa dengan nama "geran merah" sangatlah menjadi kesulitan bagi orang-orang kampung untuk menyelesaikan ataupun memajukan tanah mereka itu. Sebagai contoh, seorang bapa meninggalkan anaknya, katalah 5 orang dan tanahnya ada 5 ekar tetapi gerannya satu. Jadi, kelima-lima anak mereka ini yang mewarisi tanah daripada bapanya yang meninggal, mempunyai masalah untuk memajukan tanah tersebut. Apa yang saya harapkan ialah sekiranya dapat bagi Kementerian ini ataupun pegawai-pegawai yang kita tugaskan ini mencari satu jalan supaya geran-geran

tanah tersebut dapat dipecah-pecahkan, dengan tujuan pemilik-pemilik kepada tanah tersebut boleh membuat sesuatu yang baik di atas tanah yang mereka miliki.

Satu perkara juga yang berlaku mengenai tanah-tanah rizab Melayu. Saya nampak banyak juga telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Di dalam sekatan hakmilik geran-geran tanah tersebut, ada menyatakan bahawa tanah-tanah itu tidak boleh ditukar milik kepada bukan bumiputera, tetapi ada di antaranya yang saya dapat lihat berlaku pertukaran di mana tanah rizab Melayu itu sepatutnya begitu keadaannya, tetapi telah dimusnahkan sekatan hakmilik di dalam geran tersebut. Jadi perkara ini, Tuan Yang Dipertua, saya berharaplah supaya Kementerian Kemajuan Tanah ataupun pegawai-pegawai yang ditugaskan di dalam hal ini meneliti supaya kejadian-kejadian seperti ini diharapkan tidaklah berlaku di masa yang akan datang.

Ketiga, saya ingin menyentuh mengenai pengeluaran tanah-tanah yang baru yang dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat diselaraskan, kerana kita sedia maklum bahawa Menteri-menteri Besar dan juga Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah ada melakukan pertemuan ataupun permesyuaratan sama ada sebulan sekali atau tiga bulan sekali. Apakah tidak boleh bagi mereka yang berkuasa ini menyelaraskan di antara satu negeri dengan satu negeri sekiranya perkara pengeluaran tanah-tanah baru Kerajaan ini dapat diselaraskan, ertinya kalau boleh biarlah sama kalau pun tidak dapat sama 100% tetapi pada keseluruhannya.

Saya ingin mencadangkan supaya ada penyelarasan di antara Menteri Besar dan juga Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah Negeri-negeri

dengan Kementerian Kemajuan Tanah menjadi sebagai induk untuk menyatukan cara-cara pemberian ataupun pengeluaran tanah kepada rakyat di dalam negara ini.

Saya suka menekankan perkara ini, oleh kerana di dalam Undang-undang Kanun Tanah Negara ada menyebutkan ada juga kuasa-kuasa yang diberikan sama ada kepada PTG ataupun kepada Pegawai Daerah. Mereka ini boleh mengeluarkan, memberikan atau meluluskan permohonan tanah daripada rakyat dengan had atau keluasannya ditentukan di dalam kuasa-kuasa yang ada pada pegawai-pegawai tersebut. Tetapi selalu saya terdengar rungutan-rungutan daripada rakyat ataupun daripada orang-orang kampung di mana pemberian ataupun kelulusan yang dilakukan setengah-setengahnya adalah tidak adil, oleh kerana ada rungutan yang saya terima. Kepada orang kampung ataupun orang yang susah hendak memohon tanah—orang miskin saya katakan—memohon tanah empat ekar sudahlah borang yang diberi percuma itu dikenakan bayaran, adalah orang yang memainkan peranan. Si miskin ini tadi mengeluarkan wang, mengisi borang, walaupun borang itu percuma, memohon tanah empat ekar tidak lulus, biasanya tidak lulus kerana orang-orang kaya, orang-orang miskin, biasanya tidak lulus, yang lulus itu orang yang kaya-kaya. Jadi sebab itulah mereka mengatakan bahawa di dalam negara kita ini orang kaya bertambah kaya, orang miskin bertambah miskin. Apabila dikatakan mengapa terjadi begitu? Oh! kita ini mempunyai dasar bebas, jadi segala-galanya bebas, maka berlakulah perkara yang seumpama itu. Jika ini dibiarkan begitu sahaja, hasrat Kerajaan bukan sahaja hendak membasmi kemiskinan, hendak mengurangkan kemiskinan pun saya rasa tidak akan berjaya. Jadi, harapan saya yang besar ialah kepada

Kementerian Kemajuan Tanah ini sahajalah yang akan dapat membela nasib orang miskin atau nasib orang kampung itu, di masa-masa yang akan datang ini berilah orang kampung itu merasai tanah Kerajaan sama ada tanah pertanian ataupun tanah dalam projek-projek yang lain supaya mereka itu dapat menikmati nikmat kemerdekaan di dalam negara mereka itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana pembangunan tanah di dalam negara kita ini dapat saya bahagikan seperti berikut:

- (i) tanah-tanah yang dibangunkan kepada peruntukan agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan yang lain-lainnya, ini ditadbirkan oleh agensi-agensi Kerajaan sama ada agensi Kerajaan Pusat atau agensi Kerajaan Negeri;
- (ii) satu lagi ialah tanah-tanah perlombongan untuk mengaut atau mengorek hasil lombong itu kepada penguasa perlombongan; dan
- (iii) satu lagi ialah tanah perhutanan iaitu untuk mengeluarkan kayu-kayu balak di dalam hutan itu, ini juga ada dengan EXCO ataupun Jawatankuasa Perhutanan;
- (iv) pembangunan-pembangunan tanah mengenai perumahan yang ditugaskan kelulusannya daripada task force.
- (v) pembangunan tanah untuk perindustrian ataupun perkilangan.

Saya cuma berharap ataupun di dalam pembangunan tanah yang lain yang saya tidak sebutkan, kesimpulan daripada semua pembangunan-pembangunan tanah yang saya telah sebutkan tadi ataupun yang belum saya sebutkan yang tidak dapat saya

sebutkan, biarlah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita. Oleh kerana saya katakan perkara ini, Tuan Yang Dipertua, di atas kertas sahaja, kalau saya perhatikan bukanlah semua sekali, ada di antaranya, di atas kertas sahaja cerita untuk segala pembangunan dalam negara ini untuk Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, tetapi perlaksanaannya ada di antaranya yang sangat-sangat mendukacitakan.

Jadi saya berharap kalau di dalam perkara agensi Kerajaan misalnya FELDA dan sebagainya, itu boleh dikatakan baik tetapi dalam perkara-perkara yang lain seperti di dalam bidang perlombongan, di dalam bidang perhutanan, di dalam bidang perumahan, di dalam bidang industri dan sebagainya, kalau untuk bumiputera itu, saya rasa boleh dikatakan tidak memuaskan hati. Umpamanya saya beri contoh dalam suatu permohonan sama ada permohonan lombong ataupun permohonan hutan ataupun permohonan perumahan kerana inilah perkara yang boleh mencepatkan seseorang itu kita katakan maju di dalam perusahaan perniagaan dan sebagainya ataupun lebih terang saya katakan cepat kaya untuk kesenangan yang boleh dikatakan maju di dalam kehidupan; sampai 3-4 tahun tidak lulus dan apabila sampai tahun yang kelima, barulah dapat jawapannya, "Permohonan tuan tidak diluluskan". Pengusaha-pengusaha bumiputera ini sudah keluar duitnya, ada yang menjual harta dan sebagainya untuk mendapatkan kuih (cake) untuk dipecah-pecahkan, dibahagi semua merasa dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang Dipertua, kalau hendakkan failnya saya boleh beri kerana ini bukan saya bercakap kosong, ada failnya-hitam putihnya, di mana pemberian ada setengah-setengahnya dari segi untuk kemajuan

perlombongan, perhutanan dan perumahan ini banyak di antaranya ataupun ada di antaranya pilih kasih, bukan sebenarnya berdasarkan daripada latar belakang. Kertas kerja ada dan yang membuat kertas kerja itu bukanlah \$1 ribu, \$2 ribu tetapi sampai \$10 ribu. Jadi kalau beginilah keadaannya, masalah-masalah tahun ini akan menjadi rungutan yang tidak akan berhenti daripada rakyat yang cuba untuk mengambil bahagian di dalam Dasar Ekonomi Baru yang menyentuh dari segi penggunaan tanah.

Selain daripada itu, saya sukalah meminta perhatian juga kepada pegawai-pegawai tanah yang kita tugaskan tugas ini kepada mereka sepertimana rakan-rakan saya mengatakan tadi biarlah tegas di dalam sesuatu tindakan dengan tidak mengira takut dan sebagainya. Sebagai contoh ada di antara pengusaha-pengusaha misalnya dalam perumahan yang cuba membangunkan rumah-rumah ataupun bangunan-bangunan kedai yang tidak mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan. Di dalam kawasan saya sendiri ada berlaku dalam kawasan Hilir Perak, tetapi apa yang saya dapat dilaksanakan dibawa di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah hanyalah perkara itu dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri minta nasihat apakah tindakan yang patut diambil kepada pengusaha-pengusaha haram perumahan. Itu dalam bentuk pembangunan perumahan, Tuan Yang Dipertua.

Ada juga pengusaha-pengusaha tanah haram dan keluasan tanah haram yang dikerjakan oleh mereka ini ada yang besar, ada yang kecil, ada yang berpuluh ekar, ada yang beratus ekar, ada yang beribu ekar yang dikerjakan oleh pengusaha-pengusaha haram ke atas tanah Kerajaan. Jadi ada juga pegawai-pegawai yang

mengambil tindakan dan ada juga pegawai-pegawai yang tidak mengambil tindakan di atas pengusaha-pengusaha haram ini yang mana kalau kita selidiki dan kalau kita siasat keuntungan yang didapati oleh pengusaha-pengusaha tanah haram ini sama ada mereka itu mengusahakan, satu masa dahulu kita pernah dengar umpamanya perusahaan menanam orkid ataupun bunga, perusahaan menanam kelapa sawit dan yang lain-lain lagi secara haram dengan keluasan tanah yang beribu-ribu ekar, yang menduduki tanah itu bertahun-tahun, bukanlah setahun dua, ada yang sampai 5-10 tahun ataupun 20 tahun. Jadi perkara ini dibiarkan sahaja, Tuan Yang Dipertua. Maka saya berharap juga kepada pegawai-pegawai ataupun kepada Kementerian Kemajuan Tanah yang kita tugaskan setelah lulusnya amendment yang kita bentangkan di dalam Dewan ini supaya perkara ini dapat diambil tindakan sekurang-kurangnya dalam penggal 4 atau 5 tahun ini. Saya harap kesannya akan terdapat.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin memasuki perkara yang lain di dalam masalah tanah ini. Satu perkara yang diberitahu kepada saya oleh rakyat yang sempat menyampaikan masalah mereka kepada saya ialah mengenai rancangan-rancangan Kerajaan di mana di dalam rancangan pembangunan Kerajaan itu melibatkan tanah-tanah rakyat. Ini termasuklah dalam rancangan pembangunan Kerajaan Pusat, juga rancangan pembangunan Kerajaan-kerajaan Negeri. Umpamanya, kita tahu di dalam masa rancangan pembangunan negara berjalan banyak jalanraya-jalanraya telah dibuat baru, banyak parit-memarit telah dilakukan, banyak kawasan-kawasan yang diambil oleh Kerajaan untuk berbagai-bagai jabatan dan sebagainya tetapi apa yang mendukacitakan ialah sungutan ataupun rayuan-rayuan rakyat di mana masalah pembayaran

gantirugi yang dilakukan oleh Kerajaan ataupun yang dilakukan oleh Jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian Kerajaan itu ada di antaranya yang sungguh-sungguh tidak memuaskan hati orang-orang kampung ataupun rakyat luar bandar ataupun dalam bandar yang menerima kerugian di atas pembangunan-pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan .

Maka saya berharap, Tuan yang Dipertua, kepada Kementerian Kemajuan Tanah supaya perkara ini dapat diselidiki, disiasat dan mana-mana perkara yang sudah begitu lama tergantung bukanya setahun atau dua tahun barangkali ada yang sampai 3 tahun mereka itu tidak mendapat gantirugi di atas tanah-tanah mereka, saya berharap perkara ini dapat diselesaikan. Ini bukanlah kerana apa, oleh kerana mereka itu selalu menyuarakan kepada Wakil-wakil Rakyat kerana Wakil Rakyatlah yang akan menjadi sasaran kata mereka, inikah dia Kerajaan yang kita sokong, yang kita berikan kepercayaan tetapi soal nasib kami untuk kemajuan negara, kami yang menjadi mangsa yang tidak mendapat gantirugi lambat dan sebagainya.

Selain daripada itu apa yang saya dapat tahu oleh kerana negara kita ini sedang membangun, perkara tanah ataupun perkara wang panas daripada tanah juga berlaku di dalam bandar-bandar, umpamanya di Johor Bahru dan juga di bandar-bandar yang lain di dalam negara kita ini. Perkara wang panas mengenai tanah ini, terutama sekali tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu ataupun bumiputera sedapat mungkin atau sehelah daya saya sangat berharap kepada Kementerian Kemajuan Tanah dapatlah memainkan peranan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, kepada Menteri Besar dan Pesuruhjaya Tanah dapat melindungi tanah-tanah

bumiputera ini supaya tidak menjadi mangsa kepada wang panas ini yang mana saya difahamkan telah disogokkan dengan wang begitu di luardugaan ataupun di luar daripada pengetahuan kita.

Kalau umpamanya tanah itu didapati benar-benar menguntungkan kepada mereka yang mencari kesempatan ini, tidak mahu \$100,000 akan ditambah \$200,000 akan ditawarkan \$500,000. Soal wang ertinya tidak menjadi masalah kepada mereka yang hendak mencari kesempatan ini. Ada pula yang mengatakan ataupun yang memberi tahu, memikirkan bagaimanakah pihak yang mengambil kesempatan ini mendapatkan wang yang begitu banyak. Adakah mereka ini dapat wang dari luar negeri dan sebagainya, ini juga diperkatakan. Ertinya masalahnya dapat sahaja tanah itu tidak kira beberapa juta pun mereka boleh beri.

Saya berharap kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kerajaan-kerajaan Negeri, kerana kita tahu bumiputera dan orang Melayu ini maklumlah masalah wang ini, apatah lagi mereka itu di dalam kesempatan mudah sahaja terpengaruh dengan propaganda mereka yang mengambil kesempatan di atas pembangunan kemajuan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya ingin menyuarakan perkara yang barangkali jarang-jarang disebut ataupun jarang-jarang diingat, saya tidak tahu sama ada perkara ini ada di dalam pengetahuan Kementerian Kemajuan Tanah mengenai tanah-tanah yang begitu luas sekali di dalam negara Malaysia ini, yang dipunyai ataupun dimiliki oleh orang-orang yang bukan warganegara di dalam negara kita ini. Kita tidak kira sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera memiliki

tanah di dalam negara kita ini yang begitu luas, tetapi kepada mereka yang bukan warganegara yang mana tanah ini kita sedia maklum diberikan semasa penjajahan Inggeris dahulu di mana tanah ini luasnya berjuta-juta ekar atau beratus-ratus ribu ekar yang masih dimiliki oleh warganegara-warganegara asing yang berpusat di London, di Denmark atau di mana juga di luar negeri ini. Kiranya dapat dikaji semula bukanlah saya mencadangkan untuk dirampas, itu barangkali terlalu keras, tetapi terpulanglah kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi dari segi cukai saya mendapat tahu cukai atas ladang-ladang ataupun tanah-tanah estate ini adalah begitu murah sekali kalau tidak salah saya, minta maaf, kalau saya tersilap, kalau dikira dengan ekar atau hektar mungkin 50 sen atau \$1 sahaja bagi tiap-tiap hektar atau ekar, tetapi bagi tanah orang-orang kampung setiap tanah mereka itu dicukai dengan begitu tinggi sekali berbanding dengan tanah ladang-ladang yang dimiliki oleh bukan warganegara.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Apa yang mendukacitakan pada suatu masa dahulu, tidak berapa lama dahulu, apabila ada pemodal-pemodal negara atau pemodal-pemodal tempatan di dalam negeri Malaysia kita ini yang cuba untuk mengambil alih saham-saham syarikat-syarikat yang memiliki tanah di dalam negara kita ini, tetapi telah disekat oleh Kerajaan British dan sebagainya. Perkara ini saya sangat berharap supaya kepentingan rakyat ataupun kepentingan negara kita mesti diutamakan daripada kepentingan pemilik-pemilik daripada luar negeri ini.

Selain daripada itu, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya masih ingat lagi, mungkin perkara ini masih

ada lagi berlaku di dalam negara kita, iaitu mengenai tanah-tanah, terutama sekali kepunyaan orang-orang bandar khasnya kaum bumiputera kita yang masih tergadai dan masih tidak dapat dilaksanakan oleh pemilik-pemilik tanah tersebut yang barangkali mendapat nasib yang kurang baik, tertipu dan sebagainya, haruslah juga diambil kira supaya pegawai-pegawai ataupun Kementerian ataupun Kerajaan Negeri mencari satu jalan supaya tanah-tanah yang tergadai termasuk juga tanah-tanah yang terbiar seperti yang disuarakan oleh rakan-rakan saya tadi. Apakah satu cara yang patut diambil tindakan supaya tanah-tanah yang tergadai ini atau tanah-tanah terbiar ini yang mana tanah yang tergadai, yang terbiar ini akan menjadi satu masalah kepada pemilik-pemilik tanah yang berhampiran. Mereka itu mengusahakan tanah-tanah mereka tetapi sebaliknya tanah-tanah yang berhampiran yang terbiar dan tergadai itu menyimpan musuh-musuh dan sebagainya yang boleh menjadi masalah kepada pemilik-pemilik tanah di luar bandar atau di kampung itu disebabkan oleh tanah-tanah yang tergadai ataupun tanah yang terbiar ini tidak diusahakan. Perkara ini mengancam kepada pekebun-pekebun kecil atau pengusaha-pengusaha tanah di seluruh negara kita ini.

Buat akhirnya, saya akan menyarankan, bagi pegawai-pegawai yang telah kita lantik atau yang akan dilantik bagi satu pencapaian yang begitu baik di dalam pentadbiran tanah dan sebagainya ini, saya sangat berharap supaya Kementerian Kemajuan Tanah dapat membuat sesuatu usaha sama ada untuk mengadakan satu kongres bagi pembangunan tanah, bagi mencari ataupun mendapatkan sesuatu keputusan supaya kemajuan ataupun masalah-masalah tanah di dalam negara kita ini dapat kita atasi dengan begitu berkesan untuk menyatakan

pentadbiran tanah di seluruh negara ini di bawah Kementerian Kemajuan Tanah.

Maka dengan ini saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah serta menyokong Akta meminda Ordinan Pesuruhjaya Tanah 1957 ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Matang.

6.28 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Yang Dipertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dan berbahas bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya yang lain dalam Dewan yang mulia ini iaitu mengenai Rang Undang-undang yang bertujuan meminda subseksyen (1), seksyen 5, Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 untuk memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Persekutuan bagi membolehkannya melantik mana-mana pegawai menyaksikan perletakan meterai Perbadanan pada segala suratikatan, dokumen, dan suratcara lain yang menghendaki meterai Perbadanan, dan menandatangani segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain sedemikian bagi maksud-maksud subseksyen itu, selain daripada Pesuruhjaya itu, seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu semalam.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah Rang Undang-undang Tanah, atau Kanun Tanah Negara patut diperketatkan. Kita sedar bahawa kuasa tanah adalah dibawah Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi pihak Kerajaan Pusat harus sedar dan hendaklah Kerajaan Pusat di bawah Majlis Tanah Negara supaya mencari satu jalan atau dengan meminta Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga bersama-sama Yang

Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah agar selalu memanggil semua Menteri-menteri Besar dan juga Ketua-ketua Menteri agar dapat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah berunding atau menasihati dengan mereka ini beserta juga dengan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian dari Negeri-negeri di seluruh negara agar dapat diperbincangkan dan dapat membaiki atau memperkemaskan kedudukan Akta Tanah di dalam tiap-tiap negeri di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, di sini ingin saya menekankan agar tanah-tanah ini dapat diperkembangkan kedudukan dalam Majlis Tanah Negara supaya tanah-tanah ini tidak terlepas ke tangan orang-orang asing sebagaimana yang telah disarankan oleh beberapa kawan-kawan saya tadi yang mana kita sedar bahawa mereka ini iaitu orang-orang asing memang mencari peluang untuk kepentingan-kepentingan mereka bagi membolot kekayaan mereka tanpa memikirkan kepentingan-kepentingan rakyat yang dihaif yang masih dahagakan tanah di negaranya sendiri.

Tuan Yang Dipertua, kalau tidak dikawal dengan rapi kemungkinan di suatu hari nanti semua tanah-tanah termasuk tanah-tanah reserve Melayu hapus, akan habis dan apakah akan terjadi kepada tanah-tanah ini dan juga kepada jenerasi-jenerasi yang akan datang khususnya kepada anak-anak bumiputera kita.

Tuan Yang Dipertua, kita sedar dan kita harus sedar dan mungkin yang masih belum sedar hendaklah kita sedarkan dalam masalah tanah sebagaimana yang kita dengar daripada saranan-saranan yang telah diujulkan oleh beberapa orang kawan-kawan saya sejak daripada semalan sehingga ke hari ini yang

mana kita ini berasal dari tanah dan akhirnya akan pulang juga ke tanah. Jadi dalam masalah ini haruslah kita berwaspada supaya tidak akan berlaku lagi perkara-perkara penyelewengan-penyelewengan sepertimana yang telah berlaku sejak kebelakangan ini. Banyak berlaku penyelewengan-penyelewengan sama ada diperingkat Pejabat-pejabat Tanah, sama ada di Pejabat Tanah Daerah ataupun di Pejabat-pejabat Tanah Negeri yang mana ada, saya tidak menyatakan semua, ada segelintir manusia yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang sanggup memberi peluang kepada pihak-pihak yang tertentu mengenai masalah tanah ini tanpa kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, banyak didapati tanah-tanah Kerajaan yang telah diterokai, yang telah terlepas kepada pihak-pihak yang tertentu, kepada orang-orang kenamaan. Ini saya tidak dapat menafikan oleh kerana tadi ada setengah di antara kita menuduh di atas penyelewengan setengah daripada pegawai-pegawai Kerajaan sendiri, tetapi kita harus sedar bahawa ada juga segelintir manusia yang menggunakan kuasa politiknya untuk mempengaruhi pegawai-pegawai ini untuk diberikan kepada dirinya sendiri ataupun kepada pihak-pihak tertentu yang menjadi favouritenya, misalnya dalam masalah kelulusan tanah. Ini banyak berlaku di tempat saya. Kalau Tuan Yang Dipertua ingin tahu dan juga pihak Menteri sendiri ingin tahu, saya akan mendedahkannya, saya akan memberi bukti-buktinya yang mana ada tanah-tanah Kerajaan diberi tanpa kebenaran Pejabat Tanah, tanpa kebenaran daripada EXCO Negeri maka tanah itu diberi kepada orang-orang yang ternama untuk didirikan rumah batu yang besar cukup lengkap dengan swimming pool, dengan izin, Tuan Yang Dipertua. Ini saya berharap kepada pihak-pihak yang berkenaan, kerana saya selalu

berunding di peringkat daerah dengan Pegawai Daerah supaya pegawai ini ditukar ke tempat lain tetapi tanpa diambil tindakan apa-apa. Saya selalu menekankan di dalam masalah konsep bersih, cekap dan amanah ini saya kadangkala sebagaimana saya sarankan tadi, ini saya tidak menyalahkan kepada pihak pegawai itu sahaja bahkan kepada pihak orang-orang yang tertentu yang menggunakan kuasa politik dia.

Saya minta maaf, Tuan Yang Dipertua, sebab saya sendiri pun orang politik, tetapi kadangkala orang politik kalau kita jujur ada orang meluat, dibenci oleh orang-orang yang tertentu. Oleh kerana kita sekarang mengikut dasar bersih, cekap dan amanah yang disarankan oleh pucuk pimpinan 2M. Jadi, dalam masalah ini, dan juga kepada sahabat-sahabat saya sama ada di peringkat Parlimen ataupun di peringkat Negeri ataupun di peringkat mana-mana walau bapak Menteri sekalipun, walau Exco sekalipun kita mesti sedar, kita mesti jujur, ikhlas, kalau kita hendak tolong kepada satu orang, kita tolong, jangan kita tolong ada udang di sebalik batu. Kita tidak mahu sebagaimana kata perumpamaan Cina, "peribahasa Cina" cakap tak serupa bikin, lain bikin, lain dibuat. Jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku sama ada orang-orang politik ataupun kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah tanah ini juga saya dapati banyak tanah-tanah Kerajaan yang diterokai oleh rakyat, tetapi dalam masalah ini saya tidak salahkan rakyat, oleh kerana rakyat dahagakan tanah, sebagaimana apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok tadi memang benar. Rakyat minta bukan kata dua ekar atau tiga ekar, rakyat yang hauskan tanah yang mana tanah lot 60×90—45×90 iaitu payah hendak

dapat. Jadi, tanah-tanah yang luas terlepas kepada orang-orang yang mempunyai kedudukan ataupun orang-orang yang mempunyai banyak wang. Saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, sebagaimana kata pucuk pimpinan kita sekarang, kita mesti berubah sikap kita, sama ada di peringkat ahli-ahli politik ataupun pegawai-pegawai Kerajaan. Kita mesti ubah satu sikap yang mana tiap-tiap kita manusia mesti mengenalkan diri kita sebelum kita kenal orang lain. Siapa aku, begitu kata dalam ilmu Tasawuf. Kenalkan diri kamu sebelum kamu kenal Tuhan kamu. Ini bak kata orang tua-tua, kita cerminkan diri kita dahulu baharu kita kata orang macam saya ini sudah cermin tadi.

Tuan Yang Dipertua, selalu berlaku penyelewengan ini oleh kerana kadang-kadang kita menggunakan kuasa kita hendak menunjuk siapa besar, siapa yang lebih berkuasa. Contohnya tempat saya, kata Pegawai Tanah, akulah yang memberi kaya kepada orang Melayu, kata Pegawai Lombong pula, sayalah yang memberi kaya kepada orang Melayu, aku beri lombong, jadi masing-masing hendak tunjuk siapa besar, siapa yang lebih berkuasa.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah ini saya berharap kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya mengkaji dalam masalah tanah ini yang mana di bawah Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini supaya selalu memperbincangkan dengan pihak Kerajaan Negeri. Oleh kerana kita pada masa sekarang rakyat makin sehari makin ramai, tanah makin berkurangan macam itu juga. Kita lihat sendiri rakyat kita ini sanggup meneroka tanah-tanah Kerajaan sama ada di luar-luar bandar

ataupun di pinggir bandar kerana mereka dahagakan tanah, tidak ada tanah, minta di sana tidak dapat, minta di sini tidak dapat, sampai dua tiga kali tidak dapat tanah yang sekangkang kera itu tetapi dapat kepada orang-orang yang sudah ada mempunyai tanah. Dalam masalah ini ada setengah rakyat mengatakan kami teroka ini tanah Kerajaan, orang kata tanah haram. Dia kata ini bukan tanah haram, yang ada tanah haram cuma di Mekah sahaja, itu kata rakyat bukan kata saya, saya tukang sampai sahaja. Jadi, benar kalau kita fikir apa yang disuarakan oleh rakyat itu memanglah kita terima dan kita sebagai Kerajaan mesti berfikir secara mendalam apa akan terjadi dan juga kita akan mengingati balik dalam masalah sejarah, kemudian sejarah itu akan berulang balik, dengan izin, sebagaimana kata orang Putih, history repeats itself.

Kita tidak mahu berlaku mengapa di setengah-setengah negara macam di negara macam di Amerika Latin, dalam masalah tanah, masalah ekonomi, apabila rakyat rasa penderitaan ini rakyat akan menuju ataupun akan mengikut satu sistem lain yang bercurak sosialist atau komunisma. Jadi, kita di sini dalam negara kita Malaysia ini yang mana kita mengamalkan demokrasi, haruslah kita, pemimpin-pemimpin negara kita mesti menyedari hakikat ini supaya jangan rakyat di negara kita ini pada satu hari akan menentang dan mengadakan satu revolusi pula.

Tuan Yang Dipertua, satu masalah lagi dalam masalah pengambilan tanah-tanah orang-orang Melayu untuk dijadikan projek-projek Kerajaan. Misalnya, Kerajaan hendak membuat Lebuhraya. Sebagaimana berlaku di kawasan saya sendiri yang mana menjadi satu masalah kepada Kerajaan dan juga kepada Kerajaan dan juga kepada kita Wakil Rakyat

sendiri. Apabila tidak dapat selesai dengan pihak Bahagian Lebuhraya, rakyat ini terpaksa berjumpa dengan Wakil Rakyat dan Wakil Rakyat pula terpaksa bawa rakyat-rakyat ini berjumpa dengan pegawai-pegawai yang tertentu sama ada di Ipoh, ada sekali itu sampai ke Kuala Lumpur terpaksa datang. Dalam masalah pengambilan tanah ini Kerajaan harus menghalusi dengan sedalam-dalamnya. Kita sedar bahawa kita hendakkan pembangunan tetapi ciri-ciri pembangunan itu hendaklah bersesuaian dengan keadaan.

Misalnya, dalam masalah jalan ini, kita hendak buat Lebuhraya, kebanyakan Lebuhraya ini terkena kepada tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu kita di kampung-kampung yang mana tanah ini sebagaimana yang disarankan oleh beberapa kawan kita tadi, tanah ini ada setengahnya itu dalam satu geran dua ekar, tiga ekar, ada setengahnya satu ekar pun ada. Dan daripada satu ekar atau dua ekar itu pula dipunyai oleh dua tiga orang yakni tanah pesaka. Kita sedar Kerajaan akan membayar kepada pihak tuan tanah ini tetapi apabila diterima wang itu menjadi satu masalah di mana pula mereka akan tinggal, di mana pula mereka itu akan mendapatkan tanah untuk digantikan tanah mereka tadi.

Yang menjadi masalah pula bayaran tanah inipun tidak begitu setimpal dengan tanah tadi. Apabila misalnya satu ekar di kampung cuma dibayar lebih kurang dalam \$15,000 atau \$20,000 paling tinggi \$30,000. Tuan-tuan tanah ini mereka ingin mendapat sekeping tanah yang lain, mereka terpaksa mencari tanah untuk membeli tetapi tidak dapat oleh kerana tanah yang mereka hendak beli yang mana keluasannya sama, harganya lebih mahal daripada wang pendapatan daripada bayaran pampasan oleh pihak Kerajaan tadi. Inilah yang menjadi satu masalah.

Tuan Yang Dipertua, seperkara lagi berhubung dengan masalah kelewatan pemberian geran-geran tanah oleh Pejabat Tanah dan juga pihak Kerajaan Negeri. Misalnya, saya beri contoh di tempat saya yang mana Kerajaan telah menyediakan tanah sebanyak 350 lot yang mana tiap-tiap lot itu luasnya 60×90 kaki. Tanah ini telah diinterviewkan kepada orang ramai pada tahun 1975 dan telah dibayar premiumnya pada tahun 1979, tetapi sehingga hari ini tanah itu masih belum diberi walaupun premiumnya telah dibayar. Sehingga hari ini tanah itu belum boleh diboleh kepada orang-orang yang mempunyai tanah itu oleh kerana di tanah yang disebutkan tadi dipenuhi pula oleh peneroka-peneroka ataupun setingganging. Jadi inipun menjadi satu masalah juga kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga Pejabat Tanah. Saya berharap kepada Pihak Kementerian Kemajuan Tanah agar memperkemas dalam masalah ini, iaitu dengan berhubung atau bekerjasama dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa setakat ini sahaja yang saya dapat menerangkan atau bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Maka dengan ini akhir kata saya menyokong di atas Akta Pindaan Tanah 1957. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.53 ptg.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang Dipertua, saya bangun ingin mengambil bahagian untuk membahas berkenaan dengan Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan) 1983 bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain.

Tuan Yang Dipertua, pada pandangan saya tujuan Akta ini dibawa ke Dewan yang mulia ini ialah untuk mengemaskinikan pentadbiran dan pengurusan tanah secara lebih licin dan memuaskan. Ini adalah satu langkah yang terpuji dan dialu-alukan. Akan tetapi pada himat saya undang-undang yang kemaskini, undang-undang yang sempurna semata-mata tidaklah juga merupakan satu jaminan yang hakiki untuk menguruskan masalah tanah dalam serba-serbi keperluan rakyat dan negara seluruhnya, malah ada beberapa faktor-faktor yang harus diberi perhatian oleh pihak Kerajaan.

Pertama ialah dari segi keupayaan yang cukup bagi melaksanakan sesuatu undang-undang tanah yang ada di negara kita ini. Apabila kita menyebut keupayaan maka tergambarlah di dalam fikiran kita satu daripadanya kita perlulah mewujudkan satu angkatan pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang cukup di samping mereka ini mestilah sentiasa diberi latihan dari semasa ke semasa di dalam soal-soal pengurusan tanah dan juga semangat supaya sesuai dengan kehendak dan keperluan negara. Kalau mereka ini semata-mata cekap, berkebolehan, pintar, tetapi kalau mereka ini malas, tidak bertanggungjawab, suka membuang masa, tidak mempunyai belas kasihan kepada orang ramai maka tidak bermakna kita sudah berjaya melahirkan keupayaan dalam kontek pegawai ini.

Oleh sebab itu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian ini yang telah mengadakan kursus kepada pegawai-pegawai di peringkat Pusat, Negeri sehingga ke Daerah, tetapi kursus-kursus ini perlulah dipertingkatkan lagi. Kita mestilah memastikan bukan sahaja pegawai-pegawai kita ini mempunyai pengetahuan di bidang

pengurusan tanah tetapi serentak dengan itu mereka mesti mempunyai sikap yang bertanggungjawab sepertimana yang saya katakan tadi, iaitu mesti rajin, cekap, bertanggungjawab, bertimbang rasa kepada siapa-siapa sahaja yang memerlukan perkhidmatan mereka yang kita latih dengan wang rakyat atau wang negara. Jadi pengetahuan yang mereka perolehi itu adalah datang daripada rakyat dan sudah sewajarnya diserahkan balik menerusi pekhidmatan mereka kepada rakyat. Jika sekiranya keadaan-keadaan ini dapat diatasi, maka sungutan-sungutan orang ramai yang mereka seringkali ke pejabat ada mengatakan yang Kerajaan tidak cukup pegawai kerana hendak menyelesaikan masalah-masalah tanah mereka, tetapi mereka melihat pegawai-pegawai ini membaca akhbar, pegawai-pegawai ini bersuka, riang gembira, berbual-bual kosong sesama mereka di hadapan orang-orang kampung.

Rakyat hari ini sudah tahu menilai kerana boleh dikatakan seluruh masyarakat yang muda-muda hari ini sudah kita berikan pelajaran menengah, mereka sudah tahu menilai. Kalau cakap tak ada pegawai, kerja tak siap; yang ada ini buat apa? Maknanya tenaga yang ada itu tidak digunakan dengan sepenuh-penuhnya. Di manakah letak kesalahan ini? Mungkin ada orang mengatakan kerana ketua pegawainya tidak bertanggungjawab menjaga orang-orang bawahnya, tetapi kita faham seseorang pegawai di Pejabat Tanah di peringkat Daerah, umpamanya katalah Tuan D.O. bukan sahaja hendak jaga soal tanah, dia juga perlu menjaga soal keselamatan, soal kebajikan-kebajikan yang lain, kadangkala mereka hadir menyuarat, pejabat tinggal.

Jadi kalau kita hendak mendapatkan pegawai yang baik, bukan hanya semata-mata kita adakah

seorang Ketua Pejabat yang baik sahaja tetapi soal individu tiap-tiap pegawai itu mestilah ada mempunyai sifat kawalan diri sendiri, sifat bertanggungjawab, ini yang penting. Kalau ilmu pandai mengurus tanah, draw plan sahaja tak cukup, sikap bertanggungjawab ini penting. Inilah yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir—Cekap, Bersih dan Amanah, saya sokong.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Bolehkah pada hari isnin saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab?

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya hendak sambung sedikit sahaja, ada perkara penting hendak disebut pada hari Isnin.

Tuan Yang Dipertua: Baiklah, jikalau begitu sambung hari Isnin.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang Dipertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 17(3), saya dengan hormatnya mengusulkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pengundi-pengundi yang sama bagi Kawasan-kawasan Pilihanraya

7.01 mlm.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speakar, saya bangun cuba menyampaikan Ucapan Penangguhan saya, walaupun saya tahu Ahli-ahli Barisan Nasional sekarang melarikan diri.... *(Disampuk—cakaplah, cakaplah, apa sebut Barisan Nasional).*

Tuan, Speaker, ini bukan satu sikap yang baik. Ada.....

Tuan Yang Dipertua: Saya bersetuju sikap itu tidak baik.

Tuan Karpal Singh: Barangkali apa yang terjadi hari ini tidak berulang lagi sekali. Jadi, ini bukan menjadi kedai kopi di mana boleh cakap apa yang mahu cakap. Itu bukan satu sikap yang boleh diterima dalam Dewan.....

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: On a point of order.

Tuan Yang Dipertua: On a point of order.

Tuan Karpal Singh: Ya.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tidak cukup koram.

Tuan Yang Dipertua: Sila bilang. Tidak cukup. Bunyikan loceng!

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir)

Tuan Yang Dipertua: 19 Ahli, tidak cukup koram.

Mesyuarat ditangguhkan kepada hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam.